

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

NEGERI SELANGOR SIRI 2

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT Pengurusan Perolehan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Bawah Pelan Strategik Teknologi Maklumat
36	JABATAN PERGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir
63	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA Pengurusan Premis Perniagaan
87	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.
109	PENUTUP



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2017 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di dua (2) Jabatan, satu (1) Agensi dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 20 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
2 November 2018



INTISARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. Pengurusan Perolehan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Bawah Pelan Strategik Teknologi Maklumat

- a. Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyenggarakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lengkap di Pejabat SUK Negeri Selangor dan sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor. Bagi mencapai objektif ini, BTM perlu melakukan perolehan ICT meliputi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja terhadap penyediaan peralatan, bekalan stok, sistem dan rangkaian ICT kepada pihak pengguna yang memerlukan. Berdasarkan kepada Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM), perolehan bagi projek yang dirancang dilaksanakan menggunakan empat (4) kaedah iaitu secara rundingan terus, tender, sebut harga dan pembelian terus. Perolehan yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada arahan dan pekeliling berkaitan perolehan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak PSTM. Berdasarkan PSTM tahun 2016 hingga 2020, antara objektif yang ditetapkan adalah untuk menilai keperluan integrasi data dan aplikasi Negeri Selangor, menaik taraf infrastruktur ICT terkini di Negeri Selangor serta mengenal pasti elemen penting yang diperlukan bagi membentuk pentadbiran pintar ke arah #Smart Selangor yang memfokuskan kepada *smart governance* bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat menggunakan teknologi bagi menambah kecekapan perkhidmatan. Peruntukan keseluruhan yang diterima oleh BTM daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah berjumlah RM45.64 juta. Purata peratus perbelanjaan bagi tahun 2015 hingga bulan Februari 2018 adalah pada kadar 64.4% iaitu berjumlah RM29.38 juta. Berdasarkan 64 sampel perolehan yang disemak sehingga bulan Februari 2018, sejumlah 57 (89.1%) perolehan telah siap mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala lima (7.8%) perolehan masih dalam peringkat pelaksanaan dan dua (3.1%) perolehan siap melebihi tempoh yang ditetapkan.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Pencapaian Output Perolehan ICT di Bawah PSTM

Prestasi pencapaian *output* perolehan ICT telah mencapai sasaran ditetapkan mengikut Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2016 – 2020. Daripada 42 sampel perolehan ICT di bawah PSTM yang disemak bagi tahun 2016 hingga 2018, sejumlah 29 (69%) projek ICT telah selesai dilaksanakan. Selain itu, tujuh (16.7%) projek ICT di bawah PSTM sedang dilaksanakan dengan status projek di pelbagai peringkat pelaksanaan. Manakala sejumlah empat (9.5%) projek ICT merupakan projek yang dilaksanakan adalah secara berterusan sepanjang tempoh PSTM. Hanya dua (4.8%) projek yang dirancang di bawah PSTM masih belum dimulakan.

ii. Prestasi Pencapaian Outcome Perolehan

- Sejumlah dua (2) daripada 64 perolehan masing-masing bernilai RM49,693 dan RM19,979 tidak mencapai maksud perolehan ditetapkan berikutan objektif perolehan hanya dapat dimanfaatkan dalam tempoh terhad iaitu masing-masing hanya selama 503 dan 328 hari selepas projek siap disebabkan oleh penggantian sistem baharu.
- Tahap kepuasan pengguna dan penyelesaian aduan berhubung masalah sistem ICT adalah pada tahap memuaskan dengan peratusan 58.8%. Selain itu, 92% responden berpendapat terdapat peningkatan kecekapan melalui penggunaan empat (4) sistem ICT yang telah dibangunkan oleh BTM.

iii. Terdapat kelemahan dalam aspek perancangan, pelantikan pembekal, pentadbiran kontrak, penilaian perolehan, pembayaran serta penggunaan dan penyimpanan yang menjejaskan kecekapan pengurusan perolehan ICT. Pihak Audit menggariskan beberapa kelemahan penting yang ditemui sehingga tarikh pengauditan pada bulan Ogos 2018 yang perlu diambil tindakan oleh pihak BTM seperti berikut:

- rundingan harga tidak dilaksanakan bagi enam (60%) daripada 10 perolehan secara rundingan terus dengan nilai perolehan berjumlah RM7.17 juta;
- justifikasi permohonan rundingan terus yang kurang wajar bagi dua (20%) daripada 10 perolehan secara rundingan terus dengan nilai perolehan berjumlah RM448,135;
- perjanjian lewat ditandatangani antara 27 hingga 165 hari bagi empat (14.3%) daripada 28 kontrak perolehan melibatkan nilai perolehan berjumlah RM1.71 juta;

- berdasarkan sampel yang dipilih, anggaran kerugian bagi kajian pasaran yang tidak dilaksanakan adalah sejumlah RM30,312 (16.9%) daripada nilai perolehan berjumlah RM179,816 melibatkan lapan (8) perolehan;
 - aspek pemilihan syarikat yang tidak dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus yang baik untuk menjamin kesahihan dan kaitan antara syarikat yang menyertai pelawaan bagi empat (4) perolehan secara sebut harga dengan nilai perolehan berjumlah RM184,655 menyebabkan tadbir urus perolehan yang telus dan persaingan secara terbuka tidak dicapai;
 - pembayaran telah dibuat terhadap perkhidmatan penyenggaraan yang tidak disempurnakan melibatkan nilai sejumlah RM12,653 daripada keseluruhan kos penyenggaraan sejumlah RM432,851; dan
 - sebanyak 19 (19.2%) daripada 99 aset yang diperiksa tidak dilabelkan dengan nombor pendaftaran antara 200 hingga 968 hari daripada tarikh aset diterima. Selain itu, peralatan ICT dengan kuantiti berjumlah 120 unit bernilai RM1,982 dan satu (1) unit mesin pencetak RM972 masing-masing belum digunakan selama 962 dan 200 hari dari tarikh pembekalan.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan perolehan ICT di bawah PSTM pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mengambil tindakan seperti berikut bagi meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan pengurusan perolehan ICT:
- i. memastikan projek di bawah Pelan Strategik Teknologi Maklumat dilaksanakan mengikut perancangan dan dimanfaatkan mengikut maksud perolehan projek;
 - ii. mengambil perhatian berhubung pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan kerajaan serta meningkatkan pemantauan yang lebih secara berterusan, memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan teratur dan berkualiti untuk mengelakkan kelewatan menandatangani kontrak serta membuat kajian pasaran bagi mendapatkan nilai pembelian yang optimum; dan
 - iii. latihan berterusan dan bersesuaian diberikan kepada pegawai bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran selaras dengan perubahan terkini pekeliling dan peraturan berkaitan perolehan kerajaan.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

2. Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir

- a. Banjir merupakan satu fenomena bencana alam yang sering melanda dan mengakibatkan kerosakan kepada harta benda serta boleh mengancam nyawa penduduk. Pembangunan yang pesat merupakan sebab utama berlakunya banjir di mana sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung peningkatan kadar aliran air larian permukaan disebabkan oleh permukaan serap air yang semakin berkurangan. Selain itu, berkurangnya keupayaan sungai disebabkan oleh pemendapan kelodak, hujan lebat dan saliran yang tersekat juga menyumbang kepada berlakunya banjir. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif dalam menangani masalah bencana banjir seperti menubuhkan badan penyeliaan, pelaksanaan projek-projek tebatan banjir, pelaksanaan langkah bukan struktur iaitu Sistem Telemetry Aras Air dan Hujan bagi memantau taburan hujan dan paras air sungai; Sistem Telemetry Siren sebagai amaran awal banjir kepada penduduk berdekatan; dan Sistem Telemetry Kamera sebagai pemantauan jarak jauh. Bagi tahun 2014 hingga 2017, sebanyak 75 projek RTB dilaksanakan dengan jumlah peruntukan dan perbelanjaan di Negeri Selangor masing-masing adalah RM231.53 juta dan RM206.53 juta. Bagi pelaksanaan RTB, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM35.52 juta manakala Kerajaan Negeri pula memperuntukkan sejumlah RM196.01 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga bulan Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Penilaian *Outcome*

Secara keseluruhannya, prestasi fizikal projek tidak dilaksanakan dengan berkesan kerana tiada projek dapat disiapkan dalam tempoh asal kontrak dan daripada lima (5) sampel yang dipilih hanya satu (1) projek yang berjaya disiapkan dengan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT). Bagi mengatasi masalah banjir JPS perlu melaksanakan projek yang mampu mengurangkan sebahagian daripada masalah banjir yang berlaku. Namun hanya 33 projek sahaja yang dapat disiapkan daripada 75 projek yang dirancang untuk tujuan tersebut bagi tempoh 2014 sehingga 2017. Batasan bilangan projek menyebabkan kejadian banjir akan terus berlaku di kawasan yang tidak dilaksanakan projek RTB. Penilaian *Outcome* terhadap projek yang siap tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana projek pencegahan banjir masih berterusan dan pelaksanaan projek adalah berkaitan antara satu dengan yang lain. Sehingga siap semua projek sepenuhnya barulah dapat penilaian dibuat sama ada projek RTB berjaya mengurangkan kejadian banjir. Oleh yang demikian, pihak Audit berpendapat bahawa masalah banjir di Negeri Selangor

masih belum dapat diatasi sepenuhnya sehingga siap semua projek yang dirancang seperti yang dirangka untuk mengatasi masalah kejadian banjir.

ii. Pengurusan Projek

Secara keseluruhannya, kecekapan pengurusan projek boleh dipertingkatkan kerana berlaku penambahan kos, kelewatan bagi tempoh tandatangan kontrak, tempoh perakuan bayaran interim serta item yang tidak diluluskan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak Kerja (JPMK) dimasukkan dalam Senarai Kuantiti. Selain itu, terdapat kelemahan spesifikasi dan kualiti kerja serta pengurusan keselamatan pekerjaan yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini.

iii. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian oleh pihak JPS adalah seperti berikut:

- sebanyak lima (5) daripada 18 Arahan Perubahan Kerja (APK) yang dikeluarkan mempunyai kelemahan yang boleh dielakkan sekiranya perancangan dijalankan dengan teliti dan spesifikasi disediakan mengikut garis panduan yang berkaitan;
- berlaku kelewatan antara 22 hingga 124 hari bagi tempoh tandatangan kontrak;
- sebanyak 11 Perakuan Interim dengan nilai bayaran berjumlah RM11.20 juta telah lewat dikeluarkan antara 12 hingga 74 hari;
- item Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan yang tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JPMK) dimasukkan dalam Senarai Kuantiti;
- satu (1) projek yang dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan;
- kualiti kerja pembinaan tidak memuaskan bagi dua (2) projek; dan
- satu (1) projek yang didapati keselamatan tapak bina tidak dikawal.

c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek yang lain, pihak Audit mengesyorkan JPS mengambil tindakan seperti berikut:

- i. perancangan hendaklah dibuat dengan teliti dengan mengambil kira status tanah yang dicerobohi, tanah yang perlu diambil semula serta tempoh masa yang diperlukan bagi koordinasi antara pelbagai pihak yang terlibat seperti Pihak

Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, KTM, TNB serta lain-lain agensi berkaitan;

- ii. pihak JPS perlu memastikan isu berkaitan tanah di tapak projek seperti pencerobohan, setinggian dan pengambilan balik tanah diselesaikan terlebih dahulu sebelum kontrak ditawarkan kepada kontraktor;
- iii. penyediaan spesifikasi dan reka bentuk hendaklah mengambil kira semua keperluan di tapak bagi mengurangkan perubahan kerja;
- iv. pihak JPS perlu memastikan item Keperluan Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan bagi yang diperlukan sahaja serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak Kerja (JPMK) dan bilangan serta spesifikasi item yang dimasukkan dalam Senarai Kuantiti bersamaan dengan kelulusan JPMK;
- v. tempoh tandatangan kontrak dan penyediaan Perakuan Interim hendaklah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan; dan
- vi. pihak JPS perlu memantau kontraktor dalam menjalankan tanggungjawabnya seperti spesifikasi, kualiti kerja dan keselamatan di tapak.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

3. Pengurusan Premis Perniagaan

- a. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ditubuhkan pada 1 Julai 1992 bagi memberikan perkhidmatan perbandaran di Mukim Ampang, Mukim Hulu Kelang dan sebahagian Mukim Setapak. MPAJ berperanan menyediakan peluang kepada peniaga yang menetap di Ampang Jaya untuk meningkatkan pendapatan melalui penyewaan premis perniagaan milik MPAJ serta premis yang dibina dan diserahkan oleh agensi lain untuk diuruskan olehnya.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Ogos 2018 terhadap pengurusan perkhidmatan penyewaan bagi semua premis perniagaan yang diuruskan MPAJ merumuskan perkara berikut:

i. Pencapaian Output Penyewaan Premis Perniagaan

Prestasi penyewaan premis perniagaan sehingga bulan Jun 2018 adalah cepak iaitu pada tahap 94.1% atau 1,489 daripada 1,583 unit premis perniagaan telah berjaya disewakan. Prestasi penyewaan ini dipengaruhi oleh permintaan yang tinggi ke atas premis perniagaan di kawasan MPAJ. Selain itu, prestasi kutipan

sewaan adalah pada kadar 90.6% atau RM7.95 juta daripada RM8.74 juta yang disasarkan.

ii. Pencapaian *Outcome* Pengurusan Perkhidmatan Premis Perniagaan

MPAJ telah berjaya menjaga keselesaan penyewa di premis perniagaan miliknya yang mana penyewa didapati berpuas hati dengan tahap keselesaan premis perniagaan yang disewakan. MPAJ juga telah menyediakan peluang kepada peniaga kecil terutama yang menetap di Ampang Jaya untuk membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan kecil dengan kos sewaan tapak/gerai yang rendah. Bagaimanapun, MPAJ tidak mempunyai mekanisme untuk menilai sama ada perkhidmatan penyewaan premis perniagaan telah berjaya membolehkan peniaga kecil mengembangkan potensi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang lebih stabil.

iii. Pengurusan Aktiviti Penyewaan

Penemuan Audit yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

- 94 premis perniagaan didapati masih belum disewakan kerana faktor lokasi yang tidak strategik, penyewaan ditutup kerana premis dirancang untuk diperbaiki, dirobohkan atau dibina semula serta projek naik taraf pasar belum siap sepenuhnya.
- Keadaan sebahagian premis perniagaan kelihatan usang seperti siling rosak, dinding usang dan lantai retak.
- Kelulusan penggunaan premis secara dalaman tidak dibawa dalam Mesyuarat Penuh Majlis.
- Tempoh menyelesaikan keseluruhan proses urusan penyewaan premis perniagaan tidak ditetapkan bagi memastikan premis disewakan dengan segera.
- Sehingga bulan Jun 2018, seramai 368 penyewa gagal membayar sewa pada masa yang ditetapkan berjumlah RM784,830 antara satu (1) hingga 85 bulan.

c. Bagi memantapkan pengurusan premis perniagaan MPAJ, pihak Audit mengesyorkan supaya MPAJ mengambil tindakan seperti berikut:

- i. mewujudkan mekanisme pengurusan penilaian terhadap prestasi sama ada peniaga kecil berjaya mengembangkan potensi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang lebih stabil;

- ii. mengambil tindakan penyenggaraan untuk membaiki, mengubahsuai dan membina semula premis perniagaan yang tidak boleh disewakan disebabkan siling rosak, dinding usang dan lantai retak;
- iii. memperoleh kelulusan khas Mesyuarat Penuh Majlis bagi sebarang pengecualian sekiranya terdapat perubahan dalam dasar yang telah ditetapkan terdahulu;
- iv. mengambil tindakan menilai semula kebolehpasaran lokasi premis yang tidak berjaya disewakan, meningkatkan promosi terhadap premis perniagaan yang boleh disewa dan meningkatkan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewaan selaras dengan perjanjian penyewaan; dan
- v. menetapkan tempoh munasabah bagi memproses permohonan penyewaan premis perniagaan dan sesi temu duga bagi kelulusan penyewaan premis.

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

4. TERAJU EKONOMI ASNAF SDN. BHD.

- a. Syarikat Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM770,507. TERAS diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 15 Februari 1994 serta aktiviti yang tidak bermotifkan keuntungan. Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan, menggalakkan, membantu, menguruskan projek serta aktiviti ekonomi dan komersial untuk pembangunan atau faedah kepada asnaf fakir dan miskin. Selain itu, TERAS juga bertanggungjawab mengagihkan zakat dan sumbangan daripada orang ramai melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi menjalankan projek dan aktiviti ekonomi serta komersial untuk pembangunan atau faedah asnaf fakir dan miskin. Aktiviti utama syarikat adalah melaksanakan perkhidmatan pembekalan makanan bulanan, pembekalan pakaian sekolah dan pembangunan usahawan serta projek tambahan dari LZS yang menjana pendapatan syarikat (Ukhuwah Fidyah).
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Ogos 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan TERAS adalah stabil yang mana TERAS mempunyai sumber dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya pada masa diperlukan kerana jumlah asetnya melebihi jumlah liabiliti sepanjang tempoh tiga

(3) tahun. Selain itu, baki tunai dan kesetaraan tunai TERAS adalah positif untuk tiga (3) tahun yang dinilai. Bagi tahun 2017 pertambahan berjumlah RM1.03 juta (24%) berbanding RM4.13 juta pada tahun 2016. Manakala bagi tahun 2016 berlaku peningkatan kepada RM4.13 juta berbanding RM3.25 juta (27%) pada akhir tahun 2015.

ii. Pengurusan Aktiviti

Objektifnya program adalah untuk melahirkan usahawan asnaf yang berdikari melalui bantuan modal dan pemantauan berterusan serta meningkatkan jumlah usahawan asnaf yang berdaya maju untuk keluar dari status asnaf fakir dan miskin. Program ini disertai oleh usahawan asnaf dalam kalangan asnaf fakir dan miskin yang dikemukakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk diberikan bantuan modal. Bantuan diberi dalam bentuk peralatan antaranya seperti lori, enjin motor, mesin jahit dan modal pusingan serta kursus berjumlah antara RM15,000 hingga RM65,000 mengikut jenis perniagaan. Pegawai pemantau di setiap daerah dilantik bagi memantau aktiviti usahawan asnaf ini melalui penyata pendapatan yang perlu diselenggarakan oleh setiap usahawan asnaf, sebelum dicadangkan untuk dikeluarkan daripada status asnaf fakir dan miskin. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- tiada penetapan tempoh dibuat untuk penilaian dan sasaran bagi setiap usahawan asnaf untuk keluar daripada status asnaf fakir dan miskin;
- sebanyak 34 (14.1%) dokumen bantuan modal perniagaan lewat diproses antara 46 hingga 137 hari; dan
- sebanyak 11 (1.1%) daripada 1,097 orang usahawan asnaf dihentikan bantuan modal disebabkan penarikan diri dan pelanggaran perjanjian oleh usahawan yang mengakibatkan bantuan modal berjumlah RM152,380 ditarik balik oleh TERAS.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus adalah baik kecuali penambahbaikan perlu dibuat terhadap penemuan Audit berkaitan penubuhan Jawatankuasa Audit.

- c. Bagi memantapkan pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan supaya TERAS mengambil tindakan berikut:
- i. menyediakan garis panduan bagi skop perkhidmatan pembangunan usahawan yang meliputi penetapan bagi penilaian dan sasaran mengikut tempoh bagi

setiap peserta untuk keluar daripada status asnaf fakir dan miskin, tempoh pemantauan selepas peserta keluar status asnaf fakir dan miskin supaya kedudukan kewangan peserta dalam keadaan stabil sebelum dikeluarkan serta penarikan diri peserta atau penamatan daripada program;

- ii. memastikan perekodan maklumat usahawan asnaf yang menyertai program pembangunan usahawan sentiasa dikemas kini dan disimpan untuk tujuan pemeriksaan Audit;
- iii. mengkaji semula kaedah dan peranan serta tanggungjawabnya berkaitan program pembangunan usahawan bersama LZS supaya dapat diuruskan dengan lebih berkesan bagi memastikan program ini berjaya;
- iv. mengkaji semula proses pengurusan bantuan modal kepada usahawan asnaf mengikut jenis bantuan yang diberikan supaya dapat diuruskan dengan lebih teratur dan berkesan;
- v. mewujudkan garis panduan dan perjanjian serta bimbingan dan tunjuk ajar kepada usahawan yang berkaitan bantuan modal dan peralatan bagi memastikan bantuan yang diberikan dapat memberi pulangan yang setimpal dalam melahirkan usahawan asnaf yang berjaya; dan
- vi. mewujudkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan fungsi Audit Dalaman adalah efektif dan bebas.



**AKTIVITI JABATAN/
AGENSI DAN
PENGURUSAN
SYARIKAT
KERAJAAN**

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. PENGURUSAN PEROLEHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) DI BAWAH PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor bertanggungjawab untuk menyedia dan menyenggarakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lengkap di Pejabat SUK Negeri Selangor dan sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor. Bagi mencapai objektif ini, BTM perlu melakukan perolehan ICT meliputi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja terhadap penyediaan peralatan, bekalan stok, sistem dan rangkaian ICT kepada pihak pengguna yang memerlukan. Berdasarkan kepada Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM), perolehan bagi projek yang dirancang dilaksanakan menggunakan empat (4) kaedah iaitu secara rundingan terus, tender, sebut harga dan pembelian terus. Perolehan yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada arahan dan pekeliling berkaitan perolehan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak PSTM.

1.1.2. Berdasarkan PSTM tahun 2016 hingga 2020, antara objektif yang ditetapkan adalah:

- i. menilai keperluan integrasi data dan aplikasi Negeri Selangor;
- ii. menaik taraf infrastruktur ICT terkini di Negeri Selangor; dan
- iii. mengenal pasti elemen penting yang diperlukan bagi membentuk pentadbiran pintar ke arah #*Smart* Selangor yang memfokus kepada *smart governance* bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat menggunakan teknologi bagi menambah kecekapan perkhidmatan.

1.1.3. Peruntukan keseluruhan yang diterima oleh BTM daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah berjumlah RM45.64 juta. Purata peratus perbelanjaan bagi tahun 2015 hingga bulan Februari 2018 adalah pada kadar 64.4% iaitu berjumlah RM29.38 juta.

1.1.4. Pecahan perolehan yang dilaksanakan oleh BTM di bawah PSTM mengikut kaedah perolehan secara rundingan terus, tender, sebut harga dan pembelian terus bagi tahun 2015 hingga bulan Februari 2018 adalah seperti **Jadual 1.1** berikut:

JADUAL 1.1
PEROLEHAN ICT BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN FEBRUARI 2018

TAHUN	RUNDINGAN TERUS		TENDER		SEBUT HARGA		PEMBELIAN TERUS		JUMLAH	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2015	3	6.62	0	-	36	3.54	35	0.39	74	10.55
2016	2	0.75	0	-	39	4.41	56	0.48	97	5.64
2017	4	2.38	2	6.79	21	3.03	60	0.85	87	13.05
2018	1	0.58	0	-	2	0.23	9	0.01	12	0.82
JUMLAH	10	10.33	2	6.79	98	11.21	160	1.73	270	30.06

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

1.1.5. Berdasarkan 64 sampel perolehan yang disemak sehingga bulan Februari 2018, sejumlah 57 (89.1%) perolehan telah siap mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala lima (7.8%) perolehan masih dalam peringkat pelaksanaan dan dua (3.1%) perolehan siap melebihi tempoh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.2** berikut:

JADUAL 1.2
STATUS PELAKSANAAN PEROLEHAN ICT SEHINGGA BULAN FEBRUARI 2018

KAEDAH PEROLEHAN	BIL. SAMPEL	JUMLAH KOS (RM Juta)	STATUS PEROLEHAN					
			DALAM PROSES		SIAP DALAM TEMPOH		SIAP DENGAN LANJUTAN MASA	
			BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
Rundingan Terus	10	10.33	2	20.0	7	70.0	1	10.0
Tender	2	6.79	1	50.0	1	50.0	-	-
Sebut Harga	35	4.82	2	5.7	32	91.4	1	2.9
Pembelian Terus	17	0.18	-	-	17	100.0	-	-
JUMLAH	64	22.12	5	7.8	57	89.1	2	3.1

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pencapaian perolehan ICT di bawah PSTM yang dilaksanakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat SUK Negeri Selangor telah dilaksanakan secara cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi pencapaian PSTM dan pengurusan perolehan ICT bagi tahun 2015 hingga bulan Februari 2018. Prestasi

pencapaian PSTM dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu prestasi pencapaian *output* dan pencapaian *outcome* berhubung perolehan ICT yang dilaksanakan. Manakala pengurusan perolehan ICT di bawah PSTM pula dinilai meliputi enam (6) perkara utama iaitu perancangan perolehan, penilaian perolehan, pelantikan pembekal/kontraktor, pentadbiran kontrak, pembayaran serta penggunaan dan penyimpanan. Pengauditan telah dijalankan di BTM, PDT Petaling dan PDT Sepang. Peratus pensampelan yang dijalankan oleh pihak Audit berbanding populasi bilangan perolehan ICT adalah sejumlah 64 (23.7%) daripada 270 perolehan meliputi 42 projek ICT yang dirancang di bawah PSTM dan 22 lain-lain perolehan ICT. Manakala peratusan pensampelan melibatkan nilai perolehan adalah RM22.12 juta (73.6%) daripada RM30.06 juta nilai populasi perolehan ICT. Semakan telah dilaksanakan melalui pemilihan sampel secara rawak ke atas dokumen perolehan seperti **Jadual 1.3** berikut:

JADUAL 1.3
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN DOKUMEN
PEROLEHAN ICT TAHUN 2015 HINGGA BULAN FEBRUARI 2018

TAHUN	RUNDINGAN TERUS		TENDER		SEBUT HARGA		PEMBELIAN TERUS		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2015	3	6.62	-	-	12	1.75	3	0.04	18	8.41
2016	2	0.75	-	-	17	1.78	7	0.09	26	2.62
2017	4	2.38	2	6.79	5	1.11	7	0.05	18	10.33
2018	1	0.58	-	-	1	0.18	-	-	2	0.76
JUMLAH	10	10.33	2	6.79	35	4.82	17	0.18	64	22.12

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail yang berkaitan dengan perolehan projek ICT di bawah PSTM dan lain-lain perolehan ICT yang dilaksanakan oleh BTM. Analisis terhadap penemuan Audit, temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal turut dijalankan di BTM dan PDT terpilih. Selain itu, borang soal selidik juga diedarkan kepada pengguna sistem ICT yang terpilih.

1.5. RUMUSAN AUDIT

1.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Pencapaian *Output* Perolehan ICT di Bawah PSTM

Prestasi pencapaian *output* perolehan ICT telah mencapai sasaran ditetapkan mengikut Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2016 – 2020. Daripada 42 sampel perolehan ICT di bawah PSTM yang disemak bagi tahun 2016 hingga

2018, sejumlah 29 (69%) projek ICT telah selesai dilaksanakan. Selain itu, tujuh (16.7%) projek ICT di bawah PSTM sedang dilaksanakan dengan status projek di pelbagai peringkat pelaksanaan. Manakala sejumlah empat (9.5%) projek ICT merupakan projek yang dilaksanakan adalah secara berterusan sepanjang tempoh PSTM. Hanya dua (4.8%) projek yang dirancang di bawah PSTM masih belum dimulakan.

b. Prestasi Pencapaian *Outcome* Perolehan

- i. Sejumlah dua (2) daripada 64 perolehan masing-masing bernilai RM49,693 dan RM19,979 tidak mencapai maksud perolehan ditetapkan berikutan objektif perolehan hanya dapat dimanfaatkan dalam tempoh terhad iaitu masing-masing hanya selama 503 dan 328 hari selepas projek siap disebabkan oleh penggantian sistem baharu.
- ii. Tahap kepuasan pengguna dan penyelesaian aduan berhubung masalah sistem ICT adalah pada tahap memuaskan dengan peratusan 58.8%. Selain itu, 92% responden berpendapat terdapat peningkatan kecekapan melalui penggunaan empat (4) sistem ICT yang telah dibangunkan oleh BTM.

1.5.2. Terdapat kelemahan dalam aspek perancangan, pelantikan pembekal, pentadbiran kontrak, penilaian perolehan, pembayaran serta penggunaan dan penyimpanan yang menjejaskan kecekapan pengurusan perolehan ICT. Pihak Audit menggariskan beberapa kelemahan penting yang ditemui sehingga tarikh pengauditan pada bulan Ogos 2018 yang perlu diambil tindakan oleh pihak BTM seperti berikut:

- a. rundingan harga tidak dilaksanakan bagi enam (60%) daripada 10 perolehan secara rundingan terus dengan nilai perolehan berjumlah RM7.17 juta;
- b. justifikasi permohonan rundingan terus yang kurang wajar bagi dua (20%) daripada 10 perolehan secara rundingan terus dengan nilai perolehan berjumlah RM448,135;
- c. perjanjian lewat ditandatangani antara 27 hingga 165 hari bagi empat (14.3%) daripada 28 kontrak perolehan melibatkan nilai perolehan berjumlah RM1.71 juta;
- d. berdasarkan sampel yang dipilih, anggaran kerugian bagi kajian pasaran yang tidak dilaksanakan adalah sejumlah RM30,312 (16.9%) daripada nilai perolehan berjumlah RM179,816 melibatkan lapan (8) perolehan;
- e. Aspek pemilihan syarikat yang tidak dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus yang baik untuk menjamin kesahihan dan kaitan antara syarikat

yang menyertai pelawaan bagi empat (4) perolehan secara sebut harga dengan nilai perolehan berjumlah RM184,655 menyebabkan tadbir urus perolehan yang telus dan persaingan secara terbuka tidak dicapai;

- f. Pembayaran telah dibuat terhadap perkhidmatan penyenggaraan yang tidak disempurnakan melibatkan nilai sejumlah RM12,653 daripada keseluruhan kos penyenggaraan sejumlah RM432,851; dan
- g. Sebanyak 19 (19.2%) daripada 99 aset yang diperiksa tidak dilabelkan dengan nombor pendaftaran antara 200 hingga 968 hari daripada tarikh aset diterima. Selain itu, peralatan ICT dengan kuantiti berjumlah 120 unit bernilai RM1,982 dan satu (1) unit mesin pencetak RM972 masing-masing belum digunakan selama 962 dan 200 hari dari tarikh pembekalan.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas BTM telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 21 September 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

1.6.1. Prestasi Perolehan

1.6.1.1. Pencapaian *Output* Perolehan ICT di Bawah PSTM

- a. Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 - 2020 merupakan *blue print* pelaksanaan projek teknologi maklumat dan berperanan sebagai inisiatif strategik yang disokong oleh sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus teknologi maklumat di Pejabat SUK Negeri Selangor. Berdasarkan PSTM 2016 – 2020, sejumlah 42 projek ICT telah dirancang untuk dilaksanakan sehingga tahun 2018 dan terbahagi kepada empat (4) bahagian iaitu projek *quick win*, aplikasi, teknologi serta pengurusan dan pembangunan insan.
- b. Pengukuran *output* terhadap sasaran ditetapkan berhubung pelaksanaan perolehan ICT dibuat berdasarkan kepada empat (4) kaedah perolehan iaitu secara rundingan terus, tender, sebut harga dan pembelian terus. Berdasarkan PSTM, bagi tahun 2016 hingga 2018 BTM selaku agensi pelaksana perlu melaksanakan sejumlah 42 projek ICT yang telah dijadualkan. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Februari 2018, sejumlah 29 (69%) projek ICT telah selesai dilaksanakan manakala 11 (26.2%) projek masih di peringkat pelaksanaan. Hanya dua (4.8%) projek masih belum bermula. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.4** berikut:

JADUAL 1.4
PENCAPAIAN OUTPUT PROJEK
PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT SEHINGGA BULAN FEBRUARI 2018

JENIS PROJEK	JUMLAH PROJEK	STATUS PROJEK PSTM 2016 - 2020					
		SELESAI		DALAM PROSES		BELUM MULA	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
Quick Win	4	4	100.0	-	-	-	-
Aplikasi	16	13	81.3	2	12.5	1	6.2
Teknologi	13	11	84.6	1	7.7	1	7.7
Pengurusan dan Pembangunan Insan	9	1	11.1	8	88.9	-	-
JUMLAH	42	29	69.0	11	26.2	2	4.8

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- c. Bagi tujuh (7) daripada 11 projek yang sedang dilaksanakan, status projek adalah di pelbagai peringkat pelaksanaan, merangkumi fasa pembangunan sistem dan dalam proses memuktamadkan dokumen berkaitan. Manakala baki empat (4) projek yang sedang dilaksana, pelaksanaan projek adalah secara berterusan sepanjang tempoh PSTM. Bagi dua (2) projek yang belum mula, kelewatan adalah disebabkan oleh aspek keperluan pengguna yang masih belum dimuktamadkan dan projek pengkabelan rangkaian utama pejabat SUK yang belum selesai. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.5** berikut:

JADUAL 1.5
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PSTM 2016 – 2020
SEHINGGA BULAN FEBRUARI 2018

BIL.	JENIS PROJEK	BUTIRAN PROJEK	TAHUN JANGKAAN PELAKSANAAN MENGIKUT PSTM	CATATAN
PROJEK SEDANG DILAKSANAKAN				
1.	Aplikasi	Sistem <i>TrackOn</i> untuk Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	2018	Perolehan projek telah dibuat pada bulan Mei 2018. Projek masih di peringkat pembangunan sistem dan dijangka siap pada bulan Disember 2018.
2.		Menyediakan Perkhidmatan Ekonomi Digital Negeri Selangor	2018	Projek telah dimulakan pada bulan Januari 2018 dan dijangka siap pada bulan September 2018.
3.	Teknologi	<i>Data Centre Monitoring System</i>	2017	Surat setuju terima kepada syarikat yang dilantik telah dikeluarkan pada bulan Jun 2018. Projek dijangka siap pada bulan November 2018.
4.	Pengurusan dan Pembangunan Insan	Menyediakan Garis Panduan dan SOP Perkongsian Data	2018	Dalam proses memuktamadkan Draf Dasar Keselamatan ICT.
5.		Mengeluarkan Arahan Berkaitan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	2018	
6.		Polisi Keselamatan Maklumat Digital dan Media Sosial	2018	
7.		Penyemakan Dasar Keselamatan Berdasarkan Persekitaran Negeri Selangor	Mengikut keperluan	

BIL.	JENIS PROJEK	BUTIRAN PROJEK	TAHUN JANGKAAN PELAKSANAAN MENGIKUT PSTM	CATATAN
8.	Pengurusan dan Pembangunan Insan	Pembangunan Pelan Latihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang Khusus Bagi Semua Peringkat Warga SUK dan PDT	Tahunan *	Projek dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun dalam tempoh PSTM 2016 – 2020.
9.		Latihan Teknikal dan Professional		
10.		Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi		
11.		Projek Penyelidikan dan Pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi		
PROJEK BELUM MULA				
1.	Aplikasi	Sistem MyPrestasi	2017	Projek belum mula susulan aspek keperluan pengguna masih dalam proses perbincangan.
2.	Teknologi	Kajian dan Pelaksanaan Sistem Pencegahan Kebocoran Maklumat (<i>Information Leakage Protection and Prevention Framework</i>)	2017 - 2018	Projek belum mula susulan projek pengkabelan rangkaian utama SUK belum selesai.

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

Nota: * - Projek Dilaksanakan Secara Berterusan Sepanjang Tempoh PSTM

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM memaklumkan pemantauan berhubung tahap kemajuan dan status pelaksanaan projek ICT di bawah PSTM akan dilaksanakan secara berkala melalui Mesyuarat Pengurusan BTM. Selain itu, Mesyuarat Kajian Semula Pelaksanaan PSTM 2016 – 2020 turut dijadualkan pada bulan November 2018.

Pada pendapat Audit, pencapaian output perolehan ICT adalah selari dengan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2016 – 2020 kecuali bagi dua (2) projek ICT yang masih belum bermula mengikut jadual ditetapkan dalam PSTM.

1.6.1.2. Pencapaian *Outcome* Perolehan

a. Pencapaian Maksud Perolehan

Berdasarkan PSTM 2016 - 2020, cadangan pembangunan aplikasi *mobile* adalah bertujuan memudahkan pemegang hak milik tanah untuk membuat semakan bil dan status bayaran dengan pantas bagi maklumat cukai tanah di Negeri Selangor. Selain itu, pembangunan aplikasi *mobile* adalah salah satu (1) daripada inisiatif pihak BTM bagi penggunaan teknologi untuk mencapai hasrat #Smart Selangor berhubung penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

i. Aplikasi *Mobile* Untuk Sistem Pungutan Hasil Tanah

- Pihak BTM telah membuat perolehan melalui Sebut Harga B bagi Pembangunan Aplikasi *Mobile* untuk Sistem Pungutan Hasil Tanah (e-SPHT) berjumlah RM49,693 pada bulan Oktober 2016 dan projek telah siap pada bulan Disember 2016.
- Antara objektif pelaksanaan aplikasi *mobile* ini adalah untuk menyediakan kemudahan carian maklumat seperti semakan status bayaran cukai tanah, jumlah hak milik mengikut daerah, kemudahan muat turun borang tukar alamat, aduan mengenai cukai tanah dan *link* ke portal bank bagi pembayaran atas talian. Golongan sasaran projek ini adalah pemegang hak milik tanah di Negeri Selangor yang melaksanakan pembayaran cukai tanah melalui perbankan Internet melibatkan sebanyak 200,522 akaun.
- Semakan Audit terhadap aplikasi yang dimuat turun mendapati tahap penggunaan aplikasi *mobile* bagi tempoh antara bulan Disember 2016 hingga April 2018 adalah rendah berikutan bilangan pemegang hak milik yang telah memuat turun aplikasi *mobile* daripada perisian *Google Play Store* dan *IOS Apps Store* hanya berjumlah 683 (0.3%) daripada keseluruhan 200,522 akaun pemegang hak milik tanah di Negeri Selangor. Pihak BTM menjelaskan tahap penggunaan yang rendah bagi aplikasi *mobile* yang telah dibangunkan adalah berikutan kekangan kemudahan rangkaian Internet yang dihadapi oleh pemegang hak milik tanah untuk memuat turun aplikasi. Selain itu, promosi bagi menggalakkan pemegang hak milik tanah untuk memuat turun aplikasi tidak dilaksanakan secara meluas berikutan sistem sedia ada akan ditamat dan digantikan dengan sistem baharu kelak.
- Selain itu, pihak Audit turut mendapati, aplikasi *mobile* untuk kemudahan pemegang hak milik tanah yang menggunakan platform sistem e-SPHT hanya dapat digunakan untuk tempoh 503 hari berikutan sistem baharu iaitu sistem e-HASIL dengan nilai perolehan berjumlah RM951,800 yang dibangunkan bagi menggantikan e-SPHT telah mula digunakan berkuat kuasa bulan April 2018.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM memaklumkan cadangan berhubung aplikasi *mobile* yang telah dibangunkan untuk sistem e-SPHT akan ditambah baik dan digunakan untuk sistem baru (sistem e-HASIL) yang menggantikan sistem e-SPHT

agar kemudahan perkhidmatan kepada pemegang hak milik tanah melalui aplikasi *mobile* ini dapat dimanfaatkan.

ii. **Laman Web Multimedia Selangor**

- Perkara 6.5.4(d) dalam Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2016 berhubung Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam menetapkan bahawa bagi menjamin keselamatan maklumat yang dilindungi, antara langkah keselamatan yang mesti dipatuhi adalah penggunaan protokol rangkaian keselamatan bagi melindungi integriti dan kerahsiaan sesuatu maklumat dan mengelakkan insiden pencerobohan serta digodam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
 - Pihak BTM telah melaksanakan perolehan Pembangunan Laman Web Multimedia Selangor dengan kos bernilai RM19,979 pada bulan September 2015 bagi tujuan memaparkan kandungan multimedia bagi acara dan majlis Kerajaan Negeri Selangor serta memaparkan kandungan video secara siaran langsung bagi persidangan Dewan Negeri Selangor.
 - Semakan Audit mendapati laman web multimedia Selangor yang dibangunkan hanya diguna untuk tempoh 328 hari. Ini berikutan terdapat insiden *web defacement* oleh penggadam pada bulan Ogos 2016 susulan *Uniform Resource Locator* (URL) yang digunakan bagi laman web tersebut tidak dilindungi dengan protokol rangkaian keselamatan serta tidak dikemas kini dan disenggara secara berkala.
 - Susulan insiden *web defacement* tersebut, laman web yang dibangunkan tidak dapat dipulihkan semula dan perkhidmatan laman web tersebut telah dihentikan. Pihak Audit turut mendapati BTM telah melaksanakan perolehan baharu *Content Management System* (CMS) dengan nilai perolehan sejumlah RM49,820 bagi menggantikan laman web multimedia yang telah digodam pada bulan Mei 2017.
- iii. Perolehan yang tidak dimanfaatkan secara optimum mengikut maksud perolehan bagi aplikasi *mobile* untuk sistem pungutan hasil tanah dan insiden *web defacement* terhadap laman web multimedia Selangor masing-masing dengan kos perolehan yang telah dibelanjakan sejumlah RM49,693 dan RM19,979 telah menyebabkan kerugian kepada kerajaan.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM memaklumkan aspek keselamatan berhubung laman web telah dilaksanakan melalui tindakan *back-up* setiap hari dan pembangunan laman web baharu secara CMS yang dibangunkan secara *custom* akan melindungi portal daripada digodam.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* perolehan ICT bagi dua (3.1%) daripada 64 perolehan yang disemak melibatkan projek Pembangunan Aplikasi *Mobile* Untuk Sistem E-SPHT dan Pembangunan Laman Web Multimedia Selangor tidak mencapai maksud perolehan yang ditetapkan susulan penggunaan projek telah ditamatkan.

b. Penilaian Keberkesanan Penggunaan Sistem ICT

- i. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 110 (30.1%) daripada 365 jumlah keseluruhan pengguna bagi perolehan empat (4) pembangunan sistem terpilih secara rawak. Soal selidik dibuat bagi mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan pengguna serta keberkesanan perolehan pembangunan sistem ICT yang dibangunkan.
- ii. Penilaian dibuat terhadap tiga (3) perkara utama iaitu menilai tahap kepuasan pengguna berhubung kemudahan sistem ICT yang telah dibangunkan, aduan berhubung masalah sistem ICT yang dihadapi oleh pengguna dan keberkesanan sistem ICT yang dibangunkan dalam mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti harian. Sehingga bulan Julai 2018, sejumlah 87 (79.1%) daripada 110 responden telah memberikan maklum balas terhadap soal selidik yang diedarkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.6** berikut:

JADUAL 1.6
PENGEDARAN SOAL SELIDIK KEPADA PENGGUNA SISTEM ICT

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	TAHUN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	JUMLAH PENGGUNA	BILANGAN SOAL SELIDIK	
					DIEDAR	DIJAWAB
1.	Mengkaji, Menganalisa, Merekabentuk, Membangun, Menguji, Melatih dan Mentauliah Sistem Permohonan dan Pengurusan Lesen Pelelong (e-Pelelong)	2015	39,856	28	5	4
2.	Penambahbaikan Sistem <i>Smart</i> Pemantauan Projek Selangor (e-SPPS)	2016	41,340	131	75	53
3.	Pembangunan Sistem e-Sidang Dewan Negeri Selangor (e-Sidang)	2017	99,110	159	10	10
4.	Pembangunan Sistem <i>Smart</i> e-GL Untuk YB. Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (e-GL)	2017	49,979	47	20	20
JUMLAH			230,285	365	110	87

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor


- iii. Berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada 87 responden, analisis Audit mendapati tahap kepuasan pengguna berhubung kemudahan sistem ICT yang telah dibangunkan dan tindakan penyelesaian aduan terhadap masalah sistem ICT yang dihadapi adalah pada tahap memuaskan 58.8%, 33.3% berpendapat tahap kepuasan pelanggan adalah baik dan 7.9% pada tahap tidak memuaskan. Ringkasan penilaian kepuasan pelanggan adalah seperti **Jadual 1.7** dan **Carta 1.1** berikut:

JADUAL 1.7
ANALISIS PENILAIAN KEPUASAN PENGGUNA

INDIKATOR PENILAIAN	JENIS SISTEM	BAIK (%)	MEMUASKAN (%)	TIDAK MEMUASKAN (%)
Tahap kepuasan pengguna berhubung kemudahan sistem ICT yang telah dibangunkan	e-Pelelong	50.0	45.0	5.0
	e-SPPS	30.6	56.6	12.8
	e-Sidang	26.0	60.0	14.0
	e-GL	42.0	58.0	-
Penyelesaian aduan berhubung masalah sistem ICT yang dihadapi	e-Pelelong	50.0	50.0	-
	e-SPPS	29.5	64.2	6.3
	e-Sidang	23.3	66.7	10.0
	e-GL	43.3	56.7	-
PURATA PERATUSAN (%)		33.3	58.8	7.9

Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 1.1
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA KEMUDAHAN SISTEM ICT



Sumber: Jabatan Audit Negara


- iv. Selain itu, analisis soal selidik juga turut mendapati sejumlah 80 (92%) daripada 87 responden berpendapat terdapat peningkatan kecekapan melalui penggunaan sistem ICT yang telah dibangunkan oleh BTM melalui perolehan yang dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.8** dan **Carta 1.2** berikut:

JADUAL 1.8
ANALISIS PENINGKATAN KECEKAPAN PENGGUNAAN SISTEM ICT

INDIKATOR PENILAIAN	JENIS SISTEM	BILANGAN RESPONDEN		
		YA	TIDAK	TIADA PENDAPAT
Peningkatan kecekapan melalui penggunaan sistem ICT yang dibangunkan	e-Pelelong	4	-	-
	e-SPPS	49	1	3
	e-Sidang	8	1	1
	e-GL	19	-	1
JUMLAH		80	2	5
PURATA PERATUSAN (%)		92.0	2.3	5.7

Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 1.2
ANALISIS PENINGKATAN KECEKAPAN PENGGUNAAN SISTEM ICT



Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, tahap kepuasan pengguna berhubung kemudahan sistem ICT yang telah dibangunkan dan tindakan penyelesaian aduan terhadap masalah sistem ICT yang dihadapi adalah memuaskan dengan peratusan 58.8%. Manakala 80 (92%) daripada 87 responden berpendapat terdapat peningkatan kecekapan melalui penggunaan sistem ICT yang telah dibangunkan oleh BTM melalui perolehan yang dilaksanakan.

1.6.2. Pengurusan Perolehan ICT di Bawah PSTM

1.6.2.1. Pelaksanaan Rundingan Harga

- a. Perkara 1.1 dalam 1PP, PK7.14 berkenaan Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus menetapkan bahawa Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah ditubuh dan dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa. Selain itu, Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah bermesyuarat untuk memastikan harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money* kepada kerajaan.
- b. Semakan Audit terhadap perolehan ICT di bawah PSTM yang dilaksanakan secara rundingan terus mendapati Jawatankuasa Rundingan Harga tidak ditubuhkan dan mesyuarat rundingan harga tidak dijalankan bagi enam (60%) daripada 10 perolehan dengan nilai perolehan berjumlah RM7.17 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.9** berikut:

JADUAL 1.9
RUNDINGAN HARGA TIDAK DILAKSANAKAN

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	TARIKH KELULUSAN RUNDINGAN TERUS	TEMPOH KONTRAK
1.	Penyambungan Kontrak <i>Provision of IPVPN and Direct Over Metro e-Service</i>	5,721,754	22.09.2015	01.10.2015 hingga 30.09.2018
2.	Perolehan 37 Buah Mesin Kutipan Kaunter Bagi Kegunaan Kutipan Hasil di Pejabat Daerah dan Tanah Serta Pejabat Tanah dan Galian Selangor	481,000	12.11.2015	22.12.2015 hingga 31.12.2016
3.	Perkhidmatan Kerja-Kerja Penyenggaraan Perkakasan dan Perisian (e-SPHT) di Pejabat (SUK) serta Sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor	419,359	23.11.2015	01.01.2016 hingga 31.12.2016
4.	Pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	250,000	26.07.2016	12.08.2016 hingga 11.01.2017
5.	Pembangunan Perisian Sistem e-Sidang Dewan Negeri Selangor Pejabat Dewan Negeri Selangor	99,110	10.04.2017	20.04.2017 hingga 19.04.2018
6.	Penyenggaraan Bagi Perisian dan <i>Server Antivirus Kaspersky</i> Termasuk Penyenggaraan Bagi Perisian dan <i>Server Antivirus</i> Untuk Tempoh Satu (1) Tahun di Pejabat Kerajaan Negeri Selangor serta Sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah Selangor	198,135	25.08.2017	01.11.2017 hingga 31.10.2018
JUMLAH		7,169,358		

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- c. Semakan lanjut mendapati sungguhpun rundingan harga tidak dilaksanakan, pihak BTM telah melaksanakan kajian pasaran bagi lima (83.3%) daripada enam (6) perolehan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.10**.

JADUAL 1.10
KAJIAN PASARAN BERHUBUNG PEROLEHAN SECARA RUNDINGAN TERUS

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	KAJIAN PASARAN DILAKSANAKAN (Ya/Tidak)	KAEDAH KAJIAN PASARAN
1.	Penyambungan Kontrak <i>Provision of IPVPN and Direct Over Metro e-Service</i>	5,721,754	Tidak	Tiada kajian pasaran dilaksanakan.
2.	Perolehan 37 Buah Mesin Kutipan Kaunter Bagi Kegunaan Kutipan Hasil di Pejabat Daerah dan Tanah Serta Pejabat Tanah dan Galian Selangor	481,000	Ya	Berdasarkan harga perolehan tahun 2013.
3.	Perkhidmatan Kerja-Kerja Penyenggaraan Perkakasan dan Perisian (e-SPHT) di Pejabat (SUK) serta Sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor	419,359	Ya	Berdasarkan harga perolehan tahun 2015.
4.	Pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	250,000	Ya	Perbandingan tiga (3) sebut harga. Harga perolehan diputuskan berdasarkan harga terendah.
5.	Pembangunan Perisian Sistem e-Sidang Dewan Negeri Selangor Pejabat Dewan Negeri Selangor	99,110	Ya	Perbincangan bersama syarikat bagi pengurangan harga yang ditawarkan telah diadakan.
6.	Penyenggaraan Bagi Perisian dan <i>Server Antivirus Kaspersky</i> Termasuk Penyenggaraan Bagi Perisian dan	198,135	Ya	Perbandingan tiga (3) sebut harga. Harga perolehan diputuskan

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	KAJIAN PASARAN DILAKSANAKAN (Ya/Tidak)	KAEDAH KAJIAN PASARAN
	Server Antivirus Untuk Tempoh Satu (1) Tahun di Pejabat Kerajaan Negeri Selangor serta Sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah Selangor			berdasarkan harga terendah.
JUMLAH		7,169,358		

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- d. Bagi perolehan Penyambungan Kontrak *Provision of IPVPN and Direct Over Metro e-Service* yang tidak melaksanakan proses rundingan harga dan kajian pasaran, harga perolehan yang diputuskan merupakan harga yang ditawarkan oleh pihak syarikat. Pihak BTM bagaimanapun menjelaskan harga yang ditawarkan oleh syarikat pembekal adalah dalam julat peruntukan perbelanjaan yang diluluskan.
- e. Proses rundingan harga yang tidak dilaksanakan adalah disebabkan pegawai BTM gagal mematuhi aspek pengurusan tatacara perolehan kerajaan sungguhpun keperluan untuk mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan secara umumnya telah dimaklumkan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor melalui surat kelulusan perolehan secara rundingan terus.
- f. Rundingan harga merupakan suatu obligasi yang perlu dilaksana untuk mendapatkan nilai dan kualiti perkhidmatan yang paling menguntungkan, dan sekiranya tidak dilaksanakan boleh menyebabkan kerugian kerajaan.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM memaklumkan mesyuarat rundingan harga bagi setiap perolehan secara rundingan terus telah dilaksanakan melalui edaran Memo Senarai Semak Tatacara Perolehan Secara Rundingan Terus berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa mulai bulan Jun 2018.

Pada pendapat Audit, proses rundingan harga yang tidak dilaksanakan bagi enam (6) daripada 10 perolehan secara rundingan terus boleh menjejaskan aspek kecekapan pengurusan perolehan yang dilaksanakan oleh BTM bagi menjamin kemunasabahan harga perolehan dan memastikan *value for money* kepada pihak kerajaan.

1.6.2.2. Kewajaran Justifikasi Permohonan Rundingan Terus

- a. Berdasarkan 1PP, PK7.13 mengenai Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus, bagi bekalan/perkhidmatan bukan perunding/kerja

boleh dilaksanakan berasaskan kriteria ditetapkan iaitu keperluan mendesak, maksud penyeragaman, satu (1) punca bekalan/perkhidmatan, melibatkan keselamatan/strategik dan kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera.

- b. Semakan Audit mendapati dua (20%) daripada 10 perolehan secara rundingan terus dengan nilai perolehan berjumlah RM448,135 tidak menepati kriteria pelaksanaan perolehan secara rundingan terus yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.11** berikut:

**JADUAL 1.11
JUSTIFIKASI RUNDINGAN TERUS TIDAK MENEPATI KRITERIA**

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	ANTARA JUSTIFIKASI PERMOHONAN RUNDINGAN TERUS
1.	Pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2016 -2020, Pejabat SUK Negeri Selangor	250,000	<ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat yang di cadang merupakan syarikat subsidiari Kerajaan Negeri Selangor yang mempunyai empat (4) orang pakar runding bidang Teknologi Maklumat. ii. Menawarkan kos harga yang berpatutan dan boleh membangunkan PSTM dalam tempoh enam (6) bulan. iii. Mempunyai kepakaran dalam <i>Big Data</i> dan <i>Internet of Things</i> (IoT) yang merupakan elemen penting pembangunan sistem strategik ICT terkini.
2.	Penyenggaraan Bagi Perisian dan <i>Server</i> Antivirus Kaspersky Termasuk Penyenggaraan Bagi Perisian dan <i>Server</i> Antivirus Untuk Tempoh Satu (1) Tahun di Pejabat SUK Negeri Selangor serta Sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah Selangor	198,135	<ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat yang di cadang merupakan <i>platinum partner</i> kepada syarikat prinsipal penyedia perkhidmatan anti virus. ii. Pihak syarikat telah memenangi tawaran sebut harga terbuka yang ditawarkan oleh BTM selama dua (2) tahun berturut-turut untuk perkhidmatan yang serupa.
JUMLAH		448,135	

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- c. Analisis Audit berdasarkan jadual di atas mendapati antara justifikasi yang dikemukakan bagi permohonan kelulusan perolehan secara rundingan terus berhubung perolehan PSTM di mana syarikat yang di cadang merupakan syarikat subsidiari Kerajaan Negeri Selangor adalah kurang wajar dan tidak memenuhi kriteria pelaksanaan perolehan secara rundingan terus. Selain itu, perolehan yang dijalankan bukanlah suatu perolehan yang mendesak dan perkhidmatan perundingan bagi penyediaan PSTM turut ditawarkan oleh perunding lain dalam pasaran.
- d. Pihak Audit turut mendapati antara justifikasi permohonan perolehan Penyenggaraan Perisian dan *Server* Antivirus Kaspersky untuk tempoh satu (1) tahun di Pejabat SUK Selangor dan sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah Selangor yang dikemukakan oleh BTM di mana syarikat yang dilantik merupakan *platinum partner* kepada syarikat prinsipal adalah kurang wajar memandangkan perolehan tersebut bukan bagi maksud penyeragaman dan turut ditawarkan oleh pembekal lain dalam pasaran terbuka.

- e. Perolehan yang dibuat secara rundingan terus tanpa melalui perolehan secara tender/sebut harga terbuka boleh menyebabkan Kerajaan tidak mendapat harga munasabah dan *best value for money* bagi perolehan yang dilaksanakan.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM mengambil maklum berkenaan perkara berbangkit dan akan memastikan justifikasi rundingan terus seperti yang ditetapkan dalam peraturan yang berkuat kuasa akan dirujuk serta diguna pakai pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, justifikasi permohonan pelaksanaan perolehan secara rundingan terus yang kurang wajar boleh menjejaskan aspek kecekapan pengurusan perolehan kerajaan yang sepatutnya dilaksanakan secara tender atau sebut harga terbuka bagi menggalakkan persaingan yang sihat dan memastikan kerajaan mendapat harga yang terbaik.

1.6.2.3. Pelanjutan Kontrak Selepas Kontrak Tamat

- a. Perkara 6.9.1 dalam Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan menyatakan sebarang pelanjutan tempoh kontrak semasa kontrak masih berkuat kuasa hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus.
- b. Tempoh kontrak asal bagi pembangunan PSTM yang dimeterai di antara Kerajaan Negeri Selangor dan UNISEL adalah selama lima (5) bulan mulai 12 Ogos 2016 hingga 11 Januari 2017.
- c. Semakan Audit mendapati permohonan lanjutan masa oleh UNISEL kepada BTM pada bulan Disember 2016. Bagaimanapun, permohonan pelanjutan tempoh kontrak oleh BTM kepada pihak Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) hanya dibuat pada 20 Mac 2017. Maklum balas PNS yang diterima pada 27 Mac 2017 menyatakan cadangan lanjutan kontrak adalah tidak relevan kerana tempoh kontrak telah berakhir. Pihak BTM selanjutnya memohon pandangan dan ulasan daripada Kamar Penasihat Undang-Undang pada 7 April 2017 untuk meminda tempoh kontrak di dalam draf perjanjian tambahan yang dikemukakan. Pada 5 Mei 2017, pihak Kamar Penasihat Undang-Undang bersetuju dan tiada halangan ke atas pelanjutan

tempoh kontrak. Perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 23 Mei 2017 dan tempoh kontrak dipinda sehingga 11 April 2017.

- d. Kronologi lanjutan masa tempoh kontrak pembangunan PSTM adalah seperti **Jadual 1.12** berikut:

JADUAL 1.12
KRONOLOGI LANJUTAN MASA TEMPOH KONTRAK PEMBANGUNAN PSTM

BUTIRAN	TARIKH
Tempoh Kontrak Asal	12.08.2016 hingga 11.01.2017
Permohonan Lanjutan Masa Diterima Daripada UNISEL	14.12.2016
Permohonan Kelulusan Lanjutan Masa BTM Kepada PNS	20.03.2017
Maklum Balas Daripada PNS	27.03.2017
Permohonan Semakan Kamar Penasihat Undang-Undang Bagi Perjanjian Tambahan	07.04.2017
Tarikh Perjanjian Tambahan	23.05.2017
Tempoh Kontrak Baharu (Pindaan)	12.08.2016 hingga 11.04.2017
Tarikh Serahan Laporan Akhir Dokumen PSTM Kepada BTM	11.04.2017

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- e. Pihak BTM menjelaskan antara justifikasi pelanjutan masa tempoh kontrak adalah berikutan dengan penyelarasan inisiatif *Blue Print #Smart Selangor* serta laporan akhir PSTM yang memerlukan penelitian dan pengesahan daripada BTM serta pihak Menteri Besar Selangor Incorporated. Selain itu, aspek pemantauan yang lemah susulan pengurus projek PSTM di BTM yang telah bercuti sakit selama empat (4) bulan menyebabkan projek pembangunan tidak dipantau secara berkala.
- f. Pelanjutan tempoh kontrak melalui perjanjian tambahan yang ditandatangani selepas kontrak berakhir menggambarkan ketidakcekapan BTM dan boleh menyebabkan kepentingan kerajaan tidak terpelihara dan menimbulkan pertikaian sekiranya terdapat sebarang tindakan undang-undang.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM mengambil maklum perkara berbangkit dan akan memastikan aspek pemantauan pelaksanaan projek dan pentadbiran kontrak dipertingkatkan serta dijalankan secara berkala pada masa hadapan untuk memastikan pentadbiran kontrak berkaitan perolehan dipatuhi sepenuhnya. Seramai 18 orang pegawai di BTM telah menghadiri Bengkel Pengurusan Projek ICT pada bulan Mac 2018 bagi memastikan aspek pemantauan projek dipertingkatkan.

Pada pendapat Audit, pelanjutan tempoh kontrak yang dibuat selepas kontrak asal tamat menunjukkan kelemahan dalam pemantauan projek.

1.6.2.4. Kelewatan Menandatangani Perjanjian

- a. Salah satu aspek kecekapan yang dinilai adalah tempoh yang diambil oleh pihak pengurusan di dalam menguruskan perjanjian/kontrak. Pekeliling 1PP – PK 4 menetapkan perjanjian hendaklah ditandatangani secepat mungkin oleh kedua-dua pihak atau selewat-lewatnya empat (4) bulan daripada tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST). Dokumen perjanjian merupakan dokumen penting bagi memastikan syarikat dan kerajaan mempunyai ikatan perundangan yang jelas serta melindungi kepentingan kerajaan.
- b. Semakan Audit terhadap tempoh perjanjian dimuktamadkan antara syarikat dengan kerajaan adalah seperti **Jadual 1.13** berikut:

**JADUAL 1.13
PERJANJIAN LEWAT DIMUKTAMADKAN**

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	TARIKH PERJANJIAN SEPATUT DITANDATANGANI	TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGANI	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Rundingan Terus					
1.	Pembangunan Sistem e-Sidang Dewan Negeri Selangor	99,110	20.08.2017	29.09.2017	40
2.	Perkhidmatan Pengukuhan Infrastruktur Talian Rangkaian <i>Internet Secara High Availability (HA)</i> Bagi Pejabat SUK Negeri Selangor	1,174,480	01.12.2017	15.05.2018	165
3.	Pembaharuan Lesen Antivirus Kaspersky Termasuk Penyenggaraan Bagi Perisian dan Server Antivirus Untuk Tempoh Setahun	198,135	01.03.2018	17.05.2018	77
Sebut Harga					
4.	Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Perkakasan Server Serta Menaik Taraf Perisian Microsoft <i>Active Directory</i> bagi Pejabat SUK Negeri Selangor dan sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah	238,500	27.03.2018	23.04.2018	27
JUMLAH		1,710,225			

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- c. Analisis Audit mendapati perjanjian bagi empat (4) daripada 28 perjanjian bagi perolehan dengan nilai berjumlah RM1.71 juta telah lewat ditandatangani antara 27 hingga 165 hari. Kelewatan menandatangani perjanjian selain merupakan isu kecekapan prestasi bahkan juga menyebabkan kepentingan kerajaan tidak dapat dilindungi sekiranya syarikat melanggar syarat perjanjian ditetapkan.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM mengambil maklum perkara berbangkit. Aspek pemantauan dan tindakan susulan secara berkala bersama pihak Kamar Penasihat Undang-Undang akan diambil untuk memastikan perjanjian ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan. Mesyuarat Pengurusan BTM yang dijadualkan pada bulan Oktober 2018 akan memperincikan tatacara pelaksanaan pemantauan yang akan diambil.

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian kontrak adalah kurang cekap kerana empat (14.3%) daripada 28 perjanjian lewat ditandatangani antara 27 hingga 165 hari.

1.6.2.5. Pelaksanaan Kajian Pasaran

- a. Salah satu aspek kecekapan yang dinilai adalah mengenai pelaksanaan kajian pasaran. Mengikut 1PP, PK 2.1 – Lampiran 2.27 berkaitan Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan menetapkan dalam Bab 4 (Proses Penilaian Perolehan ICT) bahawa Jawatankuasa Penilaian Harga perlu membuat analisis harga yang ditawarkan oleh syarikat berasaskan kesaksamaan dan harga pasaran terbuka. Jawatankuasa perlu mengambil inisiatif untuk menyemak semula harga pasaran terkini dengan disokong dokumen berkaitan.
- b. Semakan Audit mendapati penilaian harga yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian dibuat berdasarkan kepada sebut harga yang diterima daripada tiga (3) pembekal. Pemilihan syarikat yang dilantik adalah antara lain berdasarkan kepada tawaran harga terendah.
- c. Pihak Audit turut menjalankan analisis perbandingan harga seunit bagi item perkakasan ICT yang dibeli berbanding harga pasaran yang diperolehi melalui carian maklumat di Internet melibatkan lapan (8) perolehan dengan

nilai keseluruhan berjumlah RM179,816. Semakan Audit mendapati harga seunit perkakasan berdasarkan baucar bayaran bagi 31 item yang dibeli adalah tidak munasabah berbanding harga pasaran yang disemak. Anggaran kerugian bagi kajian pasaran yang tidak dilaksanakan adalah berjumlah RM30,312 (16.9%) daripada nilai perolehan keseluruhan melibatkan RM179,816. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.14** berikut:

**JADUAL 1.14
PERINCIAN PERBANDINGAN HARGA
BERBANDING HARGA PASARAN BAGI PEROLEHAN PERKAKASAN ICT**


BIL.	PERIHAL ITEM	KUANTITI PEROLEHAN (UNIT) (a)	HARGA PEROLEHAN	PURATA HARGA PASARAN	PERBEZAAN HARGA (b)	ANGGARAN KERUGIAN (RM) (a)X(b)
				(RM/Unit)		
a. Perolehan Harta Modal Untuk Pusat Data BTM – RM49,264 (No. Baucar Bayaran: V0017197 Bertarikh 22.12.2015)						
1.	42U Server Rack Perforated	3	5,098.00	2,071.43	3,026.57	9,079.71
b. Perolehan Peralatan/ Aksesori/ Perabot Untuk Pusat Data BTM – RM35,803 (No. Baucar Bayaran: V0015465 Bertarikh 08.12.2015)						
2.	M6 Cage Nut Set	100	10.40	1.46	8.94	894.00
3.	Kerusi Bar Stool IKEA Glenn	4	698.00	278.30	419.70	1,678.80
4.	SKIL Wet & Dry Vacuum Cleaner 8715 With HEPA Filter	1	995.00	349.00	646.00	646.00
5.	NORBO Wall-Mounted Drop-Leaf Table, Birch	1	485.00	150.00	335.00	335.00
6.	BOSCH GSR10.8V-EC10.8V Cordless Drill/Screwdriver Set	1	795.00	493.00	302.00	302.00
7.	IEC C20 To C19 Power Cable 3 Meter	5	204.00	57.80	146.20	731.00
c. Perolehan Membekal Peralatan Multimedia dan Aksesori Bagi Kegunaan BTM – RM48,980 (No. Baucar Bayaran: V0020147 Bertarikh 19.12.2016)						
8.	Sony PXW-X70 Pro XDCAM Compact Camcorder	1	9,800.00	7,430.00	2,370.00	2,370.00
9.	JBL Synchros E50BT Black	3	980.00	689.00	291.00	873.00
10.	ScanDisk 64GB Extreme Pro UHS-I SDXC U3 Memory Card (Class 10)	4	190.00	99.00	91.00	364.00
11.	GoPro Hero 5 Black with Accessories	1	2,350.00	1,188.00	1,162.00	1,162.00
12.	SanDisk Extreme Pro 95 MB/s Micro SD 64GB	2	300.00	153.90	146.10	292.20
13.	Vanguard Skyborne 53 Liter	1	1,100.00	835.00	265.00	265.00
14.	Zoom H1 N with Camera Kit	1	1,860.00	598.50	1,261.50	1,261.50
d. Perolehan Membekal Komponen Komputer – RM10,831 (No. Baucar Bayaran: V0015085 Bertarikh 03.12.2015)						
15.	4 Port VGS Splitter With Audio	3	600.00	377.36	222.64	667.92
16.	Kensington Riser & Locking Stations For Macbook Air 13'	1	481.00	334.85	146.15	146.15
e. Perolehan Membekal Peralatan/Perkakasan Komputer – RM6,670 (No. Baucar Bayaran: V0005993 Bertarikh 12.05.2016)						
17.	Seagate Momentus Thin 500GB	5	315.00	177.00	138.00	690.00

BIL.	PERIHAL ITEM	KUANTITI PEROLEHAN (UNIT) (a)	HARGA PEROLEHAN	PURATA HARGA PASARAN	PERBEZAAN HARGA (b)	ANGGARAN KERUGIAN (RM) (a)X(b)
			(RM/Unit)			
	5400RPM 16MB <i>Notebook Hard Drive</i>					
18.	<i>Seagate HDD EXT 2.5' USB 3.0 Expansion 500GB</i>	7	325.00	188.50	136.50	955.50
19.	<i>Kingston 8GB Data Traveler USB 3.0 Drive</i>	20	35.00	24.00	11.00	220.00
20.	<i>Kingston 16GB Data Traveler USB 3.0 Drive</i>	10	40.00	28.71	11.29	112.90
f. Perolehan Membekal Peralatan/Perkakasan ICT – RM4,998 (No. Baucar Bayaran: V0018643 Bertarikh 08.12.2016)						
21.	<i>Dell Optiplex 990 CMT Motherboard</i>	3	558.00	259.77	298.23	894.69
22.	<i>Logitech M325 Wireless Mouse</i>	9	99.00	78.50	20.50	184.50
23.	<i>Logitech Classic Desktop MK100 (Keyboard & Mouse)</i>	10	59.00	44.25	14.75	147.50
24.	<i>D-Link 5 Port 10/100/1000mbps Switch</i>	9	72.00	53.93	18.07	162.63
25.	<i>UK Defender (25 meter 4 Gang) Power Extension</i>	2	550.00	340.00	210.00	420.00
g. Perolehan Membekal Bateri UPS – RM16,800 (No. Baucar Bayaran: V0016762 Bertarikh 14.11.2016)						
26.	<i>Bateri UPS GP 12V 40Ah</i>	32	525.00	413.00	112.00	3,584.00
h. Perolehan Membekal Peralatan Komputer – RM6,470 (No. Baucar Bayaran: V0002555 Bertarikh 07.03.2017)						
27.	<i>Dell Optiplex 990 MT Power Supply</i>	5	290.00	167.10	122.90	614.50
28.	<i>HP8100 Elite CMT Power Supply (PSU)</i>	5	320.00	249.00	71.00	355.00
29.	<i>Toshiba HDD 3.5 SATA 500GB</i>	10	235.00	162.97	72.03	720.30
30.	<i>3M Acrylic Double Side Tape</i>	4	32.00	18.90	13.10	52.40
31.	<i>AVF Miracast Dongle (A2W-II)</i>	2	178.00	113.00	65.00	130.00
JUMLAH						30,312.20

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor


- d. **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.14** pula menunjukkan perbandingan harga antara item yang dibeli dengan item yang ditawarkan di pasaran.

ITEM YANG DIBELI
GAMBAR 1.1




Pusat Data BTM
- Kerusi Bar Stool IKEA Glenn
(RM698 seunit)
(04.07.2018)

ITEM DI PASARAN
GAMBAR 1.2




Laman Web IKEA
- Kerusi Bar Stool IKEA Glenn
(RM278.30 seunit)
(06.08.2018)

GAMBAR 1.3



Pusat Data BTM
- NORBO Wall-Mounted Drop-Leaf Table, Birch
(RM485 seunit)
(04.07.2018)

GAMBAR 1.4




Laman Web IKEA
- NORBO Wall-Mounted Drop-Leaf Table, Birch
(RM150 seunit)
(06.08.2018)

GAMBAR 1.5



Pusat Data BTM
- SKIL Wet & Dry Vacuum Cleaner 8715
With HEPA Filter
(RM995 seunit)
(04.07.2018)

GAMBAR 1.6




Laman Web LAZADA
- SKIL Wet & Dry Vacuum Cleaner 8715
With HEPA Filter
(RM399 seunit)
(06.08.2018)

ITEM YANG DIBELI
GAMBAR 1.7



Bilik Multimedia BTM
- Sony PXW-X70 Pro XDCAM Compact Camcorder
(RM9,800 seunit)
(04.07.2018)

ITEM DI PASARAN
GAMBAR 1.8




Laman Web Lelong
- Sony PXW-X70 Pro XDCAM Compact Camcorder
(RM7,430 seunit)
(08.08.2018)

GAMBAR 1.9



Bilik Multimedia BTM
- Zoom H1 N Camera Kit
(External Microphone Recorder)
(RM1,860 seunit)
(04.07.2018)

GAMBAR 1.10



Laman Web Lazada
- Zoom H1 N Camera Kit
(External Microphone Recorder)
(RM598.50 seunit)
(08.08.2018)

GAMBAR 1.11



Bilik Multimedia BTM
- XDCAM Camera Bag
(Vanguard Skyborne 53 Liter)
(RM1,100 seunit)
(04.07.2018)

GAMBAR 1.12




Laman Web ShaShinKi
- XDCAM Camera Bag
(Vanguard Skyborne 53 Liter)
(RM835 seunit)
(08.08.2018)

ITEM YANG DIBELI
GAMBAR 1.13



Bilik Multimedia BTM
- JBL Synchros E50BT Black
(RM980 seunit)
(04.07.2018)

ITEM DI PASARAN
GAMBAR 1.14



Laman Web Lazada
- JBL Synchros E50BT Black
(RM698 seunit)
(08.08.2018)

- e. Pihak BTM menjelaskan penilaian harga pasaran telah dibuat sebelum perolehan dilaksanakan namun tiada dokumentasi dan rekod diselenggara bagi mengesahkan penilaian harga pasaran telah dilaksanakan. Selain itu, BTM turut menjelaskan harga item yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga (*quotation*) yang diterima daripada syarikat pembekal adalah termasuk kos penghantaran dan pemasangan yang tidak diasingkan serta diperincikan.
- f. Kajian pasaran yang tidak dilaksana bagi memastikan objektif mengadakan sebut harga dan pembelian terus untuk mendapatkan harga kompetitif adalah tidak tercapai dan boleh menyebabkan kerugian kepada kerajaan.
- g. Pihak BTM telah mengemukakan perbandingan sebut harga (*quotation*) terkini yang diperoleh daripada syarikat pembekal lain bagi menyokong harga pembelian terdahulu, namun pihak Audit tidak dapat mengesahkan kesahihan dan ketepatan sebut harga berkenaan kerana ia diperoleh selepas selesai pengauditan. Selain itu, justifikasi yang dikemukakan pihak BTM juga tidak dapat diterima.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM memaklumkan kajian pasaran bagi setiap perolehan yang dilaksana akan didokumenkan. Selain itu pihak BTM juga akan memastikan kos sampingan antara lain seperti kos penghantaran, pemasangan diperincikan bagi setiap pelawaan perolehan untuk memastikan harga yang ditawarkan adalah munasabah. Selain itu, arahan berhubung pematuhan tatacara perolehan yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai terlibat telah diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan BTM Bil. 3/2018 pada bulan Mac 2018.

Pada pendapat Audit, kajian pasaran yang tidak dilaksanakan berhubung aspek kemunasabahan harga berbanding harga tawaran yang dikemukakan oleh syarikat yang menyertai pelawaan sebelum perolehan dibuat boleh menjejaskan kecekapan pengurusan perolehan.

1.6.2.6. Pemilihan Syarikat Pembekal

- a. Antara aspek kecekapan pengurusan perolehan yang dinilai adalah mengenai pemilihan syarikat pembekal. Berdasarkan 1PP – PK1/2013, agensi hendaklah memastikan semua urusan berkaitan perolehan kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan memenuhi prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.
- b. Pihak Audit telah menjalankan analisis berdasarkan 21 sampel perolehan secara Sebut Harga B dengan nilai perolehan antara RM20,000 hingga RM50,000 bagi menilai kekerapan syarikat sama menyertai pelawaan perolehan tersebut. Analisis Audit mendapati Syarikat 1101725-A dan Syarikat 982771-D telah menyertai pelawaan secara serentak bagi empat (4) (19.1%) daripada 21 perolehan yang disemak. Manakala Syarikat 786209-W turut menyertai secara serentak bersama-sama Syarikat 1101725-A dan Syarikat 982771-D bagi dua (2) daripada empat (4) pelawaan perolehan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.15** berikut:

**JADUAL 1.15
BUTIRAN SYARIKAT YANG MENYERTAI PELAWAAN PEROLEHAN SECARA SERENTAK**

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	SYARIKAT YANG KEMUKAKAN PELAWAAN	SYARIKAT YANG MENANG	NILAI PEROLEHAN (RM)
1.	Perolehan Harta Modal Untuk Pusat Data BTM: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Server Rack Perforated</i> • <i>Small Foam Factor Pluggable</i> • Kabinet Besi Berkunci 	Syarikat 1101725-A	Syarikat 982771-D	49,264
		Syarikat 982771-D		
		Syarikat 786209-W		
2.	Perolehan Peralatan/ Aksesori/ Perabot Untuk Pusat Data BTM	Syarikat 1101725-A	Syarikat 982771-D	35,803
		Syarikat 982771-D		
		Syarikat 786209-W		
3.	Sebut Harga Menaik Taraf <i>Content Management System (CMS)</i> Portal Multimedia dan Live <i>Streaming Engine</i> Pejabat SUK Selangor	Syarikat 1101725-A	Syarikat 1101725-A	49,608
		Syarikat 982771-D		
		Syarikat 663460 - T		
4.	Perolehan Peralatan Multimedia dan Aksesori Untuk Kegunaan BTM	Syarikat 1101725-A	Syarikat 1101725-A	49,980
		Syarikat 982771-D		
		Syarikat 566156-P		
JUMLAH				184,655

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- c. Berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berhubung Syarikat 1101725-A, Syarikat 982771-D dan Syarikat 786209-W serta dokumen yang dikemukakan semasa menyertai pelawaan perolehan, analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:
- i. dua (2) daripada tiga (3) Pengarah Syarikat 1101725-A adalah sama dengan Syarikat 786209-W.
 - ii. alamat perniagaan Syarikat 1101725-A adalah sama dengan Syarikat 786209-W.
 - iii. alamat berdaftar bagi Syarikat 1101725-A, Syarikat 982771-D dan Syarikat 786209-W adalah sama.
 - iv. Setiausaha Syarikat bagi Syarikat 1101725-A, Syarikat 982771-D dan Syarikat 786209-W adalah sama.
 - v. salah seorang daripada Pengarah Syarikat 982771-D telah menandatangani dokumen pelawaan Perolehan Harta Modal Untuk Pusat Data BTM dengan nilai perolehan sejumlah RM49,264 bagi pihak Syarikat 1101725-A dan beliau telah bertindak sebagai Pengurus Jualan. Manakala salah seorang daripada Pengarah Syarikat 1101725-A pula telah menandatangani dokumen pelawaan bagi pihak Syarikat 982771-D dan bertindak sebagai Pengurus Jualan bagi penyertaan pelawaan perolehan yang sama.
- d. Pihak BTM memaklumkan sebut harga yang diterima adalah daripada tiga (3) syarikat pembekal dengan alamat syarikat yang berbeza. Tiada semakan lanjut dibuat melalui semakan SSM bagi mengesahkan maklumat terperinci dan hubung kait syarikat yang menyertai pelawaan perolehan.
- e. Penilaian perolehan bagi aspek pemilihan syarikat tanpa penelitian terperinci menjejaskan ketelusan perolehan yang dilaksanakan.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

Arahan pelaksanaan proses perolehan secara Sebut Harga B yang lebih teratur telah dikeluarkan melalui Mesyuarat Pengurusan BTM pada bulan Mac 2018. Selain itu, BTM juga akan memastikan tawaran sebut harga yang diterima daripada syarikat pembekal adalah berlainan melalui semakan nombor pendaftaran dan profail syarikat dengan lebih teliti berdasarkan borang maklumat pembekal.

Pada pendapat Audit, penilaian aspek pemilihan syarikat yang tidak dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dalam pengurusan perolehan menyebabkan saingan terbuka, adil dan saksama tidak dapat dicapai.

1.6.2.7. Pembayaran Bagi Perkhidmatan yang Tidak Dilaksanakan

- a. Bagi memastikan tiada penyalahgunaan dana Kerajaan, aspek pembayaran tidak teratur juga telah dinilai. Mengikut Lampiran 2.27 – 2.5.5 dalam 1PP, PK 2.1 berkaitan Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan, bayaran hendaklah dibuat berdasarkan kerja sebenar yang disiapkan.
- b. Perolehan bagi kerja Penyenggaraan Perkakasan dan Perisian Sistem Pungutan Hasil Tanah (e-SPHT) di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) serta sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor telah dilaksanakan secara sebut harga dengan kos perolehan berjumlah RM432,851 bagi tempoh satu (1) tahun mulai 1 Januari hingga 31 Disember 2015.
- c. Klausula 4 dalam perjanjian menetapkan syarikat perlu melaksanakan penyenggaraan pencegahan bagi perkakasan e-SPHT sebanyak empat (4) kali setahun. Antara skop kerja penyenggaraan perkakasan adalah pembersihan, penyelarasan dan menyediakan laporan penyenggaraan.
- d. Semakan Audit mendapati bayaran penuh telah dibuat sungguhpun lapan (8) perkakasan e-SPHT tidak disenggara sebanyak empat (4) kali setahun melibatkan amaun berjumlah RM12,653. Butiran lanjut seperti **Jadual 1.16** berikut:

**JADUAL 1.16
PENYENGGARAAN PERKAKASAN E-SPHT TIDAK DILAKSANAKAN**

BIL.	PENEMPATAN PERKAKASAN	NO. SIRI	BILANGAN PENYENGGARAAN				AMAUN (RM)
			1	2	3	4	
1.	PDT Hulu Langat	SR610081128A / J24Z015015	/	/	/	x	542
2.		SR610081129A / J24Z015037	x	x	x	x	2,170
3.		SGH3262LK1	x	x	x	/	1,268
4.	PDT Petaling	SR610081104A / J24Z021258	x	x	x	/	1,627
5.	PDT Sepang	SR610081120A / J24Z015953	x	x	x	x	2,170
6.		SR610081121A / J24Z015933	x	x	x	x	2,170
7.	Pejabat Tanah Galian Shah Alam	SR610081105A / J24Z021258	x	x	x	x	2,170
8.	PDT Kuala Langat	MR80070803A	/	x	/	/	536
JUMLAH							12,653

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

Nota: / Dilaksana, x- Tidak Dilaksana

- e. Berdasarkan kepada penjelasan pegawai BTM, pihak Audit mendapati kelemahan pemantauan sebelum dan semasa syarikat dilantik melaksanakan aktiviti penyenggaraan dengan memastikan semua perkakasan e-SPHT yang perlu disenggara tidak dibawa keluar telah menyebabkan perkakasan tersebut tiada di lokasi berikutan perkakasan digunakan untuk sesi kutipan hasil di luar pejabat sungguhpun pemberitahuan awal telah dimaklumkan kepada PDT terlibat.
- f. Bayaran penuh bagi perkhidmatan penyenggaraan yang tidak disempurnakan dengan nilai berjumlah RM12,653 menyebabkan kerugian kepada kerajaan. Selepas perkara ini dibangkitkan, pihak BTM telah menuntut bayaran balik sejumlah RM2,529. Kutipan bayaran balik tersebut adalah tidak bertepatan memandangkan pecahan kos penyenggaraan tidak ditetapkan dalam perjanjian.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September dan 2 Oktober 2018

BTM memaklumkan perbincangan dengan syarikat telah dilaksanakan pada bulan September 2018 bagi menuntut kembali bayaran penyenggaraan perkakasan yang tidak dilaksanakan. Berdasarkan perbincangan yang telah dimuktamadkan, pembayaran berjumlah RM2,529 telah diterima pada 1 Oktober 2018 di mana bayaran tersebut merupakan nilai 20% kos penyenggaraan pencegahan daripada jumlah keseluruhan yang menuntut oleh BTM. Selain itu, BTM telah mengarahkan syarikat dilantik untuk memaklumkan jadual penyenggaraan kepada BTM dan PDT terlibat sebelum kerja penyenggaraan dilaksanakan bagi mengelakkan insiden berulang. BTM juga mengambil tindakan memastikan bayaran yang dibuat adalah selaras dengan tahap kesempurnaan kerja penyenggaraan oleh syarikat dilantik mengikut perjanjian yang ditandatangani pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat bagi perkhidmatan penyenggaraan yang tidak dilaksanakan secara sempurna merugikan pihak kerajaan.

1.6.2.8. Pengurusan Penerimaan, Penggunaan dan Penyimpanan Bekalan

- a. Penilaian terhadap penerimaan, penggunaan dan penyimpanan bekalan dan peralatan ICT merupakan sebahagian daripada aspek kecekapan

pengurusan agensi. Berdasarkan 1PP berkaitan Pengurusan Aset Alih Kerajaan menetapkan semua aset kerajaan hendaklah diberi tanda pengenal dengan cara melabel atau mengecat atau mencetak timbul bagi menunjukkan tanda Hak Kerajaan Malaysia. Aset alih kerajaan juga hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai bertanggungjawab. Selain itu, Pekeliling 1PP – PK 2.1 Lampiran 2.27 mengenai Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan menetapkan agensi perlu memastikan benar-benar wujud keperluan untuk melaksanakan perolehan yang dicadangkan.

- b. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan di PDT Petaling serta PDT Sepang pada 16 dan 18 Julai 2018 bagi perolehan perkakasan ICT di bawah PSTM mendapati sebanyak 19 (19.2%) daripada 99 unit aset yang diperiksa tidak dilabelkan dan tiada tanda Hak Milik Kerajaan. **Gambar 1.15** dan **Gambar 1.16** menunjukkan antara aset alih kerajaan yang tidak dilabelkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.17** berikut:

GAMBAR 1.15



Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
- Mesin Pencetak yang Tidak Dilabel
(16.07.2018)

GAMBAR 1.16



Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
- Mesin Pengimbas yang Tidak Dilabel
(16.07.2018)

JADUAL 1.17

ASET TIDAK DILABELKAN DAN TIADA TANDA HAK MILIK KERAJAAN

BIL.	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	BUTIRAN ASET	KOS SEUNIT (RM)	TARIKH TERIMA	TARIKH PEMERIKSAAN	TEMPOH (Hari)
1.	SUK/ICT/H/15/00137/B	Mesin Pencetak HP Laserjet Pro 400	1,158	23.11.2015	16.07.2018	966
2.	SUK/ICT/H/15/00138/B	M401DNE				
3.	SUK/ICT/H/15/00171/B	Mesin Pencetak HP OJ 7110 Wide Format ePrinter	1,004	04.08.2016	18.07.2018	713
4.	SUK/ICT/H/15/00181/B	Mesin Pengimbas HP Scanjet N6310	2,225			
5.	SUK/ICT/H/15/00183/B					
6.	SUK/ICT/H/16/00133/B	Mesin Pencetak HP Laserjet Enterprise M506DN	3,196	04.08.2016	18.07.2018	713
7.	SUK/ICT/H/16/00134/B					
8.	SUK/ICT/H/16/00135/B					
9.	SUK/ICT/H/16/00197/B	Mesin Pencetak HP Laserjet Color Pro M452DN	2,732			
10.	SUK/ICT/H/17/00164/B	Komputer Peribadi	3,737	18.09.2017	16.07.2018	301

BIL.	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	BUTIRAN ASET	KOS SEUNIT (RM)	TARIKH TERIMA	TARIKH PEMERIKSAAN	TEMPOH (Hari)
11.	SUK/ICT/H/17/00166/B	HP Prodesk 600 G3				
12.	SUK/ICT/H/17/00198/B					
13.	SUK/ICT/H/17/00280/B					
14.	SUK/ICT/H/17/00281/B					
15.	SUK/ICT/H/17/00051/B	Mesin Pencetak Brothers HL-6180DW	1,220			
16.	SUK/ICT/H/17/00085/B					
17.	SUK/ICT/H/17/0091/B					
18.	SUK/ICT/H/17/00094/B					
19.	SUK/ICT/H/17/00377/B	Mesin Pencetak Brothers MFC-J2730	972	28.12.2017	16.07.2018	200

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- c. Pihak Audit turut mendapati dua (2) unit aset bernilai RM4,283 tidak dapat dikesan semasa pemeriksaan dijalankan. Butiran lanjut berhubung perkara ini adalah seperti **Jadual 1.18** berikut:

JADUAL 1.18
ASET TIDAK DAPAT DIKESAN

BIL.	BUTIRAN ASET	NOMBOR PENDAFTARAN ASET	TAHUN PEROLEHAN ASET	NILAI ASET (RM)
1.	Komputer HP Prodesk 600 G1 TWR	SUK/ICT/H/15/00059/B	2015	3,046
2.	Mesin Pencetak HP Laserjet Pro M402DN	SUK/ICT/H/16/00056/B	2016	1,237
JUMLAH				4,283

Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

- d. Perkara ini berlaku berikutan kelemahan pengurusan aset oleh pegawai bertanggungjawab terhadap aset alih yang diperolehi. Aset yang tidak dilabel akan menyukarkan urusan pemantauan dan pemeriksaan aset bagi memastikan aset kerajaan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.
- e. Selain itu, pihak Audit turut mendapati empat (4) item peralatan ICT sebanyak 120 unit bernilai RM1,982 masih berbaki dan tidak digunakan. Manakala satu (1) unit pencetak bernilai RM972 masih belum digunakan sejak bulan Disember 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.19** dan **Gambar 1.17** hingga **Gambar 1.19** adalah berkaitan.

JADUAL 1.19
PEROLEHAN TIDAK DIGUNAKAN
SECARA OPTIMA BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN FEBRUARI 2018

BIL.	BUTIRAN ITEM	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI (Unit)	JUMLAH HARGA (RM)	TARIKH TERIMA	TARIKH PEMERIKSAAN	TEMPOH (Hari)
1.	1 U <i>Blanking Panel Plastic Toolless</i>	13.60	30	408	04.12.2015	23.07.2018	962
2.	2 U <i>Blanking Panel Plastic Toolless</i>	20.40	20	408			
3.	4 U <i>Blanking Panel Plastic Toolless</i>	32.30	20	646			
4.	M6 <i>Cage Nut Set</i>	10.40	50	520			
5.	Mesin Pencetak Brothers MFC-J2730	972.00	1	972	28.12.2017	16.07.2018	200
JUMLAH			121	2,954			


Sumber: BTM, Pejabat SUK Negeri Selangor

GAMBAR 1.17



Bilik Pusat Data BTM, SUK
 - M6 *Cage Nut Set* yang Masih Berbaki
 (04.07.2018)

GAMBAR 1.18



Bilik Pusat Data BTM, SUK
 - *Blanking Panel Plastic Toolless*
 yang Tidak Digunakan
 (23.07.2018)

GAMBAR 1.19



Pejabat Daerah dan Tanah
 - Mesin Pencetak yang Masih Dalam Kotak
 (16.07.2018)

- f. Aspek pengurusan aset yang kurang cekap dan kelemahan perancangan perolehan tanpa mengambil kira keperluan sebenar menyebabkan penggunaan aset tidak dioptimumkan.

Maklum Balas BTM yang Diterima pada 12 September 2018

BTM telah mengambil tindakan melabelkan nombor pendaftaran aset dan menandakan Hak Milik Kerajaan bagi semua peralatan ICT pada bulan Julai 2018. Selain itu, tindakan mengemas kini rekod penempatan aset berdasarkan penempatan sebenar juga telah diambil. Pihak BTM juga memaklumkan bekalan dan peralatan ICT yang tidak dioptimumkan telah digunakan untuk pelaksanaan projek yang sedang dibangunkan. Sebagai langkah penambahbaikan, taklimat berhubung tatacara pengurusan aset kerajaan akan dilaksanakan sebelum pengagihan peralatan ICT kepada PDT dibuat dan pemeriksaan fizikal serta laporan pemeriksaan aset perlu dikemukakan kepada BTM bagi tujuan pemantauan.

Pada pendapat Audit, aspek kecekapan pengurusan aset meliputi aspek penerimaan, penggunaan serta penyimpanan bekalan dan peralatan ICT perlu dipertingkatkan melalui perancangan perolehan yang lebih teliti, pemantauan berkala, pemeriksaan fizikal dan penyelenggaraan rekod yang teratur.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan perolehan ICT di bawah PSTM pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mengambil tindakan seperti berikut bagi meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan pengurusan perolehan ICT:

1.7.1. memastikan projek di bawah Pelan Strategik Teknologi Maklumat dilaksanakan mengikut perancangan dan dimanfaatkan mengikut maksud perolehan projek;

1.7.2. mengambil perhatian berhubung pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan kerajaan serta meningkatkan pemantauan yang lebih secara berterusan, memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan teratur dan berkualiti untuk mengelakkan kelewatan menandatangani kontrak serta membuat kajian pasaran bagi mendapatkan nilai pembelian yang optimum; dan

1.7.3. latihan berterusan dan bersesuaian diberikan kepada pegawai bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran selaras dengan perubahan terkini pekeliling dan peraturan berkaitan perolehan kerajaan.

2. PENGURUSAN PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Banjir merupakan satu fenomena bencana alam yang sering melanda dan mengakibatkan kerosakan kepada harta benda serta boleh mengancam nyawa penduduk. Pembangunan yang pesat merupakan sebab utama berlakunya banjir di mana sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung peningkatan kadar aliran air larian permukaan disebabkan oleh permukaan serap air yang semakin berkurangan. Selain itu, berkurangnya keupayaan sungai disebabkan oleh pemendapan kelodak, hujan lebat dan saliran yang tersekat juga menyumbang kepada berlakunya banjir. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif dalam menangani masalah bencana banjir seperti menubuhkan badan penyeliaan, pelaksanaan projek-projek tebatan banjir, pelaksanaan langkah bukan struktur iaitu Sistem Telemetry Aras Air dan Hujan bagi memantau taburan hujan dan paras air sungai; Sistem Telemetry Siren sebagai amaran awal banjir kepada penduduk berdekatan; dan Sistem Telemetry Kamera sebagai pemantauan jarak jauh.

2.1.2. Bahagian Pengurusan Banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan program dan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Selangor. Objektif RTB adalah untuk mengurangkan kejadian banjir melalui pelaksanaan projek yang telah dikenal pasti oleh JPS. Skop kerja RTB termasuklah mendalam dan melebarkan sungai serta kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan, membina kolam takungan, rumah pam, amfang jajar dan benteng/ban.

2.1.3. Bagi tahun 2014 hingga 2017, sebanyak 75 projek RTB dilaksanakan dengan jumlah peruntukan dan perbelanjaan di Negeri Selangor masing-masing adalah RM231.53 juta dan RM206.53 juta. Bagi pelaksanaan RTB, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM35.52 juta manakala Kerajaan Negeri pula memperuntukkan sejumlah RM196.01 juta, seperti **Jadual 2.1** berikut:

JADUAL 2.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN RTB BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	BILANGAN PROJEK		PERUNTUKAN (RM Juta)		PERBELANJAAN (RM Juta)		JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)
	NEGERI	PERSEKUTUAN	NEGERI	PERSEKUTUAN	NEGERI	PERSEKUTUAN		
2014	14	0	29.28	5.33	28.25	5.33	34.61	33.58
2015	17	1	34.72	15.77	33.01	15.77	50.49	48.78
2016	19	1	46.88	7.37	44.02	7.30	54.25	51.32
2017	21	2	85.13	7.05	65.80	7.05	92.18	72.85
JUMLAH	71	4	196.01	35.52	171.08	35.45	231.53	206.53

Sumber: JPS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada:

- a. projek RTB telah dilaksanakan dengan berkesan untuk mencapai objektif mengurangkan kejadian banjir; dan
- b. pengurusan projek RTB telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini adalah tertumpu kepada pengurusan projek RTB di Negeri Selangor bagi tahun 2014 hingga 2017 yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Pengauditan telah dijalankan di JPS Negeri Selangor, JPS Daerah Petaling dan Klang. Semakan dan analisis Audit dijalankan terhadap lima (5) sampel daripada 71 projek RTB di bawah peruntukan Negeri yang terdiri daripada satu (1) projek yang telah siap dilaksanakan dan empat (4) projek yang masih dalam pelaksanaan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.2**. Dalam hal ini, *outcome* projek belum dapat ditentukan kerana projek-projek masih dalam proses pelaksanaan dan pelaksanaan projek adalah berkaitan antara satu dengan yang lain.

JADUAL 2.2
SENARAI PROJEK RTB YANG DIAUDIT

BIL.	NAMA PROJEK	KAEDAH PEROLEHAN	KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS PROJEK
1.	Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan Serta Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Tender Terbuka	9.49	Siap dengan 2 EOT berjumlah 349 hari
2.	Kerja-Kerja Membina Lencongan Sungai Rasah Ke Tasik Ladang, Sungai Klang dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Tender Terbuka	6.71	Dalam pembinaan dengan 4 EOT berjumlah 374 hari
3.	Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Tender Terbuka	5.94	Dalam pembinaan

BIL.	NAMA PROJEK	KAEDAH PEROLEHAN	KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS PROJEK
4.	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	Tender Terbuka	15.14	Dalam pembinaan dengan 1 EOT berjumlah 359 hari
5.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong Dari Ch.0 Hingga Ch.1150 dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	Tender Terbuka	5.93	Dalam pembinaan dengan 1 EOT berjumlah 421 hari
JUMLAH			43.21	

Sumber: JPS

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja, laporan, kajian kemungkinan dan dokumen berkaitan. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dilaksanakan bagi memastikan ketepatan maklumat dan menentukan kerja telah dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak dan kualiti yang ditetapkan.

2.5. RUMUSAN AUDIT

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga bulan Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Fizikal

- i. Secara keseluruhannya, prestasi fizikal projek tidak dilaksanakan dengan berkesan kerana tiada projek dapat disiapkan dalam tempoh asal kontrak dan daripada lima (5) sampel yang dipilih hanya satu (1) projek yang berjaya disiapkan dengan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT).
- ii. Bagi mengatasi masalah banjir JPS perlu melaksanakan projek yang mampu mengurangkan sebahagian daripada masalah banjir yang berlaku. Namun hanya 33 projek sahaja yang dapat disiapkan daripada 75 projek yang dirancang untuk tujuan tersebut bagi tempoh 2014 sehingga 2017. Batasan bilangan projek menyebabkan kejadian banjir akan terus berlaku di kawasan yang tidak dilaksanakan projek RTB.
- iii. Penilaian *Outcome* terhadap projek yang siap tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana projek pencegahan banjir masih berterusan dan pelaksanaan projek adalah berkaitan antara satu dengan yang lain. Sehingga siap semua projek sepenuhnya barulah dapat penilaian dibuat sama ada projek RTB berjaya mengurangkan kejadian banjir. Oleh yang demikian, pihak Audit berpendapat bahawa masalah banjir di Negeri

Selangor masih belum dapat diatasi sepenuhnya sehingga siap semua projek yang dirancang seperti yang dirangka untuk mengatasi masalah kejadian banjir.

b. Pengurusan Projek

Secara keseluruhannya, kecekapan pengurusan projek boleh dipertingkatkan kerana berlaku penambahan kos, kelewatan bagi tempoh tandatangan kontrak, tempoh perakuan bayaran interim serta item yang tidak diluluskan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak Kerja (JPMK) dimasukkan dalam Senarai Kuantiti. Selain itu, terdapat kelemahan spesifikasi dan kualiti kerja serta pengurusan keselamatan pekerjaan yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini.

2.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian oleh pihak JPS adalah seperti berikut:

- i. sebanyak lima (5) daripada 18 Arahan Perubahan Kerja (APK) yang dikeluarkan mempunyai kelemahan yang boleh dielakkan sekiranya perancangan dijalankan dengan teliti dan spesifikasi disediakan mengikut garis panduan yang berkaitan;
- ii. berlaku kelewatan antara 22 hingga 124 hari bagi tempoh tandatangan kontrak;
- iii. sebanyak 11 Perakuan Interim dengan nilai bayaran berjumlah RM11.20 juta telah lewat dikeluarkan antara 12 hingga 74 hari;
- iv. item Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan yang tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JPMK) terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam Senarai Kuantiti;
- v. satu (1) projek yang dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan;
- vi. kualiti kerja pembinaan tidak memuaskan bagi dua (2) projek; dan
- vii. satu (1) projek yang didapati keselamatan tapak bina tidak dikawal.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas secara bertulis daripada JPS diterima pada 20 April 2018 dan *exit conference* diadakan pada 9 April 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan berikut:

2.6.1. Prestasi Projek

2.6.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Sebanyak 75 projek RTB telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor bagi tahun 2014 hingga 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat (4) projek dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan 71 projek melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Satu (1) projek Persekutuan (25%) dan 32 projek Negeri (45.1%) berjaya disiapkan. Manakala baki sebanyak tiga (3) projek Persekutuan (75%) dan 39 projek Negeri (54.9%) masih dalam pelaksanaan. Prestasi pencapaian pelaksanaan projek RTB bagi tahun 2014 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 2.3** dan **Jadual 2.4** berikut:

JADUAL 2.3
PRESTASI PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK RTB
PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	PERSEKUTUAN		
	BILANGAN PROJEK	BILANGAN SIAP	BILANGAN PROJEK SEDANG DILAKSANA
2014	0	0	0
2015	1	0	1
2016	1	1	0
2017	2	0	2
JUMLAH	4	1	3

Sumber: JPS

JADUAL 2.4
PRESTASI PENCAPAIAN FIZIKAL
PROJEK RTB PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	NEGERI		
	BILANGAN PROJEK	BILANGAN SIAP	BILANGAN PROJEK SEDANG DILAKSANA
2014	14	2	12
2015	17	4	13
2016	19	13	6
2017	21	13	8
JUMLAH	71	32	39

Sumber: JPS

- b. Semakan Audit mendapati 33 projek (44%) berjaya disiapkan berbanding 75 yang dirancang. Semakan Audit selanjutnya terhadap lima (5) sampel projek yang dilaksanakan mendapati empat (4) projek RTB memerlukan EOT untuk disiapkan disebabkan pelbagai masalah yang berlaku. Butiran lanjut mengenai status pencapaian fizikal yang diaudit adalah seperti **Jadual 2.5** berikut:

**JADUAL 2.5
STATUS PENCAPAIAN FIZIKAL SAMPEL PROJEK**

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	LANJUTAN MASA TERAKHIR	PERATUS PENYIAPAN PROJEK (JADUAL) (%)	PERATUS PENYIAPAN PROJEK (SEBENAR) (%)
1.	Kerja-Kerja Membaikpulihan Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	9.49	29.05.2014 hingga 17.09.2015	01.03.2016 (Tarikh siap)	100	100
2.	Kerja-Kerja Membina Lencongan Sungai Rasah ke Tasik Ladang, Sungai Klang dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	6.71	19.11.2013 hingga 18.05.2015	03.11.2017	88	81
3.	Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	5.94	10.11.2016 hingga 10.05.2018	-	77	48
4.	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	15.14	13.04.2016 hingga 11.10.2017	05.10.2018	98	48
5.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong Dari Ch.0 Hingga Ch.1150 dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	5.93	02.12.2015 hingga 31.05.2017	25.07.2018	63	47
JUMLAH		43.21				

Sumber: JPS

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah kurang memuaskan kerana kemajuan peratus penyiapan sebenar projek adalah rendah berbanding jadual walaupun selepas mengambil kira lanjutan masa yang telah diluluskan.

2.6.1.2. Pencapaian *Outcome* Projek

- a. Sebanyak 33 projek yang dapat disiapkan dari keseluruhan 75 projek RTB yang dirancang. Pihak JPS tidak menjalankan penilaian *outcome* banjir disebabkan kekangan peruntukan. Namun mengikut penjelasan yang diberikan oleh JPS, 33 projek yang siap dapat mengurangkan kesan banjir di kawasan yang diliputi oleh projek tersebut. JPS juga akur bahawa kejadian banjir secara keseluruhannya tidak dapat diatasi sepenuhnya sehingga kesemua projek yang dirancang disiapkan secara berperingkat.
- b. Berdasarkan kepada sampel pengauditan, satu (1) projek siap telah dinilai iaitu Kerja-Kerja Membaikpulihan Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan adalah bertujuan untuk mengurangkan banjir di kawasan Plaza Tol Sungai Rasah, I-City dan Padang Jawa. Projek ini memakan belanja sejumlah RM10.96 juta dan telah disiapkan pada 1 Mac 2016.

- c. Pemeriksaan Audit terhadap Laporan Banjir Tahunan 2015, 2016 dan 2017 oleh JPS mendapati jumlah kekerapan berlakunya banjir di sekitar jajaran projek adalah berkurangan dari 11 kejadian kepada empat (4) kejadian dan dua (2) kejadian masing-masing. Bagaimanapun, kejadian banjir masih berlaku pada 7 November 2017 disebabkan hujan lebat yang luar biasa. Jambatan lama Sungai Rasah yang berada di jajaran Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan yang masih belum dirobohkan adalah rendah dan saiz *culvert* yang kecil pada jambatan tersebut menghalang laluan air yang menyebabkan banjir berlaku. Sehingga 30 September 2018, jambatan lama berkenaan telah dirobohkan. Pembinaan jambatan baru bagi menggantikan jambatan telah dijalankan oleh JKR Selangor menggunakan vot yang sama dengan dua (2) projek tersebut. Gambar kejadian banjir tersebut adalah seperti berikut:

GAMBAR 2.1



**Plaza Tol Sungai Rasah
- Kejadian banjir
(07.11.2017)**

GAMBAR 2.2



**Jalan Batu Tiga Lama, Shah Alam
- Kejadian Banjir
(07.11.2017)**

- d. Sebagaimana projek di atas, kebanyakan projek RTB adalah saling berhubung kait antaranya melibatkan lembangan sungai dan saliran bandar yang sama. Kesempurnaan kesemua projek tebatan banjir secara menyeluruh belum dapat dinikmati oleh rakyat Selangor kerana projek RTB masih belum siap keseluruhannya. Oleh itu, penilaian *outcome* hanya sesuai dijalankan selepas keseluruhan projek di bawah Pelan Induk Tebatan Banjir bagi sesuatu kawasan selesai dijalankan.

2.6.2. Pengurusan Projek RTB

2.6.2.1 Prestasi Kewangan Projek

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan No. 54, seseorang Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan berkenaan dengan sesuatu program dan aktiviti atau objek perbelanjaan yang diperuntukkan dalam Maksud Perbelanjaan Anggaran Belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak lebih dibelanjakan.

- a. Bagi tahun 2014 hingga 2017, perbelanjaan projek RTB di Negeri Selangor adalah berjumlah RM206.53 juta (89.2%). Bagi projek yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri masing-masing adalah berjumlah RM35.45 juta (99.8%) dan RM171.08 juta (87.3%).
- b. Peruntukan dan perbelanjaan bagi lima (5) projek RTB yang diaudit masing-masing adalah berjumlah RM52 juta dan RM15.2 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6
PENGURANGAN DAN PENINGKATAN KOS PROJEK

BIL.	PROJEK	SILING HARGA PROJEK (RM Juta)	HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta)	HARGA KONTRAK SEMASA (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PERATUS BELANJA (%)
1.	Kerja-Kerja Membaikpulihan Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	25	9.49	10.96	8.62	78.7
2.	Kerja-Kerja Membina Lencongan Sungai Rasah ke Tasik Ladang, Sungai Klang dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan		6.71	5.54	2.90	52.3
3.	Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan		5.94	6.59	0.16	2.4
4.	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	20	15.14	15.28	2.39	15.6
5.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong Dari Ch.0 Hingga Ch.1150 dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	7	5.93	5.93	1.13	19.1
JUMLAH		52	43.21	44.30	15.20	34.0

Sumber: JPS dan Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek adalah memuaskan di mana harga kontrak semasa tidak melebihi kos siling projek.

2.6.2.2. Penyerahan Tapak Projek

- a. Mengikut Klausa 38.3 dan 38.4, tarikh penyiapan projek boleh berubah disebabkan hanya sebahagian tapak projek diserahkan kepada kontraktor. Kelewatan penyerahan sebahagian lagi tapak projek boleh menyebabkan kontraktor layak diberikan EOT.
- b. Oleh yang demikian, pihak JPS sepatutnya memastikan bahawa halangan seperti penempatan haram (setinggalan) dan sebagainya diselesaikan sebelum sesuatu projek dimulakan untuk mengelakkan kelewatan dalam penyerahan tapak yang akan melewatkan penyiapan projek.

- c. Lawatan Audit mendapati wujud halangan struktur bangunan (rumah) dalam jajaran sungai yang perlu dinaiktaraf iaitu di Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan dan Kerja-kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong dari Ch.0 hingga Ch.1150 serta Kerja-kerja berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Sungguhpun pihak perunding yang dilantik pada 10 Ogos 2015 telah menyediakan skop kerja RTB dengan lukisan pembinaan yang mengambil kira jajaran sungai yang perlu dinaiktaraf dan telah menyatakan mengenai halangan yang ada di tapak projek. Namun JPS tetap memulakan projek tanpa menyelesaikan masalah halangan yang dilaporkan oleh pihak perunding terlebih dahulu. Keadaan di tapak projek adalah seperti **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.

GAMBAR 2.3



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Halangan Rumah di Jajaran Sungai
(13.11.2017)

GAMBAR 2.4



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Halangan Rumah di Jajaran Sungai
(13.11.2017)

- d. Berdasarkan kepada Kertas EXCO MTES No. 1/4/2017 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-8/2017 yang telah diadakan pada 1 Mac 2017, kerja-kerja tebatan banjir sepanjang 100 meter daripada 1,150 meter (8%) jajaran Sungai Kedondong tidak dapat diteruskan disebabkan oleh kewujudan 95 buah rumah setinggan. Bagi jajaran Sungai Pelempas pula, sepanjang 1,367 meter daripada 2,100 meter (65%) terhalang dengan kewujudan 47 buah rumah setinggan. Sehingga pengauditan ini dijalankan, tiada tindakan diambil terhadap halangan bangunan (rumah) di tapak menyebabkan projek tidak dapat diteruskan.

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan dijalankan dengan keyakinan bahawa pengambilan balik tanah dan perobohan dijalankan serentak. Namun begitu terdapat kekangan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling untuk pelaksanaan perobohan akibat pengambilan balik tanah

masih dalam proses pengesahan Borang D dalam hak milik oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.

Bagi Kerja-kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong dari Ch.0 Hingga Ch.1150 Dan Kerja-kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan pula, pelaksanaan projek dilakukan dengan anggapan kerja-kerja perobohan adalah dapat dilakukan serentak semasa kontrak dijalankan. Bagaimanapun, disebabkan isu penguatkuasaan di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah Petaling masih belum dapat diselesaikan, projek ini mengalami kelewatan dalam kemajuan pembinaan.

Pada pendapat Audit, tindakan JPS memastikan isu pengambilan balik tanah dan pencerobohan diselesaikan terlebih dahulu sebelum projek ditawarkan kepada kontraktor dapat mengelakkan kelewatan pelaksanaan projek.

2.6.2.3. Pengurusan Lanjutan Masa

- a. Mengikut Klausula 49.1, kontraktor dibenarkan untuk lanjutan masa penyiapan kontrak dengan kelulusan Pegawai Penguasa (SO) bergantung kepada sebab-sebab yang munasabah.
- b. Pemeriksaan Audit terhadap lima (5) projek RTB mendapati satu (1) projek yang telah siap dengan lanjutan masa, satu (1) projek masih dalam pembinaan dan tiga (3) projek belum dapat disiapkan. Antara punca berlakunya kelewatan dalam penyiapan projek ialah proses pengambilan balik tanah belum selesai, halangan dan masalah di tapak projek oleh penempatan haram, kelewatan mendapat kelulusan daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan kelewatan penyambungan elektrik. Butiran lanjut punca kelewatan bagi empat (4) projek adalah seperti **Jadual 2.7** hingga **Jadual 2.10**.

**JADUAL 2.7
PUNCA KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK**

NAMA PROJEK	SEBAB KELEWATAN	KELEWATAN (Hari)	ULASAN TEKNIKAL
Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	i. EOT 1: Kerja-kerja penyiapan dan perubahan reka bentuk kerana pergerakan tanah. ii. Kerja pengorekan Concrete Base.	165	Secara keseluruhan kontraktor layak mendapatkan EOT berdasarkan klausa yang termaktub dalam dokumen kontrak disebabkan berlaku pergerakan tanah di tapak projek. Pergerakan tanah ini menyebabkan perubahan reka bentuk dan pertambahan skop kerja.
	i. EOT 2: Kelewatan kelulusan pelan reka bentuk semula.	184	Kegagalan struktur yang berlaku di tapak adalah kerana JPS tidak melaksanakan kerja penyiapan tanah sebelum proses reka bentuk dilakukan.

NAMA PROJEK	SEBAB KELEWATAN	KELEWATAN (Hari)	ULASAN TEKNIKAL
			Merujuk kepada <i>British Standard, BS 5930: 1999, Code of Practice For Site Investigations, Section 1, Item 5 Primary Objective</i> menyatakan bahawa penyiasatan tapak adalah keperluan awalan yang penting untuk pembinaan bagi semua kerja kejuruteraan awam dan kerja bangunan dan objektif menjalankan siasatan tapak adalah untuk menentukan perkara seperti menentukan reka bentuk yang bersesuaian dengan keadaan tapak projek.

Sumber: Jabatan Audit Negara dan JPS

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

EOT 1: Tempoh masa yang diambil bagi menjalankan kerja penyiasatan dan mereka bentuk semula adalah sebanyak 307 hari. Bagaimanapun, dengan mengambil kira kerja pembinaan yang masih boleh dilaksanakan oleh pihak kontraktor, tempoh wajar yang layak dipertimbangkan adalah 165 hari.

EOT 2: Ia disebabkan oleh faktor reka bentuk yang tidak mengambil kira keadaan tanah setempat dengan anggapan struktur tanah adalah sama di sepanjang jajaran. Kerja reka bentuk semula memerlukan data ujian tanah yang baru dan memakan masa yang agak lama.

**JADUAL 2.8
PUNCA KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK**

NAMA PROJEK	EOT	SEBAB KELEWATAN	KELEWATAN (Hari)	ULASAN TEKNIKAL
Kerja-Kerja Membina Lencongan Sungai Rasah ke Tasik Ladang, Sungai Klang dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	1	i. Kelewatan menerima Lukisan Pembinaan daripada JPS ii. Pengambilan Balik Tanah	189	i. Berdasarkan dokumen yang disemak, tiada surat penyerahan lukisan pembinaan dikemukakan oleh JPS kepada kontraktor. ii. Pengambilan balik tanah perlu diselesaikan sebelum projek dimulakan.
	2	i. Belum mendapat Kelulusan Penuh Izin lalu daripada KTMB	143	Justifikasi yang diberikan EOT disebabkan menunggu kelulusan KTMB adalah tidak terperinci kerana tiada pembuktian sama ada kelewatan tersebut mengganggu sebahagian atau keseluruhan kerja di tapak.
	3	i. Belum mendapat Kelulusan Penuh Izin lalu daripada KTMB ii. Belum mendapat kelulusan kerja-kerja bangunan pencawang elektrik daripada TNB	199	JPS perlu mengemukakan surat kepada KTMB untuk mendapatkan tempoh kelulusan bagi izin lalu kawasan pembinaan yang melibatkan tanah KTMB.
	4	i. Belum mendapat kelulusan kerja-kerja bangunan pencawang elektrik daripada TNB ii. Belum mendapat Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada MBSA	374	Berdasarkan dokumen yang disemak, JPS tidak mengemukakan permohonan bagi kelulusan: i. Bangunan pencawang elektrik TNB. ii. Kebenaran Merancang (KM) daripada MBSA.

Sumber: Jabatan Audit Negara dan JPS

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

EOT 1: Pengambilan balik tanah adalah di luar kawalan JPS.

EOT 2: Kegagalan kontraktor memulakan kerja meskipun telah diberi Lukisan Pembinaan pada 9 Jun 2015 adalah disebabkan kerja-kerja penyiasatan tanah (SI) yang masih berjalan pada tarikh tersebut. Kerja SI selesai pada 30 September 2015 dan Kelulusan Izin Lalu KTMB masih belum diperoleh.

EOT 3: Kelulusan Izin Lalu KTMB masih belum diperoleh dan dianggarkan diperoleh dalam tempoh 199 hari.

EOT 4: Kelulusan Izin Lalu KTMB masih belum diperoleh dan dianggarkan diperoleh dalam tempoh 374 hari untuk Lanjutan Masa No. 4.

**JADUAL 2.9
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN DAN PUNCA KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK**

NAMA PROJEK	EOT	SEBAB KELEWATAN	KELEWATAN (Hari)	ULASAN TEKNIKAL
Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	1	i. Penempatan haram dalam rizab Sungai Pelempas ii. Pengambilan Balik Tanah	359	JPS perlu mengemukakan surat kepada Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor untuk memaklumkan kepada Pejabat tersebut tentang penempatan haram yang berada dalam kawasan pembinaan supaya Pejabat berkenaan boleh memberikan julat masa untuk pihak mereka menyelesaikan masalah tersebut.

Sumber: Jabatan Audit Negara dan JPS

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

EOT 1: Pengiraan adalah berdasarkan surat permohonan EOT dan keputusan cabutan Kertas MMKN Bil. 9/2017.

Penguatkuasaan perobohan terhadap pencerobohan dan pengambilan balik tanah adalah di luar kawalan JPS. EOT diberikan kerana isu tanah belum selesai.

**JADUAL 2.10
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN DAN PUNCA KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK DAN PUNCA KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK**

NAMA PROJEK	EOT	SEBAB KELEWATAN	KELEWATAN (Hari)	ULASAN TEKNIKAL
Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong Dari Ch.0 Hingga Ch.1150 dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	1	Penempatan haram dalam rizab Sungai Kedondong	421	JPS juga perlu memaklumkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor tentang penempatan haram yang berada dalam kawasan pembinaan supaya Pejabat tersebut boleh memberikan tempoh untuk pihak mereka menyelesaikan masalah berkenaan dan dimasukkan tempoh tersebut dalam pengiraan EOT.

Sumber: Jabatan Audit Negara dan JPS

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

EOT 1: Pengiraan adalah berdasarkan surat permohonan EOT dan keputusan cabutan Kertas MMKN Bil. 8/2017 dan Bil. 9/2017. Penguatkuasaan perobohan terhadap pencerobohan haram adalah di luar kawalan JPS. EOT diberikan kerana isu tanah belum selesai.

Pada Pendapat Audit, tahap pengurusan lanjutan masa perlu dipertingkatkan dengan mengambil kira faktor-faktor luaran bagi mengelakkan berlakunya kelewatan. Pengiraan jumlah hari bagi EOT hendaklah mengambil kira tempoh yang diperlukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah penempatan haram dan pengambilan balik tanah.

- c. EOT yang diberikan terhadap tiga (3) projek RTB menyebabkan peningkatan kos projek, objektif projek tidak tercapai dan mengganggu keselesaan dan keselamatan penduduk di mana lokasi projek adalah sangat hampir dengan rumah penduduk. Bagaimanapun, EOT bagi kerja-kerja menaiktaraf Sungai Kedondong dari Ch.0 hingga Ch.1150 dan kerja-kerja berkaitan Daerah Petaling menyebabkan bahan binaan berjumlah RM144,100 di tapak rosak kerana tidak digunakan dan terbiar. Bahan-bahan binaan yang terbiar dan rosak adalah seperti **Jadual 2.11** dan **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.9**.

JADUAL 2.11
BAHAN BINAAN YANG TERBIAR DAN ROSAK

NAMA PROJEK	NAMA BAHAN	KUANTITI	KOS (RM)
Kerja-kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong dari Ch.0 Hingga Ch.1150 dan Kerja-kerja berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	i. <i>Geotextile TS50</i>	1,100 m ²	51,600
	ii. <i>Erosion Control Blanket TRM C350</i>	1,100 m ²	37,500
	iii. <i>MSE Wall System 2m x 0.5m x (1m,5m)</i>	220 Nos	55,000
JUMLAH			144,100

Sumber: JPS

GAMBAR 2.5



GAMBAR 2.6



Sungai Kedondong, Daerah Petaling
- *Erosion Control Blanket* Terbiar dan Rosak
(13.11.2017)

GAMBAR 2.7



Sungai Kedondong, Daerah Petaling
- MSE Wall System yang Terbiar dan Rosak di Tapak Bina
(13.11.2017)

GAMBAR 2.8



GAMBAR 2.9

Sungai Kedondong, Daerah Petaling
- MSE Wall System Tidak Disimpan Dengan Baik dan
Diselaputi Semak
(13.11.2017)



Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

Pihak JPS telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menutup bahan binaan yang tidak digunakan adalah seperti di Gambar 2.10. Beberapa siri peringatan telah dibuat kepada kontraktor melalui Mesyuarat Teknikal.

Kontrak dicadangkan untuk Penamatan Bersama kerana projek masih tidak dapat diteruskan disebabkan halangan di tapak yang masih belum selesai. Semua bahan binaan yang tidak digunakan di tapak dicadangkan untuk digunakan bagi projek lain mengikut keperluan.



GAMBAR 2.10

Sungai Kedondong, Daerah Petaling
- Erosion Control Blanket Telah Ditutup
(04.04.2018)
(Sumber: JPS)

Pada pendapat Audit, tindakan JPS menyelesaikan isu pencerobohan dan pengambilan balik tanah serta menjalankan kajian tanah dengan terperinci dapat mengelakkan EOT diluluskan. Selain itu, penyimpanan bahan binaan

di lokasi yang sesuai dapat mengelakkan bahan binaan berkenaan rosak dan terbiar.

2.6.2.4. Arahan Perubahan Kerja

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 202.1 menyatakan Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan sekiranya terdapat sebarang perubahan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau Senarai Kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Selain itu, AP 202.2 menetapkan sebelum mengeluarkan APK pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan kerja tersebut benar-benar perlu serta ada peruntukan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan tambahan. Selanjutnya, kelulusan hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan.
- b. JPS hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa APK yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam kontrak sekiranya harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 10% daripada nilai kontrak atau jika harga asal kontrak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM1 juta.
- c. Semakan Audit mendapati empat (4) daripada lima (5) projek RTB mempunyai APK dan telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa APK. Nilai dan peratus perubahan kerja terkumpul juga tidak melebihi had yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.12**.

JADUAL 2.12
KELULUSAN JAWATANKUASA APK

BIL.	NAMA PROJEK	JUMLAH ASAL KONTRAK (RM Juta)	BIL. APK	TARIKH KELULUSAN	PERUBAHAN HARGA (RM Juta)	JUMLAH KONTRAK PINDAAN (RM Juta)	PERATUS PERUBAHAN (%)
1.	Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	9.49	5	8.07.2015 26.10.2015 19.05.2016 (3 APK)	0.88	10.37	9
2.	Kerja-Kerja Membina Lencongan Sungai Rasah Ke Tasik Ladang, Sungai Klang dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	6.71	9	26.08.2015 9.05.2016 20.04.2016 (4 APK) 18.08.2016 (3 APK)	(0.72)	5.99	(10.7)
3.	Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	5.94	1	8.12.2017	0.56	6.50	9
4.	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	15.14	3	8.11.2016 (2APK) 15.05.2017	0.44	15.58	2
JUMLAH		37.28	18		1.16	38.44	

Sumber: JPS

- d. Sehingga tempoh pengauditan, JPS telah mengeluarkan sebanyak 18 APK bagi empat (4) sampel projek berjumlah RM1.16 juta. Analisis Audit mendapati lima (5) daripada 18 APK berjumlah RM0.85 juta tidak seharusnya dibenarkan memandangkan kerja-kerja tersebut sepatutnya dipertimbangkan dan diambil dalam proses perancangan. Kelemahan ini boleh dielakkan sekiranya perancangan dibuat dengan teliti berdasarkan kepada *Malaysian Standard Method of Measurement of Building Works Quantity Second Edition, May 2000 (SMM2)* dan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA), Malaysia Edisi Kedua, Ogos 2012 seperti **Jadual 2.13**.

JADUAL 2.13
SENARAI BUTIRAN APK BERBANDING GARIS PANDUAN

BIL.	RUJUKAN	BUTIRAN KERJA	NILAI APK (RM)	PENDAPAT AUDIT
Kerja-Kerja Membina Lencongan Sungai Rasah ke Tasik Ladam, Sungai Klang dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan				
1.	APK 3	Memotong dan membuang pokok, tunggul, semak, pokok renek dan akar di kawasan tasik dan <i>U-drain</i> .	53,555	Merujuk kepada Seksyen D SMM2: <i>Site Clearance</i> meliputi kerja-kerja pembersihan di tapak.
	<p>Maklum Balas JPS</p> <p>APK No. 3 dibuat adalah disebabkan oleh <i>Item Site Clearance</i> tidak diambil kira dalam Senarai Kuantiti di peringkat awal. Bagaimanapun, perkara ini akan diberi perhatian agar tidak berulang di masa hadapan.</p>			
2.	APK 6	Kerja-kerja penambakan tanah untuk tapak TNB <i>sub station</i> dan stesen pam.	43,597	Penyiasatan tanah tidak dijalankan. Perkara SMM2 menyarankan penyiasatan tanah perlu dijalankan secara terperinci dengan sampel <i>bore hole</i> yang memadai.
	<p>Maklum Balas JPS</p> <p>Penyiasatan tanah (SI) telah dibuat pada 30 September dan siap 1 Oktober 2015 disebabkan ada keperluan untuk penambahan cerucuk. Kelulusan APK pada tarikh 19 Mei 2016.</p>			
3.	APK 7	Tambahan kerja-kerja cerucuk TNB <i>sub station</i> kerana bilangan cerucuk tidak dinyatakan dalam kontrak.	54,120	Perkara SMM2 menyarankan penyiasatan tanah perlu dijalankan secara terperinci dengan sampel <i>borehole</i> yang menyeluruh.
	<p>Maklum Balas JPS</p> <p>Penyiasatan tanah (SI) telah dibuat pada 30 September dan siap 1 Oktober 2015 disebabkan ada keperluan untuk penambahan cerucuk. Kelulusan APK pada tarikh 24 Ogos 2016.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja-kerja penyiasatan tanah perlu dijalankan sebelum kerja pembinaan dilaksanakan di tapak</p>			
Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan				
4.	APK 1	Kerja pengorekan bagi mendalamkan Sungai Rasah kerana pihak perunding tidak memasukkan kerja tersebut.	560,000	Keperluan kerja pengorekan sungai bagi CH0 sehingga CH500 sepatutnya telah dikenal pasti semasa kajian awalan dijalankan dan diperuntukkan ke dalam skop kerja bagi projek tersebut.
	<p>Maklum Balas JPS</p> <p>Skop kerja asal bagi melebarkan sungai bermula dari CH500 hingga CH1900. Bagaimanapun, disebabkan terdapat isu pengambilan balik tanah di lokasi tersebut, permohonan bagi memperluaskan skop kerja kepada kerja pengorekan bagi mendalamkan sungai di CH0.00 hingga CH500 telah dibuat kerana keadaan yang mendesak bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut. Penambahan kuantiti ini akan diselaraskan dalam Pelarasan Harga Kontrak dengan item pengurangan pemasangan <i>flood wall</i>, pengurangan pembinaan ban, <i>turfing</i> dan jambatan sebanyak RM3.14 juta.</p>			

BIL.	RUJUKAN	BUTIRAN KERJA	NILAI APK (RM)	PENDAPAT AUDIT
Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan				
5.	APK 1	Keperluan <i>geotextile TS50</i> untuk dipasang di belakang <i>gabion</i> dan <i>geoback</i> di <i>floodwall Type A</i> kerana reka bentuk <i>geotextile</i> tidak dinyatakan dalam kontrak.	135,000	Spesifikasi tidak diperincikan. Mengikut MASMA: Keperluan <i>geoback</i> adalah perlu bagi setiap <i>gabion</i> .
<p>Maklum Balas JPS</p> <p>Semasa penyediaan dokumen tender item <i>geotextile TS50</i> tidak dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti dokumen tender. Keperluan pemasangan <i>geotextile TS50</i> adalah perlu bagi mengelakkan kehilangan tanah di belakang <i>gabion</i> dan <i>geoback</i>.</p>				
JUMLAH			846,272	

Sumber: Jabatan Audit Negara dan JPS

Pada pendapat Audit, penyediaan reka bentuk dan spesifikasi yang mengambil kira keadaan terperinci tapak pembinaan dan semakan dibuat bagi item-item kerja yang diperlukan dapat mengelakkan pengeluaran APK.

2.6.3. Pengurusan Kontrak

2.6.3.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 berkaitan Pentadbiran Kontrak dalam Perolehan Kerajaan menetapkan agensi dikehendaki mengambil perhatian terhadap pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan serta melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak mendapati perkara berikut:

a. Kontrak Lewat Ditandatangani

- i. Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Perolehan Kerajaan (PK) 4 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin oleh kedua pihak atau selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit terhadap tempoh tandatangan kontrak mendapati berlaku kelewatan antara 22 hingga 124 hari bagi tempoh tandatangan kontrak adalah seperti **Jadual 2.14** berikut:

**JADUAL 2.14
TEMPOH TANDATANGAN KONTRAK**

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SST	TARIKH SEPATUT TANDATANGAN PERJANJIAN	TARIKH SEBENAR TANDATANGAN PERJANJIAN	LEWAT (Hari)
1.	Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	9.49	29.05.2014 hingga 17.09.2015	26.05.2014	26.09.2014	15.12.2014	80
2.	Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	5.94	10.11.2016 hingga 10.05.2018	10.11.2016	10.03.2017	20.04.2017	41
3.	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	15.14	13.04.2016 hingga 11.10.2017	14.04.2016	14.08.2016	16.12.2016	124
4.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong Dari Ch.0 Hingga Ch.1150 dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	5.93	02.12.2015 hingga 31.05.2017	30.11.2015	30.03.2016	21.04.2016	22
JUMLAH		36.50					

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

Kelewatan tandatangan adalah berpunca daripada kelewatan penyerahan dokumen sokongan seperti polisi insurans dan sijil Perkeso yang perlu dikemukakan oleh pihak kontraktor serta kelewatan Pelarasan Kadar Harga yang mengambil masa untuk persetujuan antara kontraktor dan JPS. Tindakan susulan secara bersurat akan dikemukakan kepada pihak kontraktor untuk penyerahan dokumen sokongan tersebut.

Pada pendapat Audit, tindakan JPS memastikan kontraktor menyerahkan semua dokumen sokongan semasa mengemukakan Surat Setuju Terima dapat mengelakkan kelewatan menandatangani dokumen kontrak. Selain itu, proses Pelarasan Kadar Harga dibuat dalam tempoh yang munasabah sebelum tempoh kontrak ditandatangani.

b. Pengurusan Bayaran Interim

- i. Klausula 28.3 syarat-syarat kontrak JKR203a yang digunakan JPS menetapkan Perakuan Interim hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 14 hari selepas tarikh penilaian dibuat.
- ii. Semakan Audit mendapati 11 Perakuan Interim dengan nilai bayaran berjumlah RM11.20 juta telah lewat dikeluarkan antara 12 hingga 74 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.15** berikut:

JADUAL 2.15
PERAKUAN INTERIM YANG LEWAT DIKELUARKAN

BIL.	NAMA PROJEK	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)	RUJUKAN BAYARAN INTERIM	TARIKH PENILAIAN	TARIKH SEPATUT DIKELUARKAN	TARIKH PERAKUAN INTERIM	LEWAT (Hari)
1.	Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	2.74	Interim 5	20.07.2015	03.08.2015	25.08.2015	22
		0	Interim 6	20.08.2015	03.09.2015	08.10.2015	35
		0.13	Interim 9	29.01.2016	12.02.2016	24.02.2016	12
		0.61	Interim 12	07.08.2016	21.08.2016	27.09.2016	37
2.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong Dari Ch.0 Hingga Ch.1150 dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	0.23	Interim 2	09.05.2016	23.05.2016	08.06.2016	16
		0.51	Interim 6	01.09.2016	15.09.2016	12.10.2016	27
3.	Kerja-Kerja Membina Lencongan Sungai Rasah Ke Tasik Ladang, Sungai Klang dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	0.46	Interim 1	26.03.2014	09.04.2014	06.05.2014	27
		0.24	Interim 2	12.06.2014	26.06.2014	08.09.2014	74
		0.17	Interim 4	14.07.2015	28.07.2015	04.09.2015	38
		0.17	Interim 6	28.01.2016	11.02.2016	24.02.2016	13
4.	Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	5.94	Interim 1	21.06.2017	05.07.2017	03.08.2017	29
JUMLAH		11.20					

Sumber: JPS dan Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

Kelewatan penyediaan Perakuan Bayaran Interim adalah disebabkan antaranya kelewatan kontraktor menghantar dokumen sokongan dan kekangan masa mendapatkan tandatangan. Tindakan susulan atas isu kelewatan adalah dengan menyediakan Prosedur Operasi Piawai yang jelas kepada semua pegawai yang bertanggungjawab.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran adalah tidak memuaskan kerana tidak selaras dengan peraturan yang ditetapkan dan berlaku kes bayaran lewat kepada kontraktor.

c. Item Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan yang tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak Kerja (JPMK)

- i. Merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1999 (SPP 3/1999), JPS Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling JPS Bil. 7 Tahun 2011 (Garis Panduan Perolehan Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan Untuk Kontrak Kerja) bertujuan meningkatkan keberkesanan pemantauan serta mengelakkan penyalahgunaan berhubung dengan perolehan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan melalui kontrak kerja.
- ii. Perenggan 2.1 Garis Panduan Perolehan Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan Untuk Kontrak Kerja JPS menyatakan peruntukan bagi Kemudahan Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan ini hendaklah dimasukkan dalam dokumen tender untuk dihargaikan oleh petender. Bagaimanapun, sebelum peruntukan ini dimasukkan dalam dokumen tender, kelulusan daripada JPMK hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Pejabat yang menyediakan dokumen tender hendaklah membuat perancangan dengan teliti supaya proses mendapatkan kelulusan JPMK ini tidak menjadi penyebab kepada kelewatan proses tender.
- iii. Semakan Audit terhadap Senarai Kuantiti mendapati item Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan yang tidak mendapat kelulusan JPMK telah dimasukkan dalam Senarai Kuantiti. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.16**.

**JADUAL 2.16
ITEM KHIDMAT PENGANGKUTAN DAN
KEMUDAHAN PERALATAN TIDAK MENDAPAT KELULUSAN JPMK**

NAMA PROJEK	KOS (RM)	JENIS KEMUDAHAN	BILANGAN			PERBEZAAN KUANTITI KELULUSAN JPMK DAN DI KONTRAK
			KELULUSAN JPMK	DI KONTRAK	DISEDIAKAN	
Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Utama Sungai Rasah dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sungai Rasah Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	4,200	Mesin fotostat	-	1	-	1
Kerja-Kerja Membina Lencongan Sungai Rasah Ke Tasik Ladang, Sungai Klang dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	27,000	Pacuan empat (4) roda tidak kurang dari 2700cc	-	1	-	1
	9,000	Motorsikal Scrambler tidak kurang dari 250cc	1	2	1	1
	10,000	Komputer Riba	1	2	1	1
	8,000	Telefon Bimbit	1	4	1	3

NAMA PROJEK	KOS (RM)	JENIS KEMUDAHAN	BILANGAN			PERBEZAAN KUANTITI KELULUSAN JPMK DAN DI KONTRAK
			KELULUSAN JPMK	DI KONTRAK	DISEDIAKAN	
	4,000	Komputer berserta pencetak	-	2	-	2
	2,000	Global Positioning System (GPS)	1	2	1	1
Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Kedondong Dari Ch.0 Hingga Ch.1150 dan Kerja-Kerja Berkaitan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	3,000	Telefon Bimbit	1	2	1	1
JUMLAH			5	16	5	11

Sumber: JPS dan Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

Pada peringkat awal penyediaan draf Senarai Kuantiti projek telah disediakan seperti bilangan dalam permohonan, sementara mendapat kelulusan di peringkat Jawatankuasa. Bagaimanapun, tiada Pembekalan Peralatan bagi item berkenaan dilakukan dalam pelaksanaan projek dan Pelarasan Harga Kontrak telah dibuat bagi item pertama (mesin fotostat) dan akan dibuat bagi lain-lain item.

Pada pendapat Audit, perancangan terhadap perolehan kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan adalah tidak teratur kerana kelulusan JKPMK tidak diperolehi terlebih dahulu sebelum dokumen kontrak disediakan.

d. Penyediaan Spesifikasi Batuan Bagi Struktur *Gabion*

- i. Bagi projek RTB Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan, struktur *gabion* dibina sebagai penebat banjir. *Gabion* yang direkabentuk adalah untuk mengukuhkan tebing sungai daripada terhakis atau runtuh semasa isi padu air sungai meningkat dan arus deras terhasil ketika hujan lebat. Berdasarkan kepada *Malaysian Standard Method of Measurement (SMM2)*, penyediaan spesifikasi *gabion* dalam Senarai Kuantiti hendaklah menyatakan secara jelas jenis, kualiti dan saiz batuan yang digunakan.
- ii. Semakan Audit terhadap Senarai Kuantiti dan Lukisan Pembinaan mendapati spesifikasi struktur *gabion* hanya menyatakan tentang saiz

sangkar *gabion* sahaja. Tiada maklumat tentang jenis, kualiti dan saiz batuan yang perlu digunakan.

- iii. Pemeriksaan Audit yang dijalankan pada 13 November 2017 mendapati saiz batuan yang tidak seragam telah digunakan dalam pemasangan *gabion*. Antara saiz batuan yang ditemui adalah dalam julat 50mm sehingga 80mm di mana saiz tersebut adalah lebih kecil daripada saiz sangkar *gabion*. Saiz batuan yang kecil daripada saiz sangkar *gabion* akan menyebabkan batuan tersebut mudah dihanyutkan oleh arus air sungai yang deras ketika hujan lebat berlaku dan sekali gus menjejaskan kestabilan struktur *gabion*. Selain itu, terdapat juga struktur *gabion* yang dipasang telah mendap di bahagian bawah. Butiran terperinci adalah seperti **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.14**.

GAMBAR 2.11



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Sangkar *Gabion* Mendap
(13.11.2017)

GAMBAR 2.12



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Saiz Batu *Gabion* yang Kecil 50mm
(13.11.2017)

GAMBAR 2.13



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Saiz Batu *Gabion* yang Kecil 50mm
(13.11.2017)

GAMBAR 2.14



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Saiz Batu *Gabion* yang Kecil 80mm
(13.11.2017)

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

Batu *gabion* yang digunakan adalah bersesuaian. Bagi batu kecil ia hanya digunakan bagi menutup ruang kosong antara batu besar. Penggunaan batu yang tidak menepati telah ditegur dalam Mesyuarat Tapak. Langkah pembaikan telah diambil dan dipatuhi oleh pihak kontraktor selepas mesyuarat tersebut.

Pada pendapat Audit, penyediaan spesifikasi dan lukisan pembinaan yang menyatakan dengan jelas saiz dan jenis batuan *gabion* yang digunakan dapat menjamin kestabilan struktur *gabion* dan pemantauan dibuat dengan lebih efektif.

2.6.4. Pematuhan Spesifikasi dan Kualiti

2.6.4.1. Struktur Ban Rosak dan Tidak Sempurna

Berdasarkan Senarai Kuantiti, pendekatan (reka bentuk) yang digunakan bagi mengatasi masalah banjir di Taman Rashna, Klang adalah dengan pembinaan ban/benteng menggunakan tanah yang dipadatkan bagi memastikan struktur ban/benteng yang kukuh. Pemeriksaan Audit mendapati struktur ban/benteng telah dibina mengikut saiz dan jajaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat tanah ban/benteng yang tidak dipadatkan dan sebuah van tidak dialihkan sehingga menjadi sebahagian ban/benteng. Keadaan di tapak semasa pengauditan dan maklum balas serta tindakan yang telah diambil adalah seperti **Gambar 2.15** hingga **Gambar 2.18**.

GAMBAR 2.15



Sungai Rasah, Taman Rashna, Klang
- Tanah Ban/Benteng yang Tidak Dipadatkan
(13.11.2017)

GAMBAR 2.16



Sungai Rasah, Taman Rashna, Klang
- Tanah Ban/Benteng yang Telah Dipadatkan dan
Dijadikan Stesen Hidrologi
(18.4.2018)

GAMBAR 2.17



Sungai Rasah, Taman Rashna, Klang
- Van yang Tidak Dialihkan
(13.11.2017)

GAMBAR 2.18



Sungai Rasah, Taman Rashna, Klang
- Van yang Telah Dialihkan
(18.4.2018)

2.6.4.2. Kualiti Kerja Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan mengikut piawaian yang diterima pakai supaya kemudahan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan bersama pegawai JPS pada 13 November 2017 ke Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang dan Muara Sungai Rasah, Klang mendapati kualiti kerja pembinaan di dua (2) projek RTB tidak memuaskan dan maklum balas serta tindakan yang telah diambil adalah seperti **Jadual 2.17** dan **Gambar 2.19** hingga **Gambar 2.30**.

JADUAL 2.17
SENARAI KUALITI KERJA PEMBINAAN YANG TIDAK MEMUASKAN

BIL.	NAMA PROJEK	BUTIRAN KEROSAKAN
1.	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	Sangkar <i>Gabion</i> Koyak (Gambar 2.19)
		Sangkar <i>Gabion</i> Mendap (Gambar 2.21)
2.	Projek Menaiktaraf Muara Sungai Rasah dan Kerja Berkaitan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	<i>Unsuitable Material</i> di dalam Ban (Gambar 2.23)
		Permukaan Ban Merekah (Gambar 2.25)
		<i>Slot Panel WellGuard</i> Tidak Kemas (Gambar 2.27)
		<i>WellGuard</i> dipasang tidak lurus (Gambar 2.29)

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.19



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Sangkar *Gabion* Koyak
(13.11.2017)

GAMBAR 2.20




Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Sangkar *Gabion* yang Telah Dibaiki
(19.01.2018)

GAMBAR 2.21



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Sangkar *Gabion* Mendap
(13.11.2017)

GAMBAR 2.22



Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang
- Sangkar *Gabion* yang Telah Dibaiki
(19.01.2018)

GAMBAR 2.23



Sungai Rasah, Taman Rashna
- *Unsuitable Material* di Dalam Ban
(13.11.2017)

GAMBAR 2.24



Sungai Rasah, Taman Rashna
- Objek Tersebut Telah Dialihkan
(19.01.2018)

GAMBAR 2.25



Sungai Rasah, Taman Rashna
- Permukaan Ban Merekah
(13.11.2017)

GAMBAR 2.26



Sungai Rasah, Taman Rashna
- Rekahan Berlaku Disebabkan Pergerakan Tanah
(19.01.2018)

GAMBAR 2.27



Muara Sungai Rasah, Klang
- Slot Panel *Wellguard* Tidak Dipasang Dengan
Kemas
(13.11.2017)

GAMBAR 2.28



Muara Sungai Rasah, Klang
- *Capping Beam* Telah Siap Dibina
(19.01.2018)

GAMBAR 2.29



Muara Sungai Rasah, Klang
- *Wellguard* Dipasang Tidak Lurus
(13.11.2017)

GAMBAR 2.30



Muara Sungai Rasah, Klang
- Pemasangan *Capping Beam* Menjadikan *Wellguard*
Mengikut Jajaran Sungai
(19.01.2018)

Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan yang tidak dikompromi oleh kontraktor dapat dikawal dengan pemantauan yang berkesan pihak JPS.

2.6.5. Keselamatan di Tapak Bina

2.6.5.1. Perkara 82(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 menyatakan tiada seorang pun yang bercadang hendak membina atau meruntuhkan sesuatu bangunan atau mengubah atau membaiki bahagian luar sesuatu bangunan boleh berbuat demikian tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan tanpa menyebabkan papan dinding atau pagar yang cukup dipasang untuk mengasingkan bangunan di mana kerja itu sedang dijalankan dari mana-mana jalan atau siar kaki.

2.6.5.2. Mengikut amalan terbaik pentadbiran kontrak, aspek keselamatan di tapak bina terbahagi kepada dua (2) bidang iaitu keselamatan kepada harta benda dan keselamatan kepada manusia. Kontraktor hendaklah memastikan tapak bina sentiasa dalam keadaan selamat dan tiada pencerobohan berlaku dengan memasang papan dinding atau pagar.

2.6.5.3. Lawatan yang dijalankan oleh pegawai Audit dan wakil JPS pada 13 November 2017 ke tapak projek kerja membina lencongan Sungai Rasah ke Tasik Ladam, Sungai Klang dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan mendapati tiada papan dinding atau pagar serta kawalan keselamatan disediakan di tapak bina di mana bangunan sub stesen TNB dan bilik kawalan telah diceroboh.



GAMBAR 2.31
Tasik Ladam, Sungai Klang
- Tiada Pagar dan Kawalan Keselamatan Disediakan
(13 November 2017)

Maklum Balas JPS yang Diterima pada 20 April 2018

Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan di tapak semasa projek sedang berjalan. Tindakan memagar telah dibuat oleh pihak kontraktor dengan memagar laluan utama namun masih dicerobohi oleh lembu ternakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang berkesan oleh pihak JPS terhadap kontraktor dapat memastikan keselamatan di tapak bina.

2.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek yang lain, pihak Audit mengesyorkan JPS mengambil tindakan seperti berikut:

2.7.1. perancangan hendaklah dibuat dengan teliti dengan mengambil kira status tanah yang dicerobohi, tanah yang perlu diambil semula serta tempoh masa yang diperlukan bagi koordinasi antara pelbagai pihak yang terlibat seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, KTM, TNB serta lain-lain agensi berkaitan;

2.7.2. pihak JPS perlu memastikan isu berkaitan tanah di tapak projek seperti pencerobohan, setinggian dan pengambilan balik tanah diselesaikan terlebih dahulu sebelum kontrak ditawarkan kepada kontraktor;

2.7.3. penyediaan spesifikasi dan reka bentuk hendaklah mengambil kira semua keperluan di tapak bagi mengurangkan perubahan kerja;

2.7.4. pihak JPS perlu memastikan item Keperluan Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan bagi yang diperlukan sahaja serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak Kerja (JPMK) dan bilangan serta spesifikasi item yang dimasukkan dalam Senarai Kuantiti bersamaan dengan kelulusan JPMK;

2.7.5. tempoh tandatangan kontrak dan penyediaan Perakuan Interim hendaklah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan; dan

2.7.6. pihak JPS perlu memantau kontraktor dalam menjalankan tanggungjawabnya seperti spesifikasi, kualiti kerja dan keselamatan di tapak.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

3. PENGURUSAN PREMIS PERNIAGAAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ditubuhkan pada 1 Julai 1992 bagi memberikan perkhidmatan perbandaran di Mukim Ampang, Mukim Hulu Kelang dan sebahagian Mukim Setapak. Keluasan kawasan pentadbiran MPAJ adalah 143.5 kilometer persegi dengan anggaran populasi penduduk seramai 600,000 orang. MPAJ terletak di dalam dua (2) pusat pentadbiran tanah dan daerah iaitu Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak. Struktur organisasi MPAJ melibatkan 12 Jabatan serta lima (5) Bahagian utama melibatkan seramai 879 kakitangan. Objektif MPAJ ialah untuk menyediakan peluang kepada peniaga kecil bagi meningkatkan pendapatan melalui aktiviti penyewaan premis perniagaan. MPAJ berperanan menyediakan peluang kepada peniaga yang menetap di Ampang Jaya untuk meningkatkan pendapatan melalui penyewaan premis perniagaan milik MPAJ serta premis yang dibina dan diserahkan oleh agensi lain untuk diuruskan olehnya.

3.1.2. Perkhidmatan penyewaan premis perniagaan di MPAJ diuruskan oleh dua (2) Bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Harta (BPH) di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) bagi premis perniagaan milik MPAJ manakala Bahagian Penjaja (BP) di bawah Jabatan Kesihatan, Alam Sekitar dan Penjaja (JKAP) bagi premis perniagaan yang diserahkan oleh agensi lain untuk diuruskan oleh MPAJ dan kios milik MPAJ. Bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2018, MPAJ telah mengutip hasil sewa premis perniagaan berjumlah RM7.95 juta seperti **Jadual 3.1** berikut.

JADUAL 3.1
HASIL SEWA PREMIS PERNIAGAAN
BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2018

TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
2015	2.33
2016	2.30
2017	2.23
Sehingga Bulan Jun 2018	1.09
JUMLAH	7.95

Sumber: MPAJ

3.1.3. Bagi tahun 2015 hingga Jun 2018, jumlah peruntukan keseluruhan yang diluluskan dan dibelanjakan bagi penyenggaraan gerai Majlis adalah seperti **Jadual 3.2** di bawah.

JADUAL 3.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PENYENGGARAAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2018

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2015	5.98	0.24	4.0
2016	5.94	0.30	5.1
2017	6.86	0.44	6.4
2018	8.06	0.23	2.9
JUMLAH	26.84	1.21	4.5

Sumber: MPAJ

Nota: Peruntukan Penyenggaraan Keseluruhan Termasuk Premis Bukan Perniagaan

3.1.4. Peranan dan tanggungjawab BPH dan BP dalam perkhidmatan penyewaan premis perniagaan adalah seperti berikut:

- a. BPH bertanggungjawab menguruskan kemasukan penyewa, penyediaan perjanjian sewaan, pemantauan ke atas peniaga, pelesenan, tunggakan dan kutipan, penamatan dan pemulangan gerai serta penyenggaraan dan pembaikan harta Majlis; dan
- b. BP bertanggungjawab menguruskan penyewaan dan penyenggaraan kerosakan kecil premis penjaja yang diserahkan kepada MPAJ.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada:

- a. perkhidmatan penyewaan premis perniagaan dijalankan dengan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan penyewa dan membolehkan peniaga kecil mengembangkan potensi dalam bidang perniagaan serta keusahawanan; dan
- b. pengurusan perkhidmatan penyewaan premis perniagaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi perkhidmatan penyewaan premis perniagaan dan pengurusan aktiviti penyewaan terhadap semua premis perniagaan yang diuruskan oleh BPH dan BP di MPAJ bagi tahun 2015 hingga bulan

Jun 2018. Lawatan Audit bersama pegawai MPAJ ke lapan (8) lokasi medan selera dan bazar, empat (4) pasar serta satu (1) gerai Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bagi menilai keadaan premis perniagaan.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan memeriksa dokumen berkaitan premis perniagaan di BPH dan BP. Perbincangan juga diadakan bersama pegawai bertanggungjawab, penyewa premis perniagaan serta pelanggan untuk mendapatkan maklumat, maklum balas dan penjelasan lanjut. Selain itu, sebanyak 136 borang soal selidik kepuasan penyewa dan 50 borang soal selidik kepuasan pelanggan terhadap gerai MPAJ telah diedarkan.

3.5. RUMUSAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Ogos 2018 mendapati sehingga bulan Jun 2018, perkhidmatan penyewaan premis perniagaan telah diuruskan dengan cekap. MPAJ telah berjaya menyewakan 94.1% atau 1,489 daripada 1,583 unit premis perniagaannya dengan mengutip sewaan sejumlah RM7.95 juta iaitu 90.6% daripada RM8.74 juta yang disasarkan. Daripada aspek pencapaian *outcome*, MPAJ telah berjaya menjaga keselesaan penyewa di premis perniagaan yang disewakan. Penyewa berpuas hati dengan tahap keselesaan premis perniagaan yang disewakan. Objektif MPAJ bagi menyediakan peluang kepada peniaga kecil meningkatkan pendapatan melalui penyewaan juga telah tercapai yang mana secara purata seramai 205 orang penyewa bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2018. Ini menunjukkan setiap unit premis perniagaan yang berjumlah 182 unit pada bulan Jun 2018 telah secara puratanya disewakan kepada sekurang-kurangnya satu (1) orang penyewa. Bagaimanapun, MPAJ tidak mempunyai mekanisme untuk menilai sama ada perkhidmatan penyewaan premis perniagaan ini telah berjaya membolehkan peniaga kecil ini mengembangkan potensi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang lebih stabil.

Selain itu, terdapat beberapa aspek kecekapan dan pengawasan yang perlu diberi perhatian dan tindakan seperti berikut:

- i. premis perniagaan tidak disewakan dan sebahagiannya berada dalam keadaan usang dan kotor;
- ii. tempoh memproses permohonan penyewaan premis perniagaan yang panjang iaitu antara dua (2) hingga 10 bulan; dan
- iii. peningkatan tunggakan sewaan setiap tahun.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 20 September 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

3.6.1. Prestasi Perkhidmatan Penyewaan Premis Perniagaan

3.6.1.1. Pencapaian *Output* Penyewaan Premis Perniagaan

a. Bilangan Premis Perniagaan

- i. Seksyen 72, Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan antara lainnya termasuk untuk menyewakan pelbagai premis perniagaan seperti pasar serta bangunan pasar, bilik atau bangunan yang disenggarakan bagi tempat makan minum, kedai dan gerai. Sehingga bulan Jun 2018, MPAJ bertanggungjawab menyewakan sebanyak 1,583 unit premis perniagaan miliknya dan premis perniagaan milik agensi lain yang diuruskan oleh MPAJ.
- ii. Secara keseluruhannya, prestasi penyewaan dipengaruhi oleh permintaan yang tinggi ke atas premis perniagaan di kawasan MPAJ. Prestasi penyewaan premis perniagaan sehingga bulan Jun 2018 adalah cecap iaitu pada tahap 94.1% atau 1,489 daripada 1,583 unit premis perniagaan telah berjaya disewakan seperti **Jadual 3.3** di bawah.

JADUAL 3.3
PRESTASI PENYEWaan PREMIS PERNIAGAAN MPAJ SEHINGGA BULAN JUN 2018


JENIS PREMIS PERNIAGAAN	SASARAN (Bil. Unit)	DISEWAKAN		KOSONG	
		(Bil. Unit)	(%)	(Bil. Unit)	(%)
Medan Selera	298	254	85.2	44	14.8
Bazar	139	136	97.8	3	2.2
IKS	113	113	100	0	0
Pasar	813	802	98.6	11	1.4
Kedai	32	32	100	0	0
Podium	6	5	83.3	1	16.7
Gerai UPEN	68	68	100	0	0
Kios MPAJ	25	17	68.0	8	32.0
Kios MARA	30	16	53.3	14	46.7
Gerai PLB	59	46	78.0	13	22.0
JUMLAH	1,583	1,489	94.1	94	5.9

Sumber: MPAJ

- iii. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati kadar kekosongan premis perniagaan adalah rendah disebabkan penyewa menyewa untuk tempoh

yang lama. Tempoh penyewaan yang lama oleh penyewa disokong dengan hasil soal selidik yang dijalankan oleh pihak Audit terhadap 114 daripada 136 penyewa yang mengemukakan maklum balas. Didapati 41.2% penyewa telah menyewa melebihi 10 tahun, 35.1% penyewa telah menyewa antara lima (5) hingga 10 tahun manakala 23.7% penyewa kurang daripada lima (5) tahun. Maklumat lanjut adalah seperti di **Carta 3.1** berikut. Kesan daripada prestasi penyewaan yang cekap, MPAJ akan mempunyai peluang untuk mengutip sewaan dengan kadar maksimum.

CARTA 3.1
TEMPOH MENYEWAWA DI PREMIS PERNIAGAAN MPAJ



Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kutipan Sewaan MPAJ

- i. BPH dan BP bertanggungjawab mengutip hasil sewaan bagi perkhidmatan penyewaan premis perniagaan. MPAJ menetapkan sasaran kutipan sewaan bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2018 berjumlah RM8.35 juta dan RM391,500. Setiap bahagian telah menyediakan sasaran masing-masing setiap tahun. Jumlah kutipan tahunan dikira berdasarkan kepada sasaran keseluruhan kutipan. Secara keseluruhannya, prestasi kutipan sewaan adalah pada kadar 90.6% atau RM7.95 juta daripada RM8.74 juta yang disasarkan seperti **Jadual 3.4** di bawah.

JADUAL 3.4
PRESTASI KUTIPAN SEWAAN MPAJ BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2018

TAHUN	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	(%)
2015	2.56	2.33	91.0
2016	2.48	2.30	92.7
2017	2.48	2.23	89.9
Sehingga bulan Jun 2018	1.22	1.09	89.3
JUMLAH	8.74	7.95	91.0

Sumber: MPAJ

- ii. Merujuk kepada **Jadual 3.4**, prestasi kutipan yang konsisten berjaya diperoleh bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2018 iaitu pada kadar 89.3% hingga 92.3%. Bagaimanapun, kutipan sewaan boleh ditambah baik bagi mencapai sasaran sepenuhnya kerana terdapat penyewa yang tidak menjelaskan sewaan.


Pada pendapat Audit, prestasi dan kutipan penyewaan premis perniagaan adalah cekap.

3.6.1.2 Pencapaian *Outcome* Pengurusan Perkhidmatan Premis Perniagaan

a. Bahagian Pengurusan Harta

- i. Merujuk kepada Manual Prosedur Kerja Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, salah satu (1) objektif BPH adalah bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang dalam menjaga keselesaan penyewa di bangunan milik MPAJ.
- ii. Semakan Audit mendapati MPAJ telah berjaya menjaga keselesaan penyewa di premis perniagaan miliknya yang mana penyewa didapati berpuas hati dengan tahap keselesaan premis perniagaan yang disewakan. Daripada 112 borang soal selidik yang diterima, sebanyak 20.5% penyewa berpendapat tahap keselesaan premis perniagaan yang disewakan oleh MPAJ adalah sangat selesa, 50% selesa, 23.2% memuaskan manakala 5.4% kurang selesa dan 0.9% tidak selesa adalah seperti **Carta 3.2** di bawah.


**CARTA 3.2
PENDAPAT PENYEWA MENGENAI
TAHAP KESELESAAN MENYEWA DI PREMIS PERNIAGAAN MPAJ**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Daripada 101 penyewa yang memberikan maklum balas terhadap tahap kebersihan di premis perniagaan MPAJ, sebanyak 17.3% penyewa bersetuju premis perniagaan sangat bersih, 47.3% bersih, 24.5% memuaskan, 6.4% kurang bersih dan 4.5% tidak bersih adalah seperti **Carta 3.3** di bawah.


CARTA 3.3
PENDAPAT PENYEWA MENGENAI
TAHAP KEBERSIHAN DI PREMIS PERNIAGAAN MPAJ



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Kadar harga sewaan yang rendah bagi kebanyakan premis antara RM50 hingga RM300 juga menyebabkan penyewa berasa berpuas hati dan selesa dengan tahap perkhidmatan penyewaan ini. Daripada 101 penyewa yang memberikan maklum balas, sebanyak 77.2% berpendapat kadar sewaan yang dikenakan adalah rendah manakala 22.8% berpendapat sewaan adalah tinggi seperti **Carta 3.4** di bawah.

CARTA 3.4
PENDAPAT PENYEWA MENGENAI
KADAR SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN MPAJ




Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Kesannya, penyewa akan terus menyewa di premis perniagaan MPAJ yang mana berdasarkan 104 penyewa yang memberikan maklum balas,

97.1% akan terus menyewa premis perniagaan MPAJ manakala hanya 2.9% akan menyewa/mendapatkan premis lain. Ini menunjukkan pencapaian *outcome* yang berkesan bagi perkhidmatan penyewaan premis perniagaan MPAJ adalah seperti **Carta 3.5** di bawah.

**CARTA 3.5
PERANCANGAN PENYEWAAN
OLEH PENYEWA PREMIS PERNIAGAAN MPAJ**



Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Bahagian Penjaja

- i. Merujuk kepada Manual Prosedur Kerja Jabatan Kesihatan, Alam Sekitar dan Penjaja, objektif Bahagian Penjaja dalam pengurusan premis perniagaan adalah untuk menyediakan peluang perniagaan kepada peniaga kecil terutama yang menetap di Ampang Jaya untuk:
 - meningkatkan pendapatan dan ekonomi melalui aktiviti perniagaan kecil dengan kos sewaan tapak/gerai yang rendah; dan
 - membolehkan peniaga kecil mengembangkan potensi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan supaya lebih stabil.
- ii. Secara umumnya, BP telah menyediakan peluang kepada peniaga kecil terutama yang menetap di Ampang Jaya untuk membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan kecil dengan kos sewaan tapak/gerai yang rendah. Semakan Audit mendapati BP telah menyewakan premis perniagaan kepada secara puratanya, seramai 205 orang penyewa bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2018. Ini menunjukkan setiap unit premis perniagaan BP yang berjumlah 182 unit pada bulan Jun 2018 secara puratanya telah disewakan kepada sekurang-kurangnya satu (1) orang penyewa untuk tempoh tahun 2015 hingga bulan Jun 2018. Selain itu, BP juga telah menetapkan skala pemarkahan yang lebih tinggi bagi pemohon yang menetap di Ampang Jaya iaitu berdasarkan jarak alamat tempat tinggal dengan lokasi premis

perniagaan yang ingin disewa. Ini adalah bagi memastikan peniaga kecil yang menetap di Ampang Jaya diberikan keutamaan sejajar dengan objektif perkhidmatan penyewaan premis perniagaan oleh BP. Kadar sewaan antara RM50 hingga RM200 juga adalah terendah berbanding dengan kadar sewaan premis perniagaan komersial. Bagaimanapun, BP tidak mempunyai mekanisme untuk menilai sama ada perkhidmatan penyewaan premis perniagaan ini telah berjaya membolehkan peniaga kecil ini mengembangkan potensi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang lebih stabil.

Maklum Balas MPAJ yang Kedua Diterima pada 26 September 2018

MPAJ telah berusaha melaksanakan peranan untuk menyediakan gerai dengan kadar sewa yang rendah supaya dapat membantu peniaga kecil mengembangkan punca pendapatan dan potensi mereka sebagai usahawan. Pihak MPAJ mengakui tidak mempunyai mekanisme yang bersesuaian untuk menilai kejayaan mengembangkan potensi penjaja. Bagaimanapun, MPAJ menyediakan gerai dengan kadar sewa yang rendah telah dapat membantu mengembangkan potensi mereka dari aspek modal, kemahiran, pengetahuan, pengalaman, lokasi perniagaan dan sebagainya.

- iii. Pihak Audit juga telah mengedarkan sebanyak 50 borang soal selidik kepuasan pelanggan di empat (4) medan selera untuk menilai impak perkhidmatan penyewaan premis perniagaan kepada pelanggan. Hasil maklum balas daripada 38 orang pelanggan, 21 pelanggan mengunjungi gerai lebih dari sekali seminggu (55.3%), 15 pelanggan mengunjungi gerai sekali seminggu (39.5%) dan dua (2) pelanggan pertama kali mengunjungi gerai. Ini menunjukkan pelanggan berpuas hati dengan tahap perkhidmatan yang disediakan kecuali bagi kemudahan parkir yang mana 20 (52.6%) memberikan maklum balas parkir adalah terhad berbanding 18 (47.4%) memberikan maklum balas parkir adalah mencukupi. Maklumat lanjut bagi lima (5) kriteria perkhidmatan yang dinilai adalah seperti **Jadual 3.5** berikut:

JADUAL 3.5
TAHAP KEPUASAN PELANGGAN
TERHADAP PERKHIDMATAN PENYEWAAN PREMIS PERNIAGAAN

BIL.	KRITERIA YANG DINILAI	TAHAP KEPUASAN PELANGGAN (%)		
		YA		TIDAK
1.	Tempat mudah diakses atau dikunjungi	100		0
2.	Kadar harga yang dikenakan	RENDAH	BERPATUTAN	TINGGI
		7.9	73.7	18.4
3.	Tahap kebersihan: a. Kawasan gerai b. Tandas	BERSIH	MEMUASKAN	KOTOR
		39.5	47.4	13.2
		50.0	44.4	5.6
4.	Kemudahan parkir	MENCUKUPI		TERHAD
		47.4		52.6
5.	Keadaan gerai secara keseluruhan	BARU	MEMUASKAN	USANG
		0	65.8	34.2

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Lawatan Audit bersama pegawai MPAJ pada 14 Ogos 2018 di Medan Selera AU5 Ampang Jaya bagi melihat tahap perkhidmatan premis perniagaan MPAJ mendapati kawasan persekitaran gerai adalah bersih seperti **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. Bagaimanapun, tahap kebersihan dan keselamatan tandas serta surau kurang memuaskan seperti **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**.

GAMBAR 3.1



GAMBAR 3.2



Medan Selera AU5 Ampang Jaya
 - Persekitaran dan Kemudahan Awam yang Disediakan Semasa Pemeriksaan Audit
 (14 Ogos 2018)

GAMBAR 3.3



**Medan Selera AU5 Ampang Jaya
- Lalan Masuk Berlubang
Semasa Pemeriksaan Audit
(14 Ogos 2018)**

GAMBAR 3.4



**Medan Selera AU5 Ampang Jaya
-Lalan Masuk Telah Dibaiki
(26 September 2018)
(Sumber: MPAJ)**

- v. Lawatan Audit seterusnya ke Medan Selera Taman Sri Watan pada 14 Ogos 2018 mendapati tandas awam disenggara dan dalam keadaan bersih seperti **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**. Bagaimanapun, lawatan ke Gerai UPEN Jalan J9 Taman Melawati pada 14 Ogos 2018 mendapati tandas tidak disenggara dan terbiar seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**.

GAMBAR 3.5



**Medan Selera Taman Sri Watan
- Tandas Dalam Keadaan Baik dan Bersih
(14.08.2018)**

GAMBAR 3.6



GAMBAR 3.7



**Gerai UPEN Jalan J9 Taman Melawati
-Tandas Rosak dan Terbiar
Semasa Pemeriksaan Audit
(14 Ogos 2018)**

GAMBAR 3.8



**Gerai UPEN Jalan J9 Taman Melawati
-Tandas Telah Dibersihkan
(26 September 2018)
(Sumber: MPAJ)**

Maklum Balas MPAJ yang Diterima pada 14 September 2018

MPAJ telah berusaha membantu peniaga kecil memperoleh pendapatan serta mengukuhkan ekonomi dengan menawarkan kos sewaan tapak/gerai yang rendah. Bagaimanapun objektif untuk melihat sejauh mana peniaga kecil mengembangkan potensi dalam bidang perniagaan akan dikaji semula oleh pihak MPAJ.

Maklum Balas MPAJ yang Kedua Diterima pada 26 September 2018

MPAJ memaklumkan BP tidak menyediakan perkhidmatan pembersihan dengan mengadakan tukang cuci seperti mana gerai-gerai Majlis di bawah seliaan BPH. Pihak penjaja diberikan tanggungjawab untuk menjaga tandas yang terdapat di kawasan gerai UPEN. Namun demikian, pihak BP telah melaksanakan kerja pembersihan sebagai pendekatan jangka masa pendek. Pihak Jabatan akan menyelaraskan sasaran perobohan bagi tahun 2019 untuk mengatasi masalah penjagaan tandas yang tidak konsisten oleh penjaja serta kawalan kapasiti penggunaan tandas berkenaan. Ini kerana lokasi di kawasan perniagaan/rumah/kedai menjadikan tandas tersebut turut digunakan orang awam secara tidak terkawal. Pihak BP mengambil inisiatif dengan mengunci tandas berkenaan sehingga pelaksanaan sasaran perobohan kelak.

Pada pendapat Audit, daripada aspek pencapaian *outcome*, MPAJ telah berjaya menjaga keselesaan penyewa di premis perniagaan yang disewakan. MPAJ telah berjaya menyediakan peluang kepada peniaga kecil dalam meningkatkan pendapatan melalui penyewaan.

3.6.2. Pengurusan Aktiviti Penyewaan

Pengurusan perkhidmatan penyewaan premis perniagaan termasuk proses kemasukan penyewa, penyediaan perjanjian sewaan, pemantauan ke atas peniaga, pelesenan, kutipan hasil dan tunggakan, penamatan sewaan, penyenggaraan dan pembaikan premis perniagaan. Semakan Audit yang dijalankan bagi pengurusan premis perniagaan mendapati perkara berikut:

3.6.2.1. Premis Perniagaan Tidak Disewakan

- a. Semua unit premis perniagaan hendaklah disewakan bagi mencapai objektif seperti yang dinyatakan dalam Prosedur Kerja bagi Proses Temu duga Pemilihan Gerai Milik Majlis.

- b. Sehingga 23 Julai 2018, sebanyak 94 premis perniagaan didapati masih belum disewakan. Temu bual bersama Pegawai Penilaian dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MPAJ mendapati premis masih belum disewakan kerana faktor lokasi yang tidak strategik, penyewaan ditutup kerana premis dirancang untuk diperbaiki, dirobuhkan atau dibina semula serta projek naik taraf pasar belum siap sepenuhnya seperti **Jadual 3.6** berikut:

JADUAL 3.6
PREMIS PERNIAGAAN MPAJ YANG MASIH BELUM DISEWAKAN

Bil.	PREMIS PERNIAGAAN	BIL. UNIT KOSONG	SEBAB KEKOSONGAN
1.	Medan Selera Ampang Waterfront, Ampang Jaya	25	Sukar mendapatkan penyewa kerana lokasi yang tidak strategik. Kosong sejak bulan September 2017.
2.	Medan Selera Taman Melawati (Lama), Hulu Kelang	9	Penyewaan ditutup kerana medan selera dirancang untuk dirobuhkan dan dibina semula kerana keadaannya yang telah usang seperti di Gambar 3.9 hingga Gambar 3.16 .
3.	Medan Selera Merdeka Villa, Ampang	5	Sukar mendapatkan penyewa kerana lokasi yang tidak strategik. Kosong sejak Januari 2015, Oktober 2016, Januari 2017 dan dua (2) unit sejak Disember 2017.
4.	Medan Selera Bunga Tanjung, Ampang	3	Penyewaan ditutup kerana medan selera dirancang untuk dirobuhkan dan dibina semula kerana terlibat dengan projek Lebuh raya SUKE.
5.	Medan Selera Angsana Hilir, Ampang	1	Kosong sejak bulan April 2018 iaitu selepas temu duga dibuat pada 29 Mac 2018. Setakat ini, belum ada permohonan baru diterima.
6.	Medan Selera Taman Sri Watan, Ampang	1	Kosong sejak bulan Mac 2018 iaitu selepas temu duga dibuat pada 29 Mac 2018. Setakat ini, belum ada permohonan baru diterima.
7.	Bazar Melawati, Hulu Kelang	3	Satu (1) unit digunakan oleh persatuan penduduk tanpa caj sewa, satu (1) unit kios bersaiz kecil tidak dimasuki penyewa yang telah ditawarkan dan satu (1) unit lagi disimpan untuk memindahkan peniaga setinggan daripada pihak JAIS.
8.	Pasar Tasek Tambahan, Ampang	10	Masih belum dibuka untuk sewaan kepada penyewa baru kerana projek menaik taraf pasar belum siap sepenuhnya.
9.	Pasar Bandar Baru Ampang, Ampang	1	Kosong sejak bulan April 2018 iaitu selepas temu duga dibuat pada 29 Mac 2018. Setakat ini, belum ada permohonan baru diterima.
10.	Podium, Ampang Jaya	1	Digunakan oleh Jabatan Belia dan Masyarakat, MPAJ.
11.	Gerai PLB Jalan 3/10 Pandan Indah, Ampang	6	Penyewaan ditutup kerana gerai dirancang untuk diperbaiki disebabkan rosak pada struktur.
12.	Gerai PLB Kampung Tasik Tambahan, Ampang	3	Penyewaan ditutup kerana gerai dirancang untuk dirobuhkan bersama PDT Hulu Langat.
13.	Gerai PLB Taman Tasik Tambahan, Ampang	1	Pelanggaran syarat oleh penyewa.
14.	Gerai PLB Taman Sri Baru, Ampang	1	Tiada permohonan.
15.	Gerai PLB Jalan 10A, Lembah Jaya Selatan, Ampang	1	Tiada permohonan.
16.	Gerai PLB Jalan Utama, Lembah Jaya Selatan, Ampang	1	Tiada permohonan.
17.	Kios MARA Taman Cempaka, Ampang	11	Kios sesi malam kurang sambutan.
18.	Kios MARA Taman Kosas, Ampang	3	Kios sesi malam kurang sambutan.
19.	Kios MPAJ, Ampang	8	Kios sesi malam kurang sambutan.
JUMLAH		94	

Sumber: MPAJ

Maklum Balas MPAJ Kedua yang Diterima pada 26 September 2018

Gerai PLB Taman Tasik Tambahan telah disenaraikan dalam rancangan perobohan. MPAJ dalam tindakan penyelarasan bagi menetapkan tarikh yang sesuai untuk pelaksanaan perobohan dan tindakan selanjutnya.

- c. Lawatan Audit bersama pegawai MPAJ pada 16 Julai 2018 mendapati keadaan premis perniagaan di Medan Selera Taman Melawati Lama kelihatan usang seperti siling rosak, dinding usang dan lantai retak dan maklum balas serta tindakan telah diambil oleh MPAJ adalah seperti di **Gambar 3.9** hingga **Gambar 3.16**.

GAMBAR 3.9



GAMBAR 3.10



GAMBAR 3.11




GAMBAR 3.12



Medan Selera Taman Melawati Lama
- Siling Tanggal dan Rosak Semasa
Pemeriksaan Audit
(16.08.2018)

Medan Selera Taman Melawati Lama
- Siling yang Telah Dipasang
(September 2018)
(Sumber: MPAJ)

GAMBAR 3.13



GAMBAR 3.14



Medan Selera Taman Melawati Lama
- Dinding Usang dan Rosak
Semasa Pemeriksaan Audit
(16.07.2018)

Medan Selera Taman Melawati Lama
- Dinding Baru Telah Diganti
(September 2018)
(Sumber: MPAJ)

GAMBAR 3.15



Medan Selera Taman Melawati Lama
- Lantai Retak Ditutup Dengan Zink
Semasa Pemeriksaan Audit
(16.07.2018)

GAMBAR 3.16



Medan Selera Taman Melawati Lama
- Lantai Telah Disimen
(September 2018)
(Sumber: MPAJ)

- d. Keadaan medan selera yang usang ini juga menyebabkan premis perniagaan yang tidak disewakan menjadi kotor dan tidak terurus. Selain itu, lawatan Audit pada 16 Julai 2018 mendapati keadaan premis perniagaan yang masih terbiar dan kotor di Medan Selera Taman Melawati Lama dan Medan Selera Bunga Tanjung. Maklum balas serta tindakan telah diambil oleh MPAJ adalah seperti **Gambar 3.17** hingga **Gambar 3.23**.
- e. Berdasarkan maklum balas dalam mesyuarat *exit conference* pada 20 September 2018, perkara ini berlaku disebabkan medan selera tersebut telah dirancang untuk dirobohkan dan dibina semula oleh MPAJ. Bagaimanapun, tindakan bagi menunjukkan medan selera tersebut akan dirobohkan seperti mengepung kawasan dan meletakkan papan tanda amaran perobohan masih belum dilaksanakan semasa lawatan fizikal Audit. MPAJ masih membenarkan penyewa sedia ada terus menyewa dan hanya akan berpindah apabila penempatan baru disediakan.

GAMBAR 3.17



Medan Selera Taman Melawati Lama
- Lorong Belakang Kedai Kotor
Semasa Pemeriksaan Audit
(16 Julai 2018)

GAMBAR 3.18



Medan Selera Taman Melawati Lama
- Lorong Telah Dibersihkan
(September 2018)
(Sumber: MPAJ)

GAMBAR 3.19




GAMBAR 3.20



GAMBAR 3.21




GAMBAR 3.22



**Medan Selera Taman Melawati Lama
- Air Bertakung di Lantai Serta Longgang
Semasa Pemeriksaan Audit
(16 Julai 2018)**

**Medan Selera Taman Melawati Lama
- Air Bertakung di Lantai serta Longgang
Telah Dibersihkan
(September 2018)
(Sumber: MPAJ)**



GAMBAR 3.23

**Medan Selera Bunga Tanjung
- Unit Premis Tidak Disewakan Kotor dan Tidak
Terurus
Semasa Pemeriksaan Audit
(16 Julai 2018)**

- f. Kesan daripada premis ini tidak disewakan menyebabkan MPAJ tidak dapat mengutip sewaan yang dianggarkan berjumlah RM0.58 juta bagi 47 unit premis medan selera dan bazar yang telah kosong antara tiga (3) hingga 150 bulan adalah seperti **Jadual 3.7** berikut.

JADUAL 3.7
ANGGARAN JUMLAH SEWA TIDAK DAPAT DIKUTIP KERANA
PREMIS TIDAK DISEWAKAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2018

NAMA MEDAN SELERA DAN BAZAR	BIL. KOSONG (Unit)	SEWA BULANAN (RM/Unit)	TEMPOH KOSONG (Bulan)	SEWA TIDAK DAPAT DIKUTIP (RM)
Ampang Waterfront, Ampang	25	500	10	125,000
Melawati Lama, Hulu Kelang	9	300	150	405,000
Merdeka Villa, Ampang	1	300	7	2,100
	1	300	42	12,600
	1	300	7	2,100
	1	300	20	6,000
	1	300	18	5,400
Bazar Melawati, Hulu Kelang	1	200	18	3,600
	1	300	13	3,900
	1	300	13	3,900
Bunga Tanjung, Ampang Jaya	1	300	11	3,300
	1	300	7	2,100
	1	300	7	2,100
Angsana Hilir, Ampang	1	300	3	900
Taman Sri Watan, Ampang	1	300	3	900
JUMLAH	47			578,900

Sumber: MPAJ

Maklum balas MPAJ yang Diterima pada 14 September dan 26 September 2018

MPAJ telah melaksanakan pengiklanan melalui *banner*, laman web MPAJ dan Facebook MPAJ serta hebahan kepada orang awam bagi mempromosikan premis perniagaan yang boleh disewakan.

Bagaimanapun, permohonan penyewaan adalah di luar kawalan pihak MPAJ kerana ia bergantung kepada permintaan penyewa.

Operasi meletak notis amaran larangan memasuki premis kosong di Medan Selera Taman Melawati Lama telah dilaksanakan oleh pihak MPAJ setelah dibangkitkan oleh pihak Audit seperti di Gambar 3.24 dan Gambar 3.25.

GAMBAR 3.24



GAMBAR 3.25



**Medan Selera Taman Melawati Lama
- Operasi Meletak Notis Amaran Larangan
Memasuki Premis Perniagaan Yang Kosong
(September 2018)
(Sumber: MPAJ)**

Pada pendapat Audit, penyenggaraan terhadap sebahagian daripada premis perniagaan yang tidak disewakan adalah kurang berkesan.

3.6.2.2. Penggunaan Premis Perniagaan oleh Jabatan Belia dan Masyarakat, MPAJ

- a. Semua unit premis perniagaan hendaklah disewakan bagi mencapai objektif seperti yang dinyatakan dalam Prosedur Kerja bagi Proses Temuduga Pemilihan Gerai Milik Majlis.
- b. Pihak Audit mendapati satu (1) unit premis perniagaan (podium) dengan keluasan 1,215.5 kaki persegi dengan sewa RM800 sebulan tidak disewakan kepada orang awam. Sebaliknya, premis ini digunakan oleh Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ bagi tujuan yang ditentukan sejak bulan Julai 2008. Gambar bagi premis berkenaan adalah seperti **Gambar 3.26** dan **Gambar 3.27**.

GAMBAR 3.26



GAMBAR 3.27



**Podium Lot A39-AD Menara CD, Ampang Jaya
- Persekitaran Semasa Pemeriksaan Audit
(30 Oktober 2018)**

- c. Merujuk penjelasan awal daripada pegawai BPH, premis tersebut digunakan untuk Kelab Rekreasi MPAJ. Maklum balas bertulis daripada pihak MPAJ menyatakan premis berkenaan digunakan oleh Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ bagi tujuan penggunaan aktiviti kemasyarakatan. Semakan Audit terhadap kertas permohonan penggunaan podium yang disediakan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta pada 17 Julai 2008, mendapati kelulusan penggunaan podium telah diberikan oleh Yang Dipertua Majlis pada 22 Julai 2008. Bagaimanapun, pengecualian pembayaran sewa tidak dinyatakan dalam kertas permohonan tersebut. Perkara ini tidak dibawa dalam Mesyuarat Penuh Majlis MPAJ untuk kelulusan. Sehingga bulan Jun 2018, anggaran hasil yang tidak dikutip berjumlah RM92,000.

Pada pendapat Audit, penggunaan premis perniagaan secara dalaman dan pengecualian bayaran sewa pada mana-mana premis MPAJ akan menyebabkan kerugian hasil Majlis. Kelulusan pada peringkat Yang Di pertua Majlis tidak memadai tanpa persetujuan oleh ahli Mesyuarat Penuh Majlis MPAJ.

3.6.2.3. Tempoh Proses Permohonan Penyewaan Premis Perniagaan

- a. Mengikut Prosedur Kerja bagi Proses Temu duga Pemilihan Gerai Milik Majlis, tujuan temu duga adalah untuk memastikan kekosongan premis perniagaan diisi oleh penyewa bagi meminimumkan kekosongan dan memaksimumkan pendapatan.
- b. Semakan Audit terhadap Prosedur Kerja ini mendapati tempoh yang sepatutnya diambil untuk menyelesaikan keseluruhan proses urusan penyewaan premis perniagaan tidak ditetapkan bagi memastikan premis disewakan dengan segera. Temu duga pemilihan penyewa juga hanya diadakan dua (2) kali setahun mengakibatkan premis perniagaan akan kosong sehingga proses temu duga dan kemasukan penyewa dilaksanakan.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati MPAJ telah menerima sebanyak 564 permohonan penyewaan premis perniagaan bagi tahun 2015 hingga Jun 2018. Sebanyak 193 permohonan telah berjaya diterima manakala sebanyak 371 permohonan ditolak. Permohonan yang ditolak adalah disebabkan permohonan tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan kegagalan pemohon dalam sesi temu duga yang dijalankan seperti **Jadual 3.8** berikut:

JADUAL 3.8
BILANGAN PERMOHONAN PENYEWAAN
PREMIS PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2018

TAHUN	BIL. UNIT KOSONG	BILANGAN PERMOHONAN	PERMOHONAN	
			BERJAYA	DITOLAK
2015	393	220	90	130
2016	102	169	51	118
2017	63	101	34	67
Sehingga Bulan Jun 2018	94	74	18	56
JUMLAH	652	564	193	371

Sumber: MPAJ

- d. Semakan Audit terhadap 20 permohonan penyewaan yang telah berjaya dalam sesi temu duga pada tahun 2015 hingga bulan Mac 2018 mendapati tempoh memproses permohonan penyewaan mengambil masa antara 50 hingga 300 hari adalah seperti **Jadual 3.9** di bawah.

JADUAL 3.9
TEMPOH PROSES PERMOHONAN
PENYEWAAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2018

TEMPOH PROSES PERMOHONAN (HARI)	BIL. SAMPEL	JUMLAH SEWA TIDAK DAPAT DIKUTIP (RM)
50 hingga 100	6	810
101 hingga 150	4	7,200
151 hingga 200	3	2,550
201 hingga 250	4	5,950
251 hingga 300	3	10,300
JUMLAH	20	26,810

Sumber: MPAJ

- e. Berdasarkan kepada 20 sampel permohonan yang disemak seperti **Jadual 3.9**, MPAJ tidak dapat mengutip sewaan sejumlah RM26,810 kerana tempoh proses permohonan penyewaan yang panjang selain temu duga hanya diadakan dua (2) kali setahun.

Maklum balas MPAJ yang Diterima pada 14 September dan 26 September 2018

MPAJ sedang mengkaji semula tempoh pemprosesan permohonan penyewaan premis perniagaan yang munasabah. Tempoh yang ditetapkan akan menjadi piagam pelanggan MPAJ dalam menawarkan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat.

Pihak MPAJ juga akan mengambil pendekatan seperti syor Audit iaitu melaksanakan temu duga yang lebih kerap bagi memastikan tempoh

kekosongan gerai tidak terlalu lama selain menilai semula kebolehpasaran lokasi gerai yang kurang mendapat sambutan.

Pada pendapat Audit, tempoh memproses permohonan penyewaan premis perniagaan yang panjang iaitu antara dua (2) hingga 10 bulan adalah tidak cekap kerana mengakibatkan tempoh kekosongan yang lama sehingga menyebabkan hasil sewa tidak dapat dikutip.

3.6.2.4. Tunggakan Sewa Premis Perniagaan

- a. Mengikut Seksyen 3 Perjanjian Penyewaan, penyewa hendaklah menjelaskan bayaran sewa bulanan selewat-lewatnya tujuh (7) haribulan bagi setiap bulan sama ada dituntut secara rasmi atau tidak oleh MPAJ. Semakan Audit bagi tempoh 2015 hingga bulan Jun 2018 mendapati trend peningkatan jumlah tunggakan sewaan premis perniagaan MPAJ adalah seperti **Jadual 3.10** di bawah.

JADUAL 3.10
JUMLAH TUNGGAKAN SEWAAN
BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2018

TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
2015	0.42
2016	0.53
2017	0.61
Sehingga Bulan Jun 2018	0.78
Jumlah	2.34

Sumber: MPAJ

- b. Sehingga bulan Jun 2018, seramai 368 penyewa gagal membayar sewa pada masa yang ditetapkan berjumlah RM0.78 juta antara satu (1) hingga 85 bulan adalah seperti **Jadual 3.11** berikut:

JADUAL 3.11
JUMLAH TUNGGAKAN SEWAAN MENGIKUT USIA SEHINGGA BULAN JUN 2018

TEMPOH TUNGGAKAN (Bulan)	JUMLAH TUNGGAKAN	
	(RM Juta)	BIL. PENYEWA
1 hingga 2	0.04	90
3 hingga 6	0.13	136
7 hingga 85	0.61	142
JUMLAH	0.78	368

Sumber: MPAJ

- c. Kegagalan menjelaskan sewaan pada masa yang ditetapkan menyebabkan tunggakan sewaan MPAJ semakin meningkat setiap tahun.

- d. Seksyen 4.1 Perjanjian Penyewaan memperuntukkan sekiranya sewaan premis tidak dibayar selama tiga (3) bulan berturut-turut, MPAJ berkuasa menarik balik sewaan premis tersebut dengan serta merta tanpa sebarang Notis lanjut diberikan kepada penyewa. Berdasarkan semakan terhadap 14 daripada 142 (10%) orang penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi tujuh (7) bulan, didapati MPAJ tidak membatalkan sewaan premis tersebut dengan serta merta walaupun penyewa tidak membayar sewaan selama tiga (3) bulan berturut-turut. Maklumat adalah seperti **Jadual 3.12**. Surat penamatan sewaan telah dikeluarkan namun tindakan penamatan tidak dikuatkuasakan dan penyewa masih terus menyewa premis menjadikan jumlah tunggakan semakin meningkat.

JADUAL 3.12
PENYEWAWA YANG TIDAK DITAMATKAN SEWAAN PREMIS
WALAUPUN MEMPUNYAI TUNGGAKAN SEWAAN MELEBIHI TIGA BULAN

BIL.	NO. UNIT PREMIS/ LOKASI	SEWA BULANAN (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN TERKINI (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN (BULAN)	TARIKH MULA SEWA	TARIKH NOTIS PENAMATAN/ JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	TARIKH BAYARAN TERAKHIR/ JUMLAH DIJELASKAN (RM)	TARIKH DAN NOTIS PENAMATAN TERKINI
1.	No. 8, Bazaar Melawati	300	7,013	23	01.04.1995	25.09.2002/ TM	14.5.2018/ 300	12.07.2018
2.	No. 17, Kompleks Muhibbah	360	17,847	49	01.10.2002	25.11.2010/ TM	20.3.2018/ 300	12.07.2018
3.	No. 22, Kompleks Muhibbah	360	11,647	32	05.03.2003	10.10.2011/ 10,498	25.6.2018/ 1,000	12.07.2018
4.	No. 6, IKS Melawati	220	15,755	71	01.03.2006	21.06.2007/ TM	29.6.2007/ 2,500	05.02.2018
5.	No. 61, Pasar Tasik Tambahan	300	1,645	54	01.04.2006	20.7.2012/ TM	TM	01.07.2018
6.	No. 23, IKS AU3 Keramat	400	16,552	41	01.10.2006	07.10.2011/ 2,920	TM	10.07.2018
7.	14, IKS AU3 Keramat	400	34,612	86	01.10.2006	05.07.2007/ TM	TM	10.07.2018
8.	No. 21, Kompleks Muhibbah	360	21,246	59	01.06.2007	27.07.2011/ 12,443	2.7.2018/ 300	12.07.2018
9.	No. 1, Blok C IKS Kampung Pandan	400	22,992	57	01.08.2007	15.01.2010/ 5,140	TM	09.12.2017
10.	No. 55, Bazaar Melawati	300	7,356	24	01.07.2010	22.11.2011/ 1,665	17.4.2018/ 1,500	12.07.2018
11.	No. 48, Bazaar Melawati	400	15,112	37	01.06.2012	03.09.2014/ 1,280	22.6.2018/ 420	12.07.2018
12.	No. 41A, IKS AU3 Keramat	250	10,787	43	TM	13.01.2010/ 1,625	TM	01.07.2018
13.	No. 18, Kompleks Muhibbah	360	9,754	27	TM	27.06.2011/ 4,949	17.4.2018/ 500	12.07.2018
14.	No. 51A, IKS AU3 Keramat	300	19,989	66	TM	TM	TM	10.07.2018
JUMLAH			212,307					

Sumber: MPAJ

Nota: TM - Tiada Maklumat

- e. Selain daripada peruntukan dalam Perjanjian Penyewaan, MPAJ juga mengguna pakai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Pengeluaran Notis Tunggakan Sewa Gerai untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan sewaan. Mengikut SOP ini,

terdapat tiga (3) notis yang perlu dikeluarkan oleh MPAJ kepada penyewa yang mempunyai tunggakan iaitu Notis Peringatan Pertama, Notis Peringatan Terakhir dan Notis Penamatan.

- f. MPAJ memaklumkan secara keseluruhannya sebanyak 2,962 notis telah dikeluarkan yang terdiri daripada Notis Peringatan Pertama hingga Notis Penamatan. Semakan terhadap fail individu penyewa yang mempunyai tunggakan mendapati Notis Peringatan Pertama ada dikeluarkan dari semasa ke semasa. Notis Penamatan terkini telah dikeluarkan bertarikh 12 Julai 2018 meminta penyewa menjelaskan tunggakan dalam tempoh 7 hari dan kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan sewaan ditamatkan. MPAJ telah mengambil inisiatif untuk membuat kutipan sewaan di premis dua (2) kali sebulan secara *door to door*. MPAJ juga memaklumkan telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan seperti sitaan dan operasi pengosongan gerai pada setiap tahun. Sebanyak 84 operasi telah dilaksanakan pada tahun 2015, 2016 dan 2017 yang masing-masing berjumlah 30, 46 dan 8 operasi.
- g. Notis Penamatan penyewaan yang telah dikeluarkan dibatalkan apabila penyewa merayu untuk membuat penangguhan bayaran tunggakan dengan membayar secara ansuran bagi mengelakkan penyewaan ditamatkan. Bagaimanapun, jumlah tunggakan terus meningkat secara berterusan kerana penyewa masih gagal membayar sewaan sepenuhnya.

Maklum balas MPAJ yang Diterima pada 26 Sepetember 2018

MPAJ memaklumkan selepas tindakan penamatan dikeluarkan, terdapat beberapa penyewa telah membuat rayuan permohonan. Pihak MPAJ akan mempertimbangkan permohonan rayuan melalui surat, perjumpaan serta rundingan bersama Yang Dipertua atau Pengarah jabatan.

Pada pendapat Audit, tindakan untuk mengutip sewaan premis perniagaan yang tertunggak perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi menambahkan pendapatan MPAJ. Tindakan penamatan sewaan perlu dikuatkuasakan selaras dengan ketetapan dalam Perjanjian Penyewaan.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan premis perniagaan MPAJ, pihak Audit mengesyorkan supaya MPAJ mengambil tindakan seperti berikut:

3.7.1. mewujudkan mekanisme pengurusan penilaian terhadap prestasi sama ada peniaga kecil berjaya mengembangkan potensi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang lebih stabil;

3.7.2. mengambil tindakan penyenggaraan untuk membaiki, mengubahsuai dan membina semula premis perniagaan yang tidak boleh disewakan disebabkan siling rosak, dinding usang dan lantai retak;

3.7.3. memperoleh kelulusan khas Mesyuarat Penuh Majlis bagi sebarang pengecualian sekiranya terdapat perubahan dalam dasar yang telah ditetapkan terdahulu;

3.7.4. mengambil tindakan menilai semula kebolehpasaran lokasi premis yang tidak berjaya disewakan, meningkatkan promosi terhadap premis perniagaan yang boleh disewakan dan meningkatkan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewaan selaras dengan perjanjian penyewaan; dan

3.7.5. menetapkan tempoh munasabah bagi memproses permohonan penyewaan premis perniagaan dan sesi temu duga bagi kelulusan penyewaan premis.

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

4. TERAJU EKONOMI ASNAF SDN. BHD.

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1. Syarikat Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM770,507. TERAS diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 15 Februari 1994 serta aktiviti yang tidak bermotifkan keuntungan.

4.1.2. Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan, menggalakkan, membantu, menguruskan projek serta aktiviti ekonomi dan komersial untuk pembangunan atau faedah kepada asnaf fakir dan miskin. Selain itu, TERAS juga bertanggungjawab mengagihkan zakat dan sumbangan daripada orang ramai melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi menjalankan projek dan aktiviti ekonomi serta komersial untuk pembangunan atau faedah asnaf fakir dan miskin. Aktiviti utama syarikat adalah melaksanakan perkhidmatan pembekalan makanan bulanan, pembekalan pakaian sekolah dan pembangunan usahawan serta projek tambahan dari LZS yang menjana pendapatan syarikat (Ukhuwah Fidyah).

4.1.3. TERAS mempunyai empat (4) orang ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada seorang Pengerusi dan tiga (3) yang lain iaitu Setiausaha MAIS, Pengarah Pengurusan Korporat MAIS dan mantan Akauntan Negara Malaysia. Pengurusan syarikat TERAS diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 83 orang pegawai dan kakitangan. Pengurusan TERAS adalah tertakluk kepada Akta syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan syarikat serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai kedudukan kewangan TERAS adalah kukuh, amalan tadbir urusnya adalah baik serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

4.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kedudukan kewangan bagi tahun 2015 hingga 2017 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2018. Bagi pengurusan aktiviti, program pembangunan usahawan telah diaudit kerana aktiviti tersebut memberi impak kepada pembangunan ekonomi asnaf iaitu untuk melahirkan usahawan asnaf yang berdikari tanpa bergantung kepada bantuan daripada LZS. Pengauditan dijalankan di pejabat Syarikat Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. di Bukit Raja, Meru Klang.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian kedudukan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan TERAS bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 yang telah diaudit oleh Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar dan diberi laporan tanpa teguran. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan dan analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan TERAS. Selain itu, pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat dan menemu bual pegawai berkaitan di TERAS bagi mendapatkan penjelasan lanjut serta mendapatkan maklumat berkaitan usahawan asnaf daripada LZS.

4.5 RUMUSAN AUDIT

4.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Ogos 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan TERAS adalah kukuh di mana TERAS mempunyai dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya pada masa diperlukan kerana jumlah asetnya melebihi jumlah liabiliti bagi tempoh tiga (3) tahun. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 1.24:1 menunjukkan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, TERAS juga mempunyai Baki Tunai dan Kesetaraan Tunai yang tinggi berjumlah RM5.17 juta pada akhir tahun 2017 berbanding RM4.13 juta bagi tahun 2016 dan RM3.26 juta bagi tahun 2015.

b. Pengurusan Aktiviti

Prestasi *output* program pembangunan usahawan bagi tahun 2015 hingga 2017 didapati telah dilaksanakan dengan cekap. Indeks Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk mengeluarkan usahawan asnaf daripada status asnaf fakir miskin antara 90% hingga 116.7%. Selain itu, sasaran untuk meningkatkan pendapatan sebanyak 30% bagi sekurang-kurangnya 50% usahawan asnaf juga dicapai antara 75% hingga 95.4%. Bagaimanapun, pencapaian *outcome* program adalah kurang berkesan kerana seramai 102 (19.3%) daripada 528 orang usahawan asnaf telah kembali kepada status asnaf fakir dan miskin dalam tempoh antara satu (1) hingga 11 bulan melibatkan bantuan modal wang agihan zakat berjumlah RM2 juta.

c. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus adalah baik. Bagaimanapun, penambahbaikan perlu dibuat terhadap penemuan Audit berkaitan penubuhan Jawatankuasa Audit.

4.5.2. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- i. tiada penetapan tempoh dibuat untuk penilaian dan sasaran bagi setiap usahawan asnaf untuk keluar daripada status asnaf fakir dan miskin;
- ii. sebanyak 34 (14.1%) dokumen bantuan modal perniagaan lewat diproses antara 46 hingga 137 hari; dan
- iii. sebanyak 11 (1.1%) daripada 1,097 orang usahawan asnaf dihentikan bantuan modal disebabkan penarikan diri dan pelanggaran perjanjian oleh usahawan yang mengakibatkan bantuan modal berjumlah RM152,380 ditarik balik oleh TERAS.

4.6 PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas TERAS telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 18 September 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

4.6.1. Kedudukan Kewangan

4.6.1.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat TERAS bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan

dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai adalah seperti di **Jadual 4.1** berikut:

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)
Pendapatan	305,154	63,535	1,877,168
Pendapatan Lain	3,518	12,993	27,378
JUMLAH PENDAPATAN	308,672	76,528	1,904,546
Kos Jualan	(206,799)	(37,164)	(1,572,731)
Belanja Pentadbiran dan Belanja Lain	(78,139)	(79,267)	(117,306)
Kos Kewangan	0.00	0.00	0.00
JUMLAH PERBELANJAAN	(284,938)	(116,431)	(1,690,037)
KEUNTUNGAN/KERUGIAN OPERASI SEBELUM CUKAI	23,734	(39,903)	214,509
Cukai	(5,606)	(28,377)	(47,316)
KEUNTUNGAN/KERUGIAN OPERASI SELEPAS CUKAI	*18,128	(68,280)	167,193
KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL	20,140	(48,140)	119,053
JUMLAH ASET	3,889,010	4,533,152	6,268,815
JUMLAH LIABILITI	2,740,197	3,452,619	5,021,089
JUMLAH EKUITI	1,148,813	1,080,533	1,247,726
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	3,889,010	4,533,152	6,268,815
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	3,258,280	4,133,711	5,166,557

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit TERAS Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017

Nota: *- Jumlah Telah Mengambil Kira Keuntungan Selepas Cukai pada Tahun 2014 Berjumlah RM2,012


4.6.1.2. Pendapatan utama TERAS diperoleh daripada Projek Ukhuwah Fidyah dan projek pembekalan pakaian sekolah daripada LZS. Bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 pendapatan teras adalah berjumlah RM305,154, RM63,535 dan RM1.88 juta. Lain-lain pendapatan operasi TERAS terdiri daripada hasil simpanan tetap di bank. Analisis Audit mendapati jumlah pendapatan TERAS menunjukkan trend penurunan dan peningkatan. Bagi tahun 2015, jumlah pendapatan TERAS adalah berjumlah RM305,154 dan menurun kepada RM63,535 pada tahun 2016 (79.2%) disebabkan pengurangan hasil ukhuwah fidyah daripada LZS. Bagaimanapun, bagi tahun 2017 jumlah pendapatan telah meningkat kepada RM1.88 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penambahan hasil ukhuwah fidyah dan juga penambahan projek pembekalan pakaian sekolah. TERAS bergantung sepenuhnya kepada LZS yang menyumbang kepada pendapatan syarikat kerana ia tidak mempunyai satu perniagaan yang tetap. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.

4.6.1.3. Perbelanjaan TERAS pula terdiri daripada kos jualan dan belanja pentadbiran. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan menunjukkan trend penurunan dan peningkatan selari dengan trend pendapatan. Jumlah


perbelanjaan pada tahun 2016 menurun kepada RM37,164 berbanding RM206,799 pada tahun 2015. Jumlah perbelanjaan ini seterusnya meningkat kepada RM1.57 juta pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Komponen utama dalam kos jualan yang menyumbang kepada jumlah perbelanjaan yang besar setiap tahun adalah kos langsung pembelian ukhuwah fidyah dan juga kos projek pembekalan pakaian sekolah antaranya pembelian kain, upah jahitan, bahan makanan dan alat tulis. Bagi belanja pentadbiran pula, komponen utama perbelanjaan adalah susut nilai aset bukan semasa seperti perabot danengkapan, peralatan pejabat, kenderaan, komputer dan ubahsuai. Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.

4.6.1.4. Analisis trend pendapatan dan perbelanjaan menunjukkan TERAS mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM39,903 pada tahun 2016 berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM23,734 dan RM214,509 bagi tahun 2015 serta 2017. Kerugian yang dicatatkan pada tahun 2016 adalah disebabkan oleh pelarasan semula bagi cukai tertunda yang tersalah nyata pada tahun-tahun sebelumnya yang berjumlah RM18,000 dan belanja susut nilai aset tahunan yang tinggi. Pada tahun 2017 TERAS mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM214,509 berbanding kerugian RM39,903 sebelum cukai pada tahun 2016 disebabkan LZS menambah bilangan pakaian sekolah yang dibekalkan oleh TERAS bagi tiga (3) daerah di bawah seliannya. Sehingga 31 Disember 2017, keuntungan terkumpul TERAS adalah berjumlah RM119,053. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.2** berikut:

**CARTA 4.1
TREND PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017**



**CARTA 4.2
TREND UNTUNG/RUGI SEBELUM CUKAI
SERTA UNTUNG/RUGI TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017

4.6.1.5. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti mendapati TERAS mempunyai sumber dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya pada masa diperlukan kerana jumlah asetnya melebihi jumlah liabiliti sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset dan liabiliti syarikat ialah baki daripada Akaun Agihan yang dinyatakan di dalam akaun korporat yang berjumlah RM2.23 juta, RM2.93 juta dan RM3.20 juta bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Akaun Agihan ialah akaun yang digunakan bagi memperakaukan wang agihan/geran yang diterima dari MAIS untuk menjalankan tiga (3) aktiviti utama syarikat. Aset TERAS bagi tahun 2016 meningkat berjumlah RM644,142 berbanding tahun 2015 dan peningkatan sejumlah RM1.74 juta bagi tahun 2017 berbanding 2016. Peningkatan ini disumbangkan oleh baki wang Akaun Agihan selain daripada peningkatan pendapatan pada tahun 2017. Tiada sebarang penambahan aset bukan semasa dilakukan dalam tempoh tiga (3) tahun yang dinilai.

4.6.1.6. Secara keseluruhannya, baki tunai dan kesetaraan tunai TERAS adalah positif untuk tiga (3) tahun yang dinilai. Bagi tahun 2017 pertambahan berjumlah RM1.03 juta (24%) berbanding RM4.13 juta pada tahun 2016. Manakala bagi tahun 2016 berlaku peningkatan kepada RM4.13 juta berbanding RM3.25 juta (27%) pada akhir tahun 2015. Peningkatan aliran tunai pada 2017 adalah disebabkan projek pakaian sekolah tambahan bagi sesi agihan tahun 2018 berjumlah RM1.74 juta.


Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan secara keseluruhannya kedudukan kewangan TERAS adalah kukuh.

4.6.2. Pengurusan Aktiviti

Program pembangunan usahawan dilaksanakan oleh TERAS melalui Sektor Pembangunan Usahawan (SPU) yang mana objektifnya adalah untuk melahirkan usahawan asnaf yang berdikari melalui bantuan modal dan pemantauan berterusan serta meningkatkan jumlah usahawan asnaf yang berdaya maju untuk keluar daripada status asnaf fakir dan miskin. Program ini disertai oleh usahawan asnaf yang layak dalam kalangan asnaf fakir dan miskin yang dikemukakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk diberikan bantuan modal pengembangan. Bantuan diberi dalam bentuk peralatan antaranya seperti lori, enjin motor, mesin jahit dan modal pusingan serta kursus berjumlah antara RM15,000 hingga RM65,000 mengikut jenis perniagaan. Pegawai pemantau di setiap daerah dilantik bagi memantau aktiviti usahawan asnaf ini melalui penyata pendapatan yang perlu diselenggara oleh setiap usahawan asnaf, sebelum dicadangkan untuk dikeluarkan daripada status asnaf fakir dan miskin. Carta alir bagi proses aktiviti pembangunan

usahawan adalah seperti **Carta 4.3**. **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4** adalah bantuan yang diberi kepada usahawan asnaf.

CARTA 4.3
PROSES PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 4.1



Program Bantuan Lori
Pejabat TERAS, Klang
(09.02.2018)

Gambar 4.2



Program Bantuan Dobi
Dobi Salina Aman Perdana, Klang
(28.08.2018)

Gambar 4.3



Program Pengenalan MyBidan di
Kompleks PKNS, Shah Alam
(06.08.2018)

Gambar 4.4





Gambar 4.5
Program Bantuan Motor Roda Tiga
Sungai Nibong, Sabak Bernam
(15.09.2015)

4.6.2.1. Pencapaian *Output*

- a. Objektif program bertujuan membantu usahawan asnaf untuk keluar daripada status asnaf fakir dan miskin melalui bantuan modal perniagaan. Berdasarkan definisi keluar asnaf LZS, kriteria untuk usahawan asnaf keluar daripada status asnaf fakir dan miskin adalah pendapatan melebihi had kifayah yang ditetapkan iaitu garis kecukupan seseorang dalam penentuan asnaf yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Prestasi program diukur berdasarkan kepada pencapaian bilangan usahawan yang berjaya keluar daripada status asnaf fakir dan miskin.
- b. Pada 28 Februari 2017, *Master Service Agreement* telah ditandatangani bagi tempoh dua (2) tahun antara TERAS dengan LZS yang mana TERAS hendaklah menyerahkan cadangan Indeks Prestasi Utama (KPI) setiap tahun kepada LZS untuk kelulusan. Bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Jun 2018, TERAS mempunyai seramai 1,097 orang usahawan yang telah diberi bantuan modal perniagaan berjumlah RM11.98 juta yang melibatkan sembilan (9) projek pembangunan usahawan.
- c. TERAS telah menetapkan KPI untuk mengeluarkan seramai 150 orang usahawan asnaf daripada status asnaf fakir dan miskin bagi tahun 2015 dan 2016 serta 200 orang bagi tahun 2017. Selain itu TERAS juga menetapkan KPI untuk meningkatkan pendapatan sebanyak 30% bagi 50% usahawan asnaf berbanding pendapatan sebelum dibantu seperti **Jadual 4.2** berikut:

JADUAL 4.2
KPI BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	KPI	
	BIL. USAHAWAN DIKELUARKAN	MENINGKATKAN PENDAPATAN
2015	150	50% usahawan meningkat pendapatan 30%
2016	150	
2017	200	

Sumber: Kertas Cadangan Hala Tuju TERAS

- d. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya prestasi pencapaian KPI untuk mengeluarkan usahawan asnaf daripada status asnaf fakir dan miskin telah dicapai pada tahun 2015 dan 2016 pada kadar 115.3% dan 116.7%. Bagaimanapun, KPI yang ditetapkan bagi tahun 2017 tidak dicapai yang mana seramai 180 orang (90%) sahaja dapat dikeluarkan dari asnaf fakir dan miskin berbanding sasaran seramai 200 orang. Ini adalah kerana mulai bulan Jun 2016 hingga Oktober 2017, LZS telah menangguhkan program bantuan modal kepada usahawan asnaf yang menyebabkan tiada senarai usahawan asnaf yang baru diterima oleh TERAS untuk dibantu dalam program pembangunan usahawan. Penangguhan bantuan modal oleh LZS ini juga memberi kesan terhadap TERAS yang mana hanya dapat membantu usahawan yang sedia ada untuk dikeluarkan daripada status asnaf fakir dan miskin. Bagi tahun 2015 hingga 2017 seramai 528 (105.6%) usahawan asnaf berjaya dikeluarkan daripada status asnaf fakir dan miskin melibatkan bantuan berjumlah RM10.58 juta. Butiran pencapaian KPI adalah seperti **Jadual 4.3** berikut:

JADUAL 4.3
PENCAPAIAN KPI BILANGAN USAHAWAN ASNAF YANG DIKELUARKAN
DARIPADA STATUS ASNAF FAKIR DAN MISKIN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	KPI (Bilangan Usahawan)	SEBENAR (Bilangan Usahawan)	PRESTASI (%)
2015	150	173	115.3
2016	150	175	116.7
2017	200	180	90.0
JUMLAH	500	528	105.6

Sumber: TERAS

- e. Berdasarkan Laporan Keluar Asnaf Tahun 2015 hingga 2017 yang disediakan oleh TERAS, pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap tempoh masa yang diambil bagi mengeluarkan usahawan asnaf daripada status asnaf fakir dan miskin selepas menyertai program pembangunan usahawan. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2017, seramai 72 (40%) orang usahawan berjaya keluar daripada status asnaf fakir dan miskin antara 12 hingga 24 bulan. Manakala seramai lima (5) (27.8%) orang usahawan asnaf berjaya keluar daripada status asnaf fakir dan miskin selepas 36 bulan menyertai program tersebut. Maklumat bagi tahun 2015 dan 2016 tidak dapat dianalisis kerana tiada maklumat mengenai tarikh usahawan mula menyertai program. Ini disebabkan TERAS tidak mempunyai satu (1) sistem untuk merekod daftar masuk usahawan asnaf yang menyertai program pembangunan usahawan. Perkara ini adalah kerana tiada penetapan sasaran untuk dinilai mengikut tempoh bagi setiap usahawan yang keluar daripada status asnaf fakir dan miskin. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 4.4** berikut:

JADUAL 4.4
PENCAPAIAN USAHAWAN ASNAF MENGIKUT TEMPOH

TAHUN	<12 BULAN	>12<24 BULAN	>24<36 BULAN	>36 BULAN	JUMLAH ORANG
2015	TM	TM	TM	TM	TM
2016	TM	TM	TM	TM	TM
2017	52	72	51	5	180

Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota: TM – Tiada Maklumat

- f. Semakan Audit selanjutnya terhadap laporan mengenai prestasi peningkatan pendapatan, mendapati bagi tahun 2015 hingga 2017 sebanyak 467 (88.4%) daripada 528 usahawan asnaf telah berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing melebihi 30% berbanding pendapatan sebelum menerima bantuan yang melibatkan kenaikan antara RM300 hingga RM9,000 sebulan. Usahawan asnaf yang dapat meningkatkan pendapatannya di bawah 30% hanya seramai 61 orang (11.6%). Butiran prestasi pendapatan usahawan asnaf adalah seperti **Jadual 4.5**.

JADUAL 4.5
PRESTASI PENDAPATAN USAHAWAN ASNAF

TAHUN	BIL. KELUAR ASNAF	PENDAPATAN			
		>30% (Orang)	PERATUS (%)	<30% (Orang)	PERATUS (%)
2015	173	165	95.3	8	4.7
2016	175	167	95.4	8	4.6
2017	180	135	75.0	45	25.0
JUMLAH	528	467	88.4	61	11.6

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas TERAS yang Diterima pada 12 September 2018

TERAS telah menambah baik sistem data masuk usahawan asnaf bagi penyimpanan maklumat bantuan kepada usahawan asnaf dengan menambah maklumat tarikh mula menyertai program TERAS.

Pada pendapat Audit, pencapaian output TERAS adalah cekap kerana seramai 528 (105.6%) usahawan asnaf berjaya dikeluarkan daripada status asnaf fakir dan miskin melibatkan bantuan berjumlah RM10.58 juta.

4.6.2.2. Pencapaian Outcome

- a. Berdasarkan rancangan korporat TERAS, objektif program pembangunan usahawan dilaksanakan adalah untuk melahirkan usahawan asnaf yang berdikari melalui bantuan modal dan pemantauan berterusan serta

meningkatkan jumlah usahawan asnaf yang berdaya maju untuk keluar dari status asnaf fakir dan miskin.

- b. Berdasarkan kepada Laporan Keluar Asnaf yang disediakan oleh TERAS, pada tahun 2015 hingga 2017 TERAS berjaya mengeluarkan seramai 528 (48.1%) daripada 1,097 usahawan asnaf daripada status asnaf fakir dan miskin yang melibatkan bantuan berjumlah RM10.58 juta. Pada 23 Julai 2018 Audit selanjutnya telah membuat semakan dengan menghantar senarai nama 528 usahawan kepada LZS bagi mengesahkan status terkini mereka. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada LZS pada 8 Ogos 2018 menunjukkan seramai 426 (80.7%) daripada 528 orang kekal keluar daripada status asnaf fakir dan miskin yang melibatkan jumlah bantuan modal wang agihan zakat berjumlah RM8.58 juta. Jumlah ini melibatkan seramai 134 orang (77.4%) pada tahun 2015, 152 orang (86.8%) tahun 2016 dan 140 orang (77.8%) tahun 2017 Manakala seramai 102 (19.3%) orang usahawan asnaf kembali kepada status asnaf fakir dan miskin. Keadaan ini menunjukkan program pembangunan usahawan TERAS kurang berkesan dalam melahirkan usahawan asnaf yang berdikari dan berdaya maju untuk terus keluar daripada kembali kepada status asnaf fakir dan miskin. Butiran terperinci mengenai perkara ini adalah seperti **Jadual 4.6** berikut.

JADUAL 4.6
STATUS USAHAWAN TERAS BERDASARKAN
MAKLUM BALAS STATUS ASNAF LZS PADA BULAN OGOS 2018

TAHUN	BILANGAN USAHAWAN ASNAF TERAS				
	DIKELUARKAN	KEKAL KELUAR	(%)	KEMBALI ASNAF	(%)
2015	173	134	77.4	39	22.6
2016	175	152	86.8	23	13.2
2017	180	140	77.8	40	22.2
JUMLAH	528	426	80.7	102	19.3

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima daripada LZS mengenai senarai status usahawan asnaf mendapati pada tahun 2017 telah mencatatkan bilangan peserta tertinggi yang kembali semula kepada status asnaf fakir dan miskin iaitu sebanyak 40 orang (22.2%), diikuti pada tahun 2015 dan 2016 masing-masing sebanyak 39 orang (22.6%) dan 23 orang (13.2%). Analisis Audit selanjutnya juga mendapati seramai 27 orang usahawan telah kembali usahawan asnaf dalam tempoh satu (1) hingga 11 bulan, enam (6) orang peserta dalam tempoh antara 12 hingga 28 bulan manakala baki seramai 69 orang tidak dapat dianalisis kerana tiada maklumat.

- d. Perkara ini disebabkan TERAS hanya menyasarkan pencapaian pendapatan yang melebihi had kifayah sahaja dan tidak mengambil kira sama ada pendapatan tersebut adalah konsisten dalam membantu usahawan untuk kekal berjaya. TERAS tiada mempunyai formula kejayaan khusus untuk mengekalkan status keluar dari asnaf fakir dan miskin serta tiada penetapan atau garis panduan bagi menilai secara berkesan kemampuan usahawan mengekalkan pendapatan melebihi had kifayah sebelum mereka dicadangkan kepada LZS untuk dikeluarkan daripada status fakir atau miskin.

Maklum Balas TERAS yang Diterima pada 12 September 2018 dan Maklum Balas Semasa *Exit Conference* pada 18 September 2018

TERAS memaklumkan bahawa usahawan asnaf yang kembali berstatus asnaf fakir dan miskin adalah di luar daripada pengetahuan TERAS disebabkan tidak mempunyai akses terhadap sistem LZS. Punca usahawan kembali berstatus asnaf fakir dan miskin antaranya disebabkan oleh masalah kesihatan dan peribadi usahawan asnaf yang di luar kawalan TERAS.

Selain itu, pemantauan pencapaian pendapatan asnaf yang telah melebihi had kifayah secara konsisten selepas dikeluarkan daripada status asnaf akan melibatkan penambahan kos pemantauan asnaf yang mana menggunakan dana wang agihan zakat asnaf fakir miskin. TERAS akan memanjangkan isu tersebut kepada LZS untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

LZS memaklumkan satu perbincangan telah dijalankan dan bersetuju untuk memberi TERAS akses terhadap Sistem Teknologi Maklumat LZS yang berkaitan usahawan asnaf. Perkara ini akan dinyatakan dalam *Master Service Agreement* yang baharu.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* program pembangunan usahawan adalah kurang berkesan kerana seramai 426 (80.7%) usahawan kekal berstatus bukan asnaf fakir dan miskin.

4.6.2.3. Pengurusan Program Pembangunan Usahawan

a. Agihan Modal

- i. Piagam Pelanggan TERAS menetapkan 45 hari bekerja untuk menguruskan permohonan bantuan modal peralatan dan modal pusingan

kepada usahawan asnaf. Pengurusan bantuan modal meliputi proses penerimaan permohonan, mesyuarat teknikal, pengesahan wakil Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan kelulusan Pengurus Besar, Sektor Perolehan dan Kewangan. Semakan Audit mendapati 208 (85.9%) daripada 242 dokumen permohonan bantuan modal telah diproses dalam tempoh 45 hari bekerja. Bagaimanapun, 34 (14.1%) dokumen permohonan lewat diproses antara satu (1) hingga 92 hari. Analisis Audit mendapati kelulusan bantuan modal yang tertinggi tidak diproses dalam tempoh 45 hari (17.5%) adalah pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.7**.

JADUAL 4.7
TEMPOH MASA PROSES
BANTUAN MODAL BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2018

TAHUN	BIL. DOKUMEN	PENCAPAIAN (Bilangan Dokumen Permohonan Bantuan Modal)			
		≤45 HARI	PERATUS (%)	>45 HARI	PERATUS (%)
2015	114	94	82.4	20	17.5
2016	63	56	88.9	7	11.1
2017	29	27	93.1	2	6.9
Jun 2018	36	31	86.1	5	13.9
JUMLAH	242	208	85.9	34	14.1

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Kelewatan berlaku antaranya disebabkan proses pembelian kenderaan, pembinaan atau ubah suai premis dan pembekalan peralatan bantuan mengambil tempoh masa yang lama iaitu antara satu (1) hingga tiga (3) bulan. Perolehan bantuan perlu melalui beberapa proses seperti mencari pembekal, membuat pemeriksaan dan lawatan ke premis berkaitan.

Maklum Balas TERAS yang Diterima pada 12 September 2018

Pihak TERAS telah mengenal pasti kelewatan yang berlaku melibatkan beberapa kategori bantuan modal. Penambahbaikan terhadap garis panduan sedia ada bagi tempoh masa yang berbeza mengikut kategori akan dikuatkuasakan pada 1 November 2018.

Pada pendapat Audit, prestasi memproses dokumen permohonan bantuan modal adalah cecap 208 (85.9%) daripada 242 dokumen permohonan bantuan modal telah diproses dalam tempoh 45 hari bekerja seperti yang ditetapkan.

b. Pengurusan Usahawan

- i. Berdasarkan kepada *Standard Operating Procedures* (SOP) Bantuan Modal TERAS, usahawan asnaf yang menerima bantuan perlu berikrar dengan menandatangani Borang Permohonan Bantuan Perniagaan. Ikrar tersebut adalah pengakuan usahawan asnaf kepada TERAS untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk keluar dari asnaf. Selain itu, usahawan asnaf bagi projek lori perlu menandatangani perjanjian Projek Usahawan Bergerak yang menetapkan usahawan untuk menyediakan laporan jualan dan membuat Tabungan Bulanan Usahawan sejumlah RM300 ke akaun TERAS. Tabungan ini perlu bagi tujuan proses penukaran hak milik lori kepada usahawan asnaf setelah berjaya keluar daripada status asnaf fakir dan miskin. Manakala bantuan lori akan ditarik semula sekiranya usahawan asnaf menarik diri atau melanggar perjanjian yang telah ditandatangani.
- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 11 (1.1%) daripada 1,097 usahawan asnaf (1.1%) yang menerima bantuan tidak mencapai objektif program. Perkara ini menyebabkan bantuan berjumlah RM152,380 dalam bentuk modal pusingan, peralatan, sewa dan kos ubah suai premis tidak memberi manfaat kepada usahawan dan TERAS. Keterangan lanjut adalah seperti perenggan di bawah:

- **Projek Lori**

- Projek lori adalah bantuan yang diberikan kepada usahawan asnaf yang layak bagi menjalankan perniagaan makanan. Bantuan yang diberikan adalah seperti lori bergerak, peralatan perniagaan dan bantuan modal pusingan. Bantuan akan diberikan mengikut keperluan selepas penilaian dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah TERAS. Tiada had jumlah bantuan yang ditetapkan pada tahun sebelum 2016. Bagaimanapun, bermula pada tahun 2016 jumlah bantuan yang ditetapkan adalah sehingga RM65,000.
- Perjanjian bagi projek lori yang ditandatangani antara TERAS dan usahawan menyatakan, usahawan hendaklah menyerahkan laporan jualan dan membuat tabungan lori kepada TERAS sejumlah RM300 sebulan dalam tempoh belum keluar dari asnaf. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2015 hingga 2017 sebanyak 100 orang usahawan asnaf telah mendapat bantuan modal perniagaan yang melibatkan kos projek berjumlah RM2.73 juta. Setakat bulan Jun 2018, seramai 76 (76%) orang usahawan asnaf

telah keluar asnaf, 14 (14%) masih dalam asnaf dan baki 10 orang (10%) telah ditarik bantuan.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati 10 daripada 100 orang usahawan yang mendapat bantuan modal perniagaan projek lori berjumlah RM566,728 bagi tahun 2013 hingga 2016 telah ditarik balik bantuan tersebut oleh TERAS. Penarikan semula bantuan lori disebabkan kegagalan usahawan asnaf tersebut menyerahkan laporan jualan dan membuat tabungan lori seperti yang ditetapkan. Penarikan bantuan modal ini berlaku dalam tempoh dua (2) hingga lima (5) tahun selepas bantuan modal perniagaan diberi kepada usahawan asnaf. Lori yang ditarik balik daripada usahawan asnaf telah diserahkan kepada usahawan asnaf yang baru manakala peralatan dan modal bernilai RM107,387 masih digunakan oleh usahawan asnaf tersebut untuk terus menyara kehidupan.
- Perkara ini menyebabkan objektif TERAS untuk melahirkan usahawan asnaf yang berdikari tanpa bergantung kepada bantuan zakat tidak tercapai. Butiran lanjut mengenai bantuan lori yang ditarik balik adalah seperti **Jadual 4.8** berikut:

JADUAL 4.8
JUMLAH BANTUAN BAGI PROJEK LORI YANG DITARIK PADA TAHUN 2018

BIL.	NO. PENDAFTARAN LORI	JENIS BANTUAN			JUMLAH (RM)
		LORI (RM)	PERALATAN (RM)	MODAL PUSINGAN (RM)	
1.	BMK 6752	37,849	21,875	11,500	71,224
2.	BNB 5603	47,500	4,590	4,500	56,590
3.	BNC 893	47,500	5,618	1,500	54,618
4.	BNB 3462	47,500	6,638	4,000	58,138
5.	BNB 3698	47,500	2,967	2,500	52,967
6.	BNC 752	47,500	6,155	3,000	56,655
7.	BNC 3258	47,500	6,496	5,500	59,496
8.	BNQ 5742	51,143	-	-	51,143
9.	BMK 7969	37,849	5,128	4,500	47,477
10.	BNC 943	47,500	6,420	4,500	58,420
JUMLAH		459,341	65,887	41,500	566,728

Sumber: Laporan Status Lori Tarik TERAS

Maklum Balas TERAS yang Diterima pada 12 September 2018 dan Maklum Balas semasa Exit Conference pada 18 September 2018

Penarikan bantuan lori daripada usahawan yang melanggar syarat perjanjian dibuat untuk mengoptimumkan nilai bantuan kepada asnaf yang lebih efisien. Bagaimanapun, bantuan peralatan dan modal pusingan

merupakan perbelanjaan hangus yang terpaksa ditanggung bagi membantu usahawan tersebut untuk meneruskan perniagaan bagi menyara hidup walaupun tidak lagi berada dalam program pembangunan usahawan TERAS.

- **Projek Dobi**

- Projek Dobi diwujudkan pada tahun 2015 dan seramai tiga (3) orang usahawan telah diberikan bantuan modal untuk perniagaan dobi dengan modal sejumlah RM160,864. Projek ini bertujuan memberi bantuan kepada usahawan asnaf yang layak untuk menjalankan perniagaan dobi. Bagaimanapun, projek dobi telah dihentikan pada tahun 2016 disebabkan trend perniagaan dobi layan diri yang memerlukan kos yang lebih besar sehingga RM200,000.
- Semakan Audit mendapati dua (2) daripada 3 orang usahawan telah berjaya keluar daripada status asnaf fakir dan miskin. Bagaimanapun, seorang usahawan yang mendapat bantuan modal perniagaan berjumlah RM76,943 telah menghantar notis penarikan diri pada tahun 2015 daripada program pembangunan usahawan disebabkan kegagalan menjana keuntungan yang mana pendapatan yang diperoleh tidak dapat menampung kos operasi bulanan. Oleh itu, TERAS telah menarik semula peralatan yang bernilai RM31,950 seperti mesin basuh, mesin pengering, *water pump*, *water filter* serta *steam iron* dan menyerahkannya kepada dua (2) usahawan projek dobi yang telah keluar daripada status asnaf fakir dan miskin. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada dokumen perjanjian antara TERAS dan usahawan sebagai rujukan untuk diambil tindakan susulan.
- Penarikan diri usahawan dobi ini juga melibatkan wang agihan zakat asnaf fakir dan miskin berjumlah RM44,993 yang merangkumi kos ubah suai premis, sewa premis, modal pusingan dan tunggakan sewa tidak digunakan dengan optimum. Selain itu TERAS tidak dapat mengambil tindakan susulan terhadap usahawan asnaf kerana ketiadaan perjanjian atau garis panduan sebagai rujukan. Butiran lanjut mengenai bantuan peralatan dan modal yang diberikan kepada usahawan ini adalah seperti **Jadual 4.9** berikut:

JADUAL 4.9
JUMLAH BANTUAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA ASNAF YANG MENARIK DIRI

BIL.	BANTUAN	JUMLAH (RM)	CATATAN
1.	Peralatan	31,950	Diberi Kepada Usahawan Asnaf Lain
2.	Ubahsuai Premis	24,393	Belanja Hangus RM44,993
3.	Sewa Premis	12,600	
4.	Modal Pusingan	2,000	
5.	Tunggakan Sewa	6,000	
JUMLAH		76,943	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas TERAS yang Diterima pada 12 September 2018 dan Maklum Balas semasa *Exit Conference* pada 18 September 2018

Pihak TERAS memaklumkan persaingan daripada perniagaan dobi layan diri menyebabkan usahawan asnaf tidak dapat menjana keuntungan yang diharapkan. Kos ubahsuai premis, deposit, sewa dan modal pusingan adalah perbelanjaan hangus yang terpaksa ditanggung bagi membantu usahawan untuk terus berjaya. TERAS juga telah menghentikan projek dobi ini disebabkan trend perniagaan dobi layan diri yang memerlukan kos yang lebih besar sehingga RM200,000. Selain itu, TERAS akan mengkaji semula keperluan mengadakan satu (1) dokumen perjanjian bagi semua jenis perniagaan yang diberikan.

Pada pendapat Audit, pengurusan usahawan adalah baik kerana 98.9% usahawan asnaf yang dibantu masih meneruskan peniagaan.

4.6.3. Tadbir Urus

4.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Tadbir urus yang baik patut diamalkan dengan meluas untuk memaparkan mutu dan integriti tertinggi pemimpin dalam organisasi. Antara amalan terbaik yang boleh digunapakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG)*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook*], 1PP - WP 7.4 (Pelantikan Lembaga Pengarah BBP Sebagai

Pengerusi Lembaga Pengarah Dalam Syarikat Subsidiari) dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

4.6.3.2. Semakan Audit mendapati TERAS telah mematuhi tujuh (7) daripada lapan (8) amalan terbaik tadbir urus dari aspek pelantikan dan peranan Pengerusi, pelantikan dan peranan Pengarah, penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Korporat serta KPI, *Standard Operating Procedures* (SOP), Audit Dalaman, dan Pengurusan Kewangan. Bagaimanapun, satu (1) amalan terbaik Tadbir Urus yang lain iaitu Jawatankuasa Audit tidak diwujudkan. Secara keseluruhannya amalan tadbir urus adalah baik.

4.6.3.3. Perkara yang tidak diamalkan oleh TERAS adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Audit

- i. Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit (JKA) yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat. Manakala peranan utama Audit Dalaman pula untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Berdasarkan MCGG 2017, *intended outcome 8.0* dan *Green Book* perenggan 1.2.1 menyarankan Lembaga Pengarah menubuhkan JKA dipengerusikan oleh Pengarah Bebas, mempunyai komposisi sekurang-kurangnya tiga (3) ahli dan tidak melebihi empat (4) ahli serta majoriti keahlian merupakan Pengarah Bebas. Kesemua ahli JKA hendaklah mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan dan dapat memahami perkara di bawah bidang kuasa JKA termasuk proses pelaporan penyata kewangan. Selain itu, JKA hendaklah memastikan fungsi Audit Dalaman adalah efektif dan bebas. Audit Dalaman ini hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, tadbir urus dan kawalan dalaman syarikat serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat.
- iii. Semakan Audit mendapati syarikat TERAS tidak mewujudkan JKA. Bagaimanapun, Unit Audit dan Kualiti TERAS telah ditubuhkan bagi melaksanakan pengauditan kawalan dalaman terhadap aktiviti yang dijalankan oleh sektor-sektor di bawah TERAS. Tindakan terhadap penemuan audit tersebut telah diambil dengan sewajarnya.

Maklum Balas TERAS yang Diterima pada 12 September 2018

Pihak TERAS memaklumkan akan membawa cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit kepada Lembaga Pengarah melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan diadakan pada 9 Oktober 2018.

Pada pendapat Audit, amalan terbaik bagi aspek Jawatankuasa Audit adalah tidak memuaskan. Ketiadaan Jawatankuasa Audit boleh menjejaskan kawalan dalaman berkaitan akauntabiliti.

4.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan penubuhan TERAS memenuhi tujuan penubuhannya, adalah disyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

4.7.1. menyediakan garis panduan bagi skop perkhidmatan pembangunan usahawan yang meliputi penetapan bagi penilaian dan sasaran mengikut tempoh bagi setiap peserta untuk keluar daripada status asnaf fakir dan miskin, tempoh pemantauan selepas peserta keluar status asnaf fakir dan miskin supaya kedudukan kewangan peserta dalam keadaan stabil sebelum dikeluarkan serta penarikan diri peserta atau penamatan daripada program;

4.7.2. memastikan perekodan maklumat usahawan asnaf yang menyertai program pembangunan usahawan sentiasa dikemas kini dan disimpan untuk tujuan pemeriksaan Audit;

4.7.3. mengkaji semula kaedah dan peranan serta tanggungjawabnya berkaitan program pembangunan usahawan bersama LZS supaya dapat diuruskan dengan lebih berkesan bagi memastikan program ini berjaya;

4.7.4. mengkaji semula proses pengurusan bantuan modal kepada usahawan asnaf mengikut jenis bantuan yang diberikan supaya dapat diuruskan dengan lebih teratur dan berkesan;

4.7.5. mewujudkan garis panduan dan perjanjian serta bimbingan dan tunjuk ajar kepada usahawan yang berkaitan bantuan modal dan peralatan bagi memastikan bantuan yang diberikan dapat memberi pulangan yang setimpal dalam melahirkan usahawan asnaf yang berjaya; dan

4.7.6. mewujudkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan fungsi Audit Dalaman adalah efektif dan bebas.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor seperti penurunan kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas yang jelas dalam pelaksanaan sesuatu projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian objektif dan matlamat yang ditetapkan. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan perlu dipertingkatkan dan dilaksanakan secara berterusan oleh setiap penjawat awam yang berkaitan.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dilaksanakan untuk menentukan kelemahan yang sama tidak berlaku dalam projek/program lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan serta-merta.

Agensi Kerajaan Negeri Selangor juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

2 November 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773